Citra Budaya

Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara (ISSN 2462-1285 Tahun Ke-13 Bil 2/2021)




Tema **Nasihat dan Cinta dalam Lagu-lagu Gambus**
Dr. Mohd Nizam Attan

Mek Mulung **'Dari Bangsal ke Pentas'**
Rozaimah Mohamad Lazim

How AI is Helping Preserve and Promote Malaysia's Cultural Heritage
Amanda Oon

Roslan Madun

Sang Maestro
Pelopor Dendangan Syair Pelbagai Irama



KALAM PERAK

Edisi kedua Citra Budaya 2021 kali ini tampil dengan puisi tradisional sebagai topik pilihan. Puisi Tradisional merujuk kepada susunan perkataan dalam bentuk karangan berangkap atau pengucapan lisan dalam susunan yang istimewa, ianya juga dikenali sebagai puisi lisan yang berkembang dalam kesenian rakyat. Pantun, syair, nazam dan gurindam adalah di antara bentuk puisi tradisional yang begitu sinonim dalam penggunaan masyarakat kita dalam menyampaikan mesej atau maksud, nasihat, teguran dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga bentuk puisi seperti mantera dan teromba yang mengandungi unsur ritual atau magis.

Daripada sudut pandangan, puisi tradisional tidak hanya sebagai hiburan atau karya seni semata-mata, ianya adalah salah satu medium penyampaian yang paling berkesan. Sesuatu mesej atau maksud disampaikan melalui pengucapan indah namun mampu membina sahsiah diri seseorang. Saya tertarik dan mengambil contoh dodoi yang menjadi hiburan para ibu di kala menidurkan anak kecil. Daripada mula kita dilahirkan, puisi tradisional telah menjadi dendangan penuh pesanan, nasihat dan kebenaran, dengan harapan meresap ke jiwa si manja yang dikasihi menjadi benih kasih sebagai peneduh apabila dewasa kelak.

Mengingat kembali pada sebahagian bait-bait dodoi ini, pastinya terimbau kenangan manis si ibu bersama anak. Di antara bait-baitnya terkandung unsur pesanan, belaian dan kasih sayang;

Hendak gugur, gugurlah nangka
Jangan ditimpa dahan pauh
Hendak tidur, tidurlah mata
Jangan dikenang ibu yang jauh

Tidurlah Intan, tidurlah sayang
Dudu di dudu, dudu di dudu

Buah papaya lebat di batang
Tumbuhnya dekat pohon ramunia,
Ibu bekerja pagi dan petang,
Sekejap lagi pulanglah dia.

Burung Kenek-kenek
Tebang Cucur atap
Pesan datuk nenek
Hati kita mahu tetap

Burung Kenek-kenek
Terbang atas pagar
Pesan datuk nenek
Rajin-rajin pergi belajar

(Sumber: Lirik Dodoi Si Manja, Terbitan JKKN)

PUISI TRADISIONAL
Melentur Jiwa

Ibarat pepatah melentur buluh, biarlah daripada rebungnya. Dalam konteks puisi tradisional seperti lirik-lirik lagu dodoi ini terkandung pesanan, nasihat penuh hikmah yang mampu mendidik serta membentuk sahsiah diri kanak-kanak sejak kecil lagi. Fitrah manusia sukakan keindahan dan keindahan ini disampaikan melalui pengucapan puisi yang indah serta menarik jiwa yang mendengarnya.

Peredaran zaman dan persekitaran sedikit sebanyak telah melenturkan nilai-nilai sebegini di dalam kehidupan kita seharian. Penerapan puisi tradisional yang mendidik ini perlu diperkasakan dan seharusnya dilihat sebagai sebahagian daripada modul pendidikan di dalam kehidupan masyarakat yang boleh diterapkan bermula daripada institusi kekeluargaan. Seni itu indah dan sesuatu yang indah mampu menarik jiwa untuk, menghayatinya dan bukan sekadar hiburan kosong. Puisi tradisional adalah lakaran jiwa terangkum dalam pelbagai wadah yang mampu melentur jiwa insani.

Salam Sayang,

Zubariah Abdullah
Ketua Editor
Citra Budaya 2021

SIDANG PENERBIT CITRA BUDAYA 2/2021



TN. HAJI MESRAN MOHD YUSOP
KETUA PENGARAH
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA



SALEHHUDDIN MD SALLEH
TIMBALAN KETUA PENGARAH
SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN
PROF. ADJUNG UNIVERSITI MALAYA



EDITOR
ZUBARIAH ABDULLAH
PENGARAH
CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN

EDITORIAL




ZURIAH MOHAMAD
(CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN)



SHAHRIZAL ABDAN
(JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)

PENYELARAS PENERBITAN



NOR FAIZA ARSHAD
(CAW DOKUMENTASI & PENERBITAN)

EDITORIAL




NURHIDAYAH ZAKARIA
(UNIT KOMUNIKASI KORPORAT)



KHAYETHTRI A/P SEGARAN
(PENGUKUHAN SENI BUDAYA)



MOHAMMAD HUSRI MORNI
(BIMBINGAN SENI BUDAYA)



WAN AZLINA ZAKARIA
(DASAR DAN PENYELIDIKAN)



MUHAMAD HARIS ZAKARIA
(PENGEMBANGAN SENI BUDAYA)



AMIRUL IBRAHIM
(PEMBANGUNAN PRODUK SENI BUDAYA)



JAMALIAH AZMAN
(PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK)

CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN

JURUGAMBAR



MUHAMMAD ASYRAF REZALI

GRAFIK



BAFTI HERA ABU BAKAR

PENYELARAS PENGEDARAN



MUHAMMAD FAIZAL RUSLEE

PUSAT SUMBER SENI BUDAYA



SURAYA OMAR

Isi Kandungan



2 **Kalam Perak**
Puisi Tradisional
Melentur Jiwa

3 **Redaksi**
Citra Budaya 2/2021

7 **Tinta Emas**
Ketua Pengarah JKKN

8 **Teras Strategik JKKN**
Aspirasi Baharu JKKN
dalam Penyemarakan dan
Pelestarian Budaya



12 **Segmen Khas**
Kunjungan Hormat
YB Datuk Seri Dr. Santhara Kumar
a/l Ramanaidu, Timb. Menteri
Pelancongan, Seni dan Budaya
ke JKKN

15 **Suara Kreatif Warga Kita I**
Pantun Canggung

16 **Suara Kreatif Warga Kita II**
Mestamu Kitabullah



17 **Kisah Muka Hadapan**
Roslan Madun: Sang Maestro
Pelopor Dendangan Syair
Pelbagai Irama

20 **Asuhan &**
Kemahiran Seni
Terapi Seni: Terapi
Kreativiti Kanak-kanak

23 **Pemuliharaan & Pemeliharaan**
Teater Tradisional Mek Mulung
'Dari Bangsal ke Pentas'
Pelestarian Seni Tradisional Kedah

31 **Pemuliharaan & Pemeliharaan**
Puisi Rejang Melaka:
Moga Kembali Bernafas

36 **Pemuliharaan & Pemeliharaan**
Peranan Topeng dalam
Persembahan Tradisional
Negeri Perlis

38 **Pemuliharaan & Pemeliharaan**
Kebaya Perlis:
Busana Tradisional Perlis

41 **Pemuliharaan & Pemeliharaan**
Kanak-Kanak & Seni Bercerita
Si Penglipur Lara

45 **Pemuliharaan & Pemeliharaan**
Tarian Kuda Kepang



51 **Segmen Penulis Tamu**
Seni Muzik Dalam
Masyarakat:
Tema Nasihat dan Cinta
dalam Lagu-Lagu Gambus

56 **Suara Kreatif Warga Kita III**
Pucuk Melangit,
Akar di Bumi

57 **Pemuliharaan & Pemeliharaan**
Kuala Selangor
Satu Perspektif Sejarah

63 **Suara Kreatif Warga Kita IV**
Memukat Harapan
Menjaring Impian

Isi Kandungan



64 **Pemuliharaan & Pemeliharaan**
Tudung Keringkam

67 **Perkhidmatan Seni Budaya Kepada Masyarakat**
Pemerkasaan Usahawan Seni Melalui Laman Sesawang Seni Budaya Malaysia

70 **JKKN Global**
How AI is Helping Preserve and Promote Malaysia's Cultural Heritage

73 **Tadbir Urus Seni Budaya**
Bersahabatlah Dengan Pusat Sumber Seni Budaya

74 **Tadbir Urus Seni Budaya**
Insentif Seni JKKN

76 **Tadbir Urus Seni Budaya**
Pendidikan Melalui Animasi

78 **English in Action**
COVID is JAHAT

80 **Jaringan Kerjasama Kebudayaan**
Diplomasi Pantun:
Media Keakraban Negeri Serumpun

84 **Suara Warga Kreatif Kita V**
Kibarkan Jalur Gemilang

85 **Suara Warga Kreatif Kita VI**
Pantun Nasihat

86 **Pemuliharaan & Pemeliharaan**
Jerunei: Tiang Pengebumian Kaum Melanau

88 **Selembar Bicara**
Mengurus Pengupayaan Seni Budaya Sebagai Penanda Tamadun

90 **Belasungkawa**
Allahyarham Hazeme bin Said



93 **Segmen Khas**
Hafsah Jusoh:
Penyanyi Lagu Asli & Rakyat Tersohor Terengganu

97 **Suara Warga Kreatif Kita VII**
Perkongsian Ilmu: Berfikir dan Bertindak Cara Editor dalam Penulisan

117 **Seni & Buku**
Catatan Vijayanagara

Tinta Emas

KETUA PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana Citra Budaya pada kali ini berpeluang melahirkan penerbitan dengan pengisian artikel yang baharu. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada sidang editorial Citra Budaya atas inisiatif ini, yang secara langsung telah memberi nilai tambah kepada penerbitan bahan-bahan seni budaya pada peringkat jabatan.



Seni menjadi manifestasi tamadun kehidupan sesebuah negara dan peranannya cukup besar dalam pembangunan masyarakat. Selari dengan matlamat dan peranan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dalam menyemarakkan seni budaya negara, JKKN juga turut menyantuni puisi-puisi tradisional agar terus mekar sebagai warisan bangsa yang amat tinggi nilainya. Justeru, penerbitan Citra Budaya keluaran kali ini, JKKN mengetengahkan Raja Syair Nusantara 'Roslan Madun' sebagai penghias muka hadapan buletin Citra Budaya bilangan kedua.

Tiada kata seindah bahasa, tiada bahasa seindah puisi dan tiada lukisan seindah pandangan. Begitulah gambaran yang boleh diterjemahkan untuk beliau sebagai seorang pejuang yang tidak pernah jemu dalam memperjuangkan kesenian tradisional. Seperti ungkapan beliau "seni tidak mati kerana pandemik". Begitulah juga harapan saya terhadap syair dan puisi lama agar tidak dilupakan dan terus mendapat peminat baharu."

Sebagai sebuah jabatan yang memartabatkan seni budaya, JKKN akan terus memikul tanggungjawab untuk memastikan cabang seni tradisional ini terus relevan dalam kehidupan masyarakat.

Terima kasih juga kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya-karya untuk perkongsian ilmu dan sebagai sokongan kepada hasrat JKKN dalam mengangkat karya penulisan yang lebih bermutu pada masa hadapan.

HAJI MESRAN BIN MOHD YUSOP
Ketua Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

TERAS STRATEGIK JKKN

ASPIRASI BAHARU JKKN DALAM PENYEMARAKAN DAN PELESTARIAN SENI BUDAYA

Ditulis Oleh:
Salmiyah Ahmad
Bahagian Dasar dan
Penyelidikan (Dasar)


Sesuai dengan namanya, JKKN diberi tanggungjawab untuk memperkasa, menyemarak dan melestarikan aspek kebudayaan dan kesenian negara. Kita mungkin mengetahui, tetapi tidak begitu memahami kepentingan kebudayaan dan kesenian dalam memperkukuhkan asas ketamadunan sesuatu bangsa. Kedua-dua aspek ini adalah penting untuk menyerlahkan identiti sesuatu bangsa dan pengamalannya pada ruang yang tepat akan membantu memperkukuhkan jati diri bangsa berkenaan.

Mengambil kira peranan ini, JKKN sentiasa merangka pelbagai program, aktiviti dan inisiatif bagi memastikan setiap objektif yang digariskan selaras dengan visi dan misi jabatan, dapat direalisasikan. Titik tumpu JKKN tidak hanya menjurus kepada program dan aktiviti berbentuk penyemarakan tetapi juga kepada program dan aktiviti berbentuk ilmiah dalam usaha memberi nilai tambah terhadap kefahaman dan apresiasi masyarakat mengenai aspek kebudayaan dan kesenian.

Pelbagai perancangan yang disusun perlu berlandaskan kepada satu matlamat dan hala tuju yang sama bagi memastikan ia tidak tersasar jauh. Mengambil kira perkara ini, maka JKKN melalui Bahagian Dasar dan Penyelidikan telah mengambil inisiatif mewujudkan Pelan Strategik JKKN (PS JKKN) 2021-2025 yang akan menjadi dokumen rujukan utama jabatan dalam merangka program dan aktiviti bagi tempoh lima (5) tahun, selari dengan tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Aspirasi baharu JKKN yang diterjemahkan dalam PS JKKN ini juga adalah sejajar dengan perkara-perkara yang digariskan dalam Pelan Strategik MOTAC 2021-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030). Penjajaran ini adalah satu keperluan untuk memastikan apa yang akan dilaksanakan berada di landasan sama yang meletakkan kesejahteraan rakyat sebagai agenda nasional negara.

Secara ringkasnya, PS JKKN 2021-2025 bertunjangkan enam (6) teras strategik yang disokong oleh 24 strategi dan 44 pelan tindakan yang dibina berdasarkan objektif dan fungsi utama JKKN.



TERAS STRATEGIK JKKN



MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI DAN BUDAYA KEPADA KOMUNITI BAGI KESEJAHTERAAN RAKYAT

3

TERAS 3

"Usaha memartabatkan dan menyemarakkan seni budaya tidak hanya bersifat insitu. Ia sebaliknya diperluaskan secara menyeluruh mencakupi pelbagai bidang, medium dan bentuk serta boleh diakses oleh segenap lapisan masyarakat."

Halatuju :
Meningkatkan Keboleh Capaian Masyarakat kepada Seni Budaya

MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS SENI BUDAYA UNTUK MENYEMARAKKAN INDUSTRI

4

TERAS 4

"Tadbir urus seni budaya merupakan aspek penting yang memacu kepada usaha untuk memantapkan dan menyemarakkan industri seni budaya. Tumpuan diberikan kepada hal berkaitan pengurusan data seni budaya, pengikitirafan serta pemerkasaan penggiat/pendukung seni budaya.

Inisiatif yang dilaksanakan adalah selari dengan Dasar Kebudayaan Negara."

Halatuju :
Hab Data, Aktiviti Keintelektualan dan Pemantapan Pemain Industri Bidang Seni Budaya

MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA KEBUDAYAAN BAGI KECEMERLANGAN SENI BUDAYA

5

TERAS 5

"Usaha memartabatkan seni budaya ke tahap cemerlang adalah usaha yang perlu dilaksanakan dengan penglibatan semua pihak. Ia melibatkan sinergi bersepadu dan komitmen berterusan terutama dalam aspek promosi dan publisiti dengan mengaplikasikan elemen teknologi terkini. Kebertanggungjawaban semua pihak akan mewujudkan satu ekosistem seni budaya yang bersifat glokal."

Halatuju :
Pewujudan Ekosistem Seni Budaya yang Mampan

MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA UNTUK PEMBANGUNAN MODAL INSAN


6

TERAS 6

"Tadbir urus organisasi adalah elemen penting yang perlu sentiasa diperkemas dan diperkasakan bagi memastikan jabatan sentiasa cemerlang. Ia perlu mengambil kira penekanan kepada semua aspek merangkumi pentadbiran, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, pengurusan sistem teknologi maklumat serta pengurusan infrastruktur dan prasarana jabatan di seluruh negara. Aspek-aspek ini akan mendukung kepada usaha merealisasikan pelan-pelan tindakan yang digariskan di bawah Teras 1 – Teras 5."

Halatuju :
Pemantapan Tadbir Urus ke Arah Organisasi Berprestasi Tinggi

Merujuk kepada pernyataan teras yang dinyatakan, jelas bahawa JKKN perlu bergerak seiring dengan perkembangan semasa dengan mengaplikasikan teknologi dalam meneruskan usaha menyemarak dan melestarikan seni budaya dalam kalangan masyarakat. Setiap perancangan aktiviti perlu mengambil kira penggunaan kaedah yang terkini bagi memastikan impak yang diperoleh lebih besar serta memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat.



Tahniah

YB Datuk Seri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu

TIMBALAN MENTERI
PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Warga JKKN merakamkan ucapan
setinggi-tinggi tahniah kepada
YB Datuk Seri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu
atas pelantikan sebagai
Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya
Malaysia (MOTAC).

27 Ogos 2021



SELAMAT DATANG KE JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA

جباتن کبودایان دان کسنیان نکارا

Kunjungan Hormat

YB DATUK SERI DR. SANTHARA KUMAR A/L RAMANAIDU

TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

KE IBU PEJABAT JKKN

21 SEPTEMBER 2021



SEGMEN KHAS

KUNJUNGAN HORMAT YB DATUK SERI DR. SANTHARA KUMAR A/L RAMANAIDU, TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA KE JKKN

Ditulis Oleh:
Nurhidayah Zakaria
Unit Komunikasi Korporat
JKKN



Dari Johor ke Pulau Pinang
Singgah sebentar di Kota Tinggi
Dari jauh Yang Berhormat Datuk Seri datang
Kami di JKKN setia menanti



Tanggal 21 September 2021, menjadi tarikh istimewa buat Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) kerana telah menerima kunjungan daripada YB. Datuk Seri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Sesi kunjungan ke JKKN, merupakan salah satu daripada siri lawatan beliau ke semua jabatan dan agensi di bawah MOTAC selepas pelantikannya sebagai Timbalan Menteri MOTAC pada 27 Ogos 2021.

Ketibaan beliau telah disambut oleh pengurusan tertinggi JKKN iaitu YBrs. Tuan Haji Mesran bin Mohd Yusop, Ketua Pengarah JKKN dengan diiringi oleh kedua-dua Timbalan Ketua Pengarah iaitu Encik Salehhuddin bin Md Salleh (Sektor Dasar & Perancangan) dan Encik Mohd Amran bin Mohd Haris (Kebudayaan dan Kesenian) serta diserikan dengan persembahan sambutan oleh Kumpulan Kesenian Jabatan (KKJ).

Sepanjang tempoh siri lawatan yang ringkas dan padat ini, Timbalan Menteri MOTAC telah diberikan taklimat ringkas mengenai pengoperasian, pelaksanaan program dan produk JKKN pada masa kini serta perancangan masa hadapan jabatan. YB. Datuk Seri turut menitipkan hasrat beliau untuk melihat seni dan budaya menjadi medium penyatuan serta dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan "Keluarga Malaysia". Beliau turut memberikan kata-kata semangat dan berharap agar JKKN turut mengorak langkah bersama-sama beliau untuk membawa MOTAC ke arah kecemerlangan, sekaligus mencapai hasrat Perdana Menteri Malaysia dalam merealisasikan sektor pelancongan dan kebudayaan seiring dalam memacu ekonomi negara.

Semoga aspirasi yang diberikan menjadi bekalan buat kami pasukan JKKN untuk terus menuju kecemerlangan seni budaya demi Malaysia tercinta.

Kuning emas masaknya padi,
Mawar merah dalam jambangan;
Kunjungan YB menjadi penyeri,
Moga kekal menjadi kenangan.

Berjalan kaki ke pekan Sembrong,
Hendak membeli tikarlah rotan;
Budi dikenang bakti disanjung,
Kekal subur dalam ingatan.



Sesi taklimat kepada Timbalan Menteri MOTAC oleh Ketua Pengarah JKKN



YBrs. Tuan Haji Mesran Mohd Yusop menyampaikan cenderamata kenangan kepada YB. Datuk Seri Dr. Santhara Kumar a/l Ramanaidu, Timbalan Menteri MOTAC

PANTUN CANGGUNG

Nukilan Asal:
Encik Mahmud bin Wahid

Disediakan oleh:
Encik Wan Mohd Rosli bin Wan Sidik
JKKN Perlis

Nasi kunyit gulai ayam,
Singgah makan di Batas Lintang;
Songkok senget berjalan malam,
Abang nak cari si sanggul lintang.

Kuala Tunggang di Padang Siding,
Tempat orang pasang penangin;
Sanggul lintang bunga disunting,
Bagaimana abang tak teringin.

Bukit Chuping Gua Berangin,
Tempat orang mengambil baja;
Putih kuning jangan duk ingin,
Banyak orang duk balik saja.

Batu Lima di Batas Liku,
Tempat orang menunggang kuda;
Kuntum bunga tunjuk kelaku,
Bagaimana abang rasa tak gila.

Akar tuba di Gunung Sapi,
Akarnya panjang menjalar-jalar;
Jangan cuba bermain api,
Nanti tangan akan terbakar.

Ke Bukit Temiang rebus ketupat,
Mengucai lempuk di Kampung Beseri;
Kalau kupinang-pinang tak dapat,
Kupujuk-pujuk kubawa lari.



MESTAMU KITABULLAH

Karya Asal:
Milyana Arshad
JKKN Sarawak

Kitabullah

Dari ratusan kitab yang diturunkan
Al-Quran jadi pegangan
Umat Islam seluruh alam
Kepada Allah Yang Maha Esa hamba meminta
Diberi petunjuk dan hidayah kepada hamba.

Puisi ini hamba karangi membawa niat
Sebar ilmu sebar dakwah bermanfaat
Ilham dikurnia diberi Allah Yang Maha Kuasa
Moga diberi kekuatan membacanya.

Perlu berwuduk bersihkan diri sebelum dibaca
Supaya dapat diserapkan segala isinya
Hai saudara Al-Quran ini kitab suci
Bila dibaca dengan ikhlas sucikan hati.

Kitab dibaca teman setia beri manfaat
Penyuluh hidup sekalian muslimin muslimat
Dari loh mahfuz dibawa turun ke muka bumi
Dibawa Jibril penuh bermakna kepada nabi.

Pelbagai kisah diwahyukan buat pedoman
Kisah awal hingga kisah akhir zaman
Dalam Al-Quran terkandung isi segala panduan
Tiada cacat tiada apa yang berkurangan.

Al-Quran dibaca dengan sempurna makhraj
hurufnya
Beroleh pahala buat bekalan di dunia sana
Pada yang hidup tidak membaca pastinya rugi
Menjauhkan diri dengan syurga yang kekal abadi.

Ayat Al-Makiyah, ayat Madaniyah dicantum semua
Jadi karangan dalam kitab yang mulia
Kepada Allah Yang Maha Esa hamba meminta
Diberi petunjuk dan hidayah kepada hamba.

Kitabullah.. Kitabullah.. Kitabullah

Kuching, Jun 2021



Roslan Madun
SANG MAESTRO PELOPOR DENDANGAN SYAIR PELBAGAI IRAMA

Ditulis oleh:
Syafiq Ahmad

Penyelaras:
Intan Yoshida Sharuddin

Satu ungkapan jujur, beliau insan seni yang ikhlas meneroka keindahan syair dan lagu rakyat dengan cara tersendiri. Begitu ungkapan yang boleh digambarkan kepada penerima anugerah *"The International Contest of Folk Song Artists Voices Ancient Cities Ryazan, Russia 2021"*. Satu anugerah tertinggi yang diterima beliau setakat ini iaitu Diploma of the Laureate of the II Degree.

Roslan Madun satu nama besar, selain Tokoh Lagu-lagu Rakyat Negeri Pahang yang kita kenali seperti Dato' Aripin Said, kedua-duanya anak jati negeri Pahang. Beliau dilahirkan tanggal 20 Julai 1952, di Kampung Durian Tawar, Mengkarak Bera, Pahang. Pelantun lagu Lemak Manis ini telah mendapat pendidikan menengah agama di Raub Pahang. Kerjaya seninya bermula pada tahun 1981 iaitu setelah berhijrah ke Kuala Lumpur dan sejak itu beliau mula menyelidik dan mempopularkan lagu-lagu rakyat. Sehingga kini sebanyak 15 buah album lagu-lagu rakyat telah dihasilkan.

Perjuangan beliau yang tidak penah mengenal erti putus asa ini turut membawa beliau mengadakan persembahan di luar negara bermula di Singapura (1982), Padang dan Riau Indonesia (1991), Fukuoka Jepun (1986), Teajon dan Seoul Korea (1993). Mulai tahun 2011 beliau mengembara ke Alam Melayu Nusantara dan pernah membuat persembahan di Kemboja, Brunei Darussalam serta beberapa kota besar di Indonesia.

Kerjaya seninya dikembangkan lagi menerusi penubuhan *Anggun Performing Arts* yang sehingga kini telah berjaya melahirkan anak seni yang berkelulusan diploma mahupun ijazah.

Beliau menganjurkan "Konsert Syair Melayu Nusantara" sebanyak empat siri berturut-turut mulai tahun 2016 di Kuala Lumpur, diikuti di Medan Sumatera Utara tahun 2017, di Kuala Lumpur sekali lagi 2017 dan di Kuantan Pahang 2019.

Pernah bergelar pendidik dalam bidang seni di sekolah, maktab, dan universiti dari tahun 2007 hingga sekarang. Kerjaya dan cinta terhadap bidang seni terus dikembangkan menerusi penglibatan di dalam industri perfileman sehingga pernah dilantik sebagai Pengarah Seni untuk filem Riang Tirana tahun 1989. Aktiviti ini masih berterusan sehingga kini dan masih aktif menulis skrip, berlakon, mengarah drama tv dan teater. Filem terbaru arahannya ialah Pelayaran Sang Maestro iaitu sebuah projek untuk menyertai festival filem di luar negara.

Manakala dalam bidang penulisan beliau pernah menjadi wartawan dan editor di beberapa syarikat penerbitan. Puisi-puisi beliau termuat di dalam Antologi Puisi Penulis-penulis Nusantara. Kejayaan terkini beliau ialah memenangi hadiah Utama dalam Sayembara Penulisan Puisi DPMP Pahang 2021 menerusi kumpulan puisi beliau "Bagaimana Kalau Matahari Tidak Datang dan Malam Tidak Dingin Pergi". Tahun 2006, beliau memenangi Hadiah Sastera Utusan/Exxon Mobil kategori puisi dan pada 2015 pula memenangi Hadiah Sastera Pahang bagi kategori drama.

Pelbagai jawatan turut disandang beliau antaranya ialah sebagai Munsyi Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka sejak 2011, Dosen Luar Biasa di Universiti Sumatera Utara (USU) Sesi 2020, Felo Tamu Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Lantaran pencapaian cemerlang melalui sumbangan serta jasa sebagai penggiat seni, beliau telah dikurniakan Pingat Khidmat Cemerlang (PKC) tahun 2003, dan Anugerah Kebesaran Ahmad Shah Pahang (AAP) 2006 oleh KDYMM Sultan Pahang.

Baru-baru ini beliau telah diberikan Anugerah Khas Seni oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, di Felda Kumai Pahang.

"Seorang manusia yang memperhambakan diri kepada seni warisan bangsa, tidak pernah lelah menjadi nakhoda bahtera mengemudi arah pelayarannya"



Ikuti Temubual Sidang Citra Budaya bersama Roslan Madun. Sesi ini diadakan bersama beliau selepas menjayakan program Pertandingan Dendang Syair Antarabangsa kali ke-4, 2021.

Adakah syair mahupun lagu rakyat masih relevan untuk generasi sekarang?

Atas sokongan banyak pihak dalam usaha melestarikan irama syair, maka syair hari ini menjadi satu fenomena dalam kalangan anak muda. Banyak pertandingan diadakan khususnya pada peringkat sekolah rendah, menengah hingga ke pengajian tinggi. Malah sudah ada pertandingan pada peringkat tadika dan OKU yang mendapat sambutan yang baik. Sokongan dan sambutan ini menunjukkan peningkatan terhadap perkembangan syair di Malaysia. Saya sendiri telah menganjurkan Pertandingan Dendang Syair Antarabangsa sejak tahun 2018 dan tahun 2021 ini telah memasuki tahun keempat.

Apakah yang mendorong untuk terus memperjuangkan Syair/Lagu Rakyat?

Lagu rakyat dan syair merupakan warisan bangsa kita yang tinggi nilainya, khususnya syair yang menjadi akar tamadun bangsa Melayu, yang mengandungi nasihat, panduan dan keintelektualan. Sastera moden itu dibina dari sastera lisan atau tradisional yang sarat dengan nilai kemanusiaan. Melalui saranan dan kebenaran yang ada di dalamnya, maka lahirlah sebuah bangsa Melayu yang berpekerti tinggi, berani serta bijaksana.

Siapakah tulang belakang di sebalik jatuh bangun selama ini?

Keluarga saya iaitu isteri dan anak-anak serta mereka di sekeliling saya. Kejayaan hari ini tak mampu dicapai tanpa inspirasi mereka. Terlalu banyak masa dicurahkan untuk pelestarian ini yang menuntut pengorbanan isteri dan anak-anak. Saya sedar bahawa saya bukan *family man* kerana sikap saya yang terlalu melebihkan perjuangan saya dalam bidang ini. Saya harap saya telah membayar pengorbanan mereka dengan kejayaan yang saya capai setakat ini dengan izin Allah.





Bagaimana dan apakah pendekatan yang terbaik untuk menggalakkan rakyat Malaysia agar menggunakan bahasa yang terkawal di media sosial?

Kecintaan terhadap bahasa ibunda yang begitu indah perlu tersemat kukuh di hati. Semuanya akan menjadi mudah bila kita cinta terhadap sesuatu, dalam kontak ini ialah cinta terhadap bahasa sendiri. Bahasa yang tidak terkawal bercampur aduk dengan bahasa lain, tidak wajar menjadi budaya pengucapan kita. Sangat membimbangkan kerana ia berlaku hampir di semua peringkat, bukan dalam kalangan anak muda sahaja, tetapi turut berlaku dalam kalangan orang dewasa. Dalam soal ini, tepuk dada tanya selera. Pendekatan yang boleh digunakan ialah saling menasihati antara satu sama lain agar menggunakan bahasa yang baik bukan saja di media sosial malah dalam semua disiplin kehidupan.

Apakah pandangan anda tentang Citra Budaya?

Ia merupakan sebuah majalah berita terbitan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang menghimpunkan pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang harus dibaca oleh segenap lapisan masyarakat. Pengisiannya yang pelbagai, fakta yang sahih dan benar serta susun atur grafik yang menarik harus menjadi sebab utama buletin ini perlu dimiliki dan dijadikan rujukan. Ia bukan sekadar bahan bacaan santai namun padat dengan makalah ilmiah.

SIRI 2

Terapi Seni:

TERAPI KREATIVITI KANAK-KANAK

Ditulis oleh:
Mohammad Husri Morni



Menurut Warner (1981) dan Fullan (1982), " realiti di sekolah dan bilik darjah memerlukan pendekatan yang lebih terbuka terhadap konsep implementasi sebagai proses perubahan dan bukan perubahan semata-mata". Pendapat ini selari dengan arus globalisasi dan desakan keperluan negara, untuk melahirkan pelajar yang kendiri dan kreatif yang memerlukan paradigma baharu kurikulum sesuai dengan keadaan semasa.

Siri kedua ini saya menerangkan tentang tujuan Terapi Seni dan keberkesanan Terapi Seni dalam pemupukan sahsiah kanak-kanak. Terapi dengan kreativiti bertujuan untuk meningkatkan latar belakang psikologi dan emosi, melegakan tekanan, menghilangkan ketakutan dan fobia, pencerobohan, kebimbangan, sikap tidak peduli, kemurungan, meningkatkan daya hidup dan suasana hati. Di samping menyelaraskan keadaan psikologi dengan elemen Terapi Seni, tugas-tugas berikut dijalankan adalah dengan tujuan:

1. Mendedahkan potensi kreatif seseorang, bakat dan kebolehannya.
2. Mempercepat pemulihan dalam banyak penyakit.
3. Menubuhkan hubungan antara ahli terapi dan pelanggan, mewujudkan hubungan saling mempercayai.
4. Membantu pesakit menumpukan pada pengalaman dalaman dan belajar untuk mengawal emosi mereka.
5. Membantu seseorang untuk menyesuaikan diri secara sosial.
6. Memberikan dorongan kepada ekspresi, perasaan dan pemikiran mereka bahawa seseorang tidak boleh atau tidak mahu menyatakan dengan cara yang biasa.

Terapi seni menjejaskan minda dengan lembut dan tidak mengganggu, kerana proses rawatan itu sendiri sama dengan hobi. Seringkali pesakit berada dalam keadaan tertekan dan sukar untuk menubuhkan komunikasi, dan kemungkinan terapi seni membenarkan seseorang untuk menyatakan "I" melalui seni visual. Kaedah rawatan sedemikian didasarkan pada prinsip bahawa kandungan "ego" dalaman pesakit tercermin dalam imej-imej visual pada masa ini apabila dia memanjat, menarik, menari atau menyanyi, mengakibatkan harmoni keadaan jiwa.

Rawatan tersebut tidak menyebabkan pesakit menolak atau tidak menolak, yang sangat penting bagi orang dalam keadaan tekanan. Ia sentiasa sukarela dan selamat. Dalam proses menonjolkan pengalaman dalaman pada penciptaannya, seseorang tidak menyedari bahawa mereka secara tidak sedar pergi ke luar. Jika kita mempertimbangkan proses dari sudut pandang psikoanalisis, maka mekanisme utamanya adalah sublimasi. Melalui imej dan objek visual artistik, yang tidak sedarkan diri berinteraksi dengan kesedaran, dan ahli terapi membantu pesakit memahami apa yang "tidak sedarkan diri" ingin memberitahunya.

Teknik ini meningkatkan minat, yang mewujudkan prasyarat untuk mengembangkan sempadannya dan kemunculan semua "alat" baru seni medis. Kaedah Terapi Seni termasuk:



Sumber imej: Unsplash images

Isoterapi
melukis dan lukisan

Terapi Warna
orang itu terdedah kepada cahaya pelbagai warna

Terapi Muzik
yang terdiri daripada mendengar pelbagai komposisi

Terapi Pasir
melukis dengan pasir

Terapi Video
bererti melihat video di mana wira memaparkan masalah yang sama

Terapi Permainan
dalam proses permainan fungsi mental yang diperlukan dibentuk

Biblioterapi
kaedah ini menggunakan sastera untuk rawatan kata

Skazkoterapiyu
komposisi cerita dongeng, analisis kerja yang sudah ada

Maskoterapiju
imej volumetrik muka pesakit digunakan, yang membolehkan untuk mengarahkan emosi dan pengalamannya ke saluran yang diperlukan

Dramaterik
iaitu dramatisasi, bermain plot

Phototerapi
memotret, membuat kolaj

Sintesis Seni
ia menggabungkan lukisan, bandingan, kartun, warna, topeng, fototerapi, dan lain-lain

Terapi Dahan
menari

FUNGSI TERAPI SENI DALAM PEMANTAPAN EMOSI

Terapi Seni yang sistematik dapat mengesan tingkah laku dan hasil kerja pelajar yang mempunyai masalah psikologi emosi melalui hasil kerja. Hasil kerja seseorang pelajar akan dinilai secara tersurat dan tersirat. Seseorang insan belum tentu mampu melahirkan permasalahannya secara lisan, tetapi ia mudah untuk melakarkannya pada sekeping kertas kerana fitrah manusia sememangnya pandai menyimpan rahsia, lebih-lebih lagi yang mengganggu dan menakutkannya. Kaum kulit hitam di Amerika Syarikat contohnya mempunyai kecenderungan melukis dan menulis di dinding-dinding yang dipanggil *'grafitti'*. Ini adalah kerana emosi insan yang tertindas ini tidak stabil. Hanya dengan cara ini sahaja mereka dapat meluahkan perasaan sambil menyampaikan mesej. Yang pada mereka, dapat menenangkan pemberontakan dalam diri. Secara positifnya, Terapi Seni akan dapat membentuk insan seperti di atas mengawal karya dan diri sendiri secara sedar dan bertanggungjawab. Atas kepentingan inilah Terapi Seni perlu menjadi satu cabang disiplin dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual.

Keberkesanan terapi sebagai pemulihan emosi

Teori mengenai mengapa kanak-kanak suka bermain adalah serupa seperti mengapa mereka melukis, di mana mereka berharap menjadi dewasa dan dapat mengawal keadaan sekeliling. Dalam keadaan ini, melukis memberi kanak-kanak keupayaan untuk menguasai penuh terhadap media, objek objek dan situasi yang mewakili mereka di dalam gambar. *(Silk & Thomas , 1990). (Eve C. Jarboe, 2002)*. Kebanyakan orang daripada pelbagai peringkat umur mempunyai kebolehan untuk meluahkan perasaan mereka melalui permainan dan seni. Mereka juga mempunyai kebolehan untuk keluar dari aktiviti ini , untuk mencerminkan diri mereka dan untuk mencipta idea baharu yang menuju kepada kebaikan *(Dyer–Friedman & Sanders , 1997; Rubin 1978). (Eve C. Jarboe, 2002)*

Beberapa contoh aktiviti terapi seni seperti:

- Dengan teater, drama atau wayang, pesakit bercakap mengenainya melalui watak. Ia adalah seni aksi melalui watak fiksyen, proses individu dan/atau penciptaan kolektif yang terletak di antara dua (2) dunia: realiti dan fiksyen. Dalam produksi tanah liat, dialog dengan perkara berlaku, matlamat di sini adalah untuk menggalakkan pertemuan orang dengan perkara dan menemaninya di jalan yang berasal daripada tanah liat itu sendiri.

- Lukisan ini menawarkan peringkat pertama pembebasan, orang yang dibawa oleh imej-imej yang datang kepadanya, ciri-ciri, bentuk, warna, mencari tangan dibebaskan daripada penapisan mata, seperti penghapusan, untuk mengaturnya dalam masa yang kedua dan secara beransur-ansur, akses kepada kedalaman orang itu.

- Dengan tarian itu campur tangan, pada mulanya, kesedaran pergerakan itu walaupun orang itu dapat mendengar dan mendengar diri mereka sendiri melalui dinamisme ini, yang kemudiannya membolehkan mereka lebih dekat dengan diri mereka sendiri dan memudahkan komunikasi dengan yang lain. Dalam kerja menyanyi, suara semula jadi dicari dan digunakan, nafas dikeluarkan; ia dicipta dan diubah dengan improvisasi, menggabungkan kualiti bunyi yang berbeza.

Terapi seni berfaedah daripada segi keupayaan kanak-kanak untuk membangunkan kemahiran interpersonal, dengan mudah meletakkan seseorang berhubung dengan orang lain dalam persekitarannya, kerana kemudahan ungkapan yang menawarkan terapi ini. Di samping itu, ia sangat berguna untuk menguruskan kelakuan, meningkatkan harga diri dan mengelakkan kesan kebimbangan.



Teater Tradisional Mek Mulung ‘Dari Bangsal ke Pentas’:

Pelestarian Seni Tradisional Kedah



Ditulis oleh:
Rozaimah Mohamad Lazim
JKKN Kedah







Kedah adalah sebuah negeri yang mempunyai sejarah ketamadunan yang panjang dan dikatakan sebagai sebuah kerajaan tertua di Asia Tenggara yang bersusur galur lebih 800 tahun. Bukti kewujudannya dapat dikesan melalui penemuan arkeologi dan kisah pensejarahannya yang menelusuri sehingga abad ke-14 lagi. Menurut Wan Shamsudin Mohd Yusof dan Ibrahim Bakar Langkawi dalam artikel "Kedah Darul Aman Sepanjang Zaman", penemuan arkeologi runtuhan purba candi di Kompleks Sungai Batu, jeti terus, tapak peleburan besi dan binaan tugu-tugu batu bata tanah liat di Lembah Bujang merekodkan Kedah sememangnya telah wujud lebih awal. Ia berada dalam Zaman Besi seawal abad ke-3 Sebelum Masihi, yang menunjukkan Kedah telah mencapai tamadun yang tinggi dan menjadi laluan perdagangan maritim utama ketika itu. Pengkajian ini turut disokong oleh penyelidikan Prof. Dato' Dr. Mokhtar dalam artikelnya *"Archeology & Community: A Case Study from the Sungai Batu Site in Malaysia"*. Artikel ini telah diterbitkan dalam *Sophia Journal of Asian, African and Middle Eastern/No. 37 (2019)* telah membuktikan Tamadun Kedah Tua adalah pusat pengeluaran besi dunia seawal 788 sebelum Masihi. Penyelidikan ini meletakkan tamadun bangsa Melayu berada di tempat ke enam tertua di dunia pada masa ini. Kemakmuran Kedah menyebabkan negeri ini menjadi perebutan antara kerajaan-kerajaan pesaing di sekitar terutama kerajaan Siam dan Burma.

Kewujudan Kerajaan Kedah Tua atau Kedah Purba dikaitkan dengan beberapa teori dapatan daripada beberapa sumber sejarah dan lisan. Berdasarkan sumber Lembaga Muzium negeri Kedah, sejarah awal Kedah boleh dirujuk melalui Hikayat Merong Mahawangsa yang ditulis selepas tahun 1643 dan Al-Tarikh Salasilah negeri Kedah ditulis pada tahun 1927. Kedua-dua sumber rujukan ini menjelaskan bahawa terdapatnya pengaruh Arab, Parsi, Sanskrit dan China dalam sosiologi budaya masyarakat di Kedah.

Menurut Hikayat Merong Mahawangsa, Kesultanan Kedah bermula pada tahun 1136 apabila Raja Phra Ong Mahawangsa memeluk agama Islam dan mengguna pakai gelaran Sultan Muzaffar Shah. Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah mencatatkan bahawa Raja Phra Ong Mahawangsa turut dikenali sebagai Maharaja Derbar Raja. Kisah pengislaman Raja Phra Ong Mahawangsa turut diceritakan dalam Kitab Syeikh Daud Al-Fatani. Dikisahkan bahawa Said Syeikh Abdullah Al-Qumairi yang berasal daripada Yaman, berserta 11 orang sahabatnya telah mengadap Raja Phra Ong Mahawangsa di Bukit Meriam (Lembah Bujang) bagi tujuan mengislamkan baginda. Selepas 40 hari beristidraj, akhirnya Raja Phra Ong Mahawangsa telah kalah dan bersetuju memeluk agama Islam bersama-sama rakyat jelatanya. Semasa jamuan keraian, Said Syeikh Abdullah Al-Qumairi telah memecahkan bekas minuman arak kesukaan baginda sambil menyebut "Haza Qodah Darul Aman" atau negeri yang aman bebas daripada segala syirik, kufur, kafir, munafik dan murtad. Gelaran Al-Mala'u (Melayu) turut diberikan kepada rakyat Kedah yang membawa maksud bangsa yang menerima agama Islam (bangsa yang beragama). Said Syeikh Al-Qumairi telah meninggal dunia sekitar tahun 1142 Masihi dan telah dimakamkan di Padang Tok Syeikh berdekatan Gunung Jerai. Penggunaan gelaran Darul Aman terus kekal hingga ke hari ini.

Nama Negeri Kedah mempunyai persamaan dengan perkataan "Kadah" atau "Kheddah" yang bermaksud perangkap gajah. Pendapat ini dimajukan oleh Wilkinson namun maklumat tersebut tidak mempunyai sumber yang jelas. Unsur-unsur Arab dan Parsi pula menyebut Kedah sebagai "Kilah" atau "Qilah" oleh Ibn Khurdhbih dalam Kitab al Masalik w'al Mamalik, "Kalah-bar" oleh Soleiman Siraf dan Abu Zaid al Hassan dalam Silsilat Al-Tawarikh dan "Kalah" atau "Qalha" oleh Abu Dulaf-Misa'r Ibnu Muhalhal dalam Al-Risalah Al-Thaniyah. Menurut sumber tulisan Sanskrit pula menyebut Kedah sebagai "Kataha" atau "Kadara" dan "Kadaram" atau "Kalagam" dalam tulisan-tulisan Tamil. Kadaram bermaksud kuali besar dan kalagam pula bermaksud berwarna hitam. Namun, tidak dijelaskan perkaitan antara panggilan tersebut dengan nama Kedah.

Merujuk kepada unsur China pula, Kedah disebut sebagai "Langgasu" atau "Langa" (Langkasuka) semasa Dinasti Liang (502-665). Semasa Dinasti Tang (618-916) Kedah digelar sebagai "Kora" atau "Kola". Malah dalam penulisan I-Ching (kurun ke-17), Kedah kerap kali disebut sebagai "Chiah-Chin" atau "Kre Ta'a" ataupun "Kietcha".

Memperkatakan tentang seni budaya di negeri Kedah, terdapat beberapa jenis teater tradisional yang masih wujud seperti Mek Mulung, Menora Kedah, Jikey, Hadrah dan Wayang Kulit Gedek (atau Wayang Gedek). Suatu ketika dahulu, Kedah terkenal dengan persembahan Makyung Kedah. Makyung diasaskan oleh kerajaan Pattani yang menjadi sebahagian daripada negara Thailand. Oleh kerana ia hanya diwarisi secara lisan dalam kalangan masyarakat kampung, usia sebenar Makyung tidak dapat dipastikan. Bagaimana pun, pendapat bebas menyatakan kesenian Makyung berusia sekurang-kurangnya 800 tahun dan diyakini sejarah kewujudannya adalah lebih awal lagi. Menurut Hikayat Patani, Makyung dibawa ke Kelantan lebih 200 tahun dahulu. Ia berkembang ke Kedah dan negeri-negeri lain (sumber: adisaufi.blogspot.com). Begitu juga dengan kesenian Wayang Kulit Kelantan dan Wayang Kulit Melayu yang pernah bertapak di Kedah pada suatu masa dahulu. Sekali imbas, bentuk persembahan Mek Mulung seakan-akan sama dengan teater Makyung dan Menora namun masih terdapat perbezaan antara ketiga-tiganya.

Mek Mulung (Mek Mulong) ialah salah satu daripada teater tradisional masyarakat Melayu dan menjadi hiburan rakyat yang sangat popular di Kedah. Mek Mulung merupakan satu adunan kesenian yang menggabungkan unsur-unsur lakonan, nyanyian, tarian dan muzik dalam satu persembahan. Meskipun persembahannya kelihatan begitu mudah, tetapi ia tetap mempunyai keunikan yang tinggi nilainya. Mek Mulung tidak berkembang luas seperti Makyung dan hanya boleh didapati di Wang Tepus, Kedah.

Mek Mulung ialah teater tradisional masyarakat Melayu yang berasal di Kedah Darul Aman dan dipercayai bermula di Ligor, Siam. Menurut sejarah, Ligor ialah sebuah kerajaan Melayu sebelum dipupuskan melalui penaklukan Siam semasa Dinasti Bangkok (1767 hingga sekarang). Oleh itu, boleh dikatakan kesenian Mek Mulung mula berkembang semasa era persengketaan kerajaan Kedah-Siam mulai tahun 1778 hingga 1839. Pada awalnya, Mek Mulung diperkenalkan di Kampung Perit, Mukim Kurung Itam, Kuala Nerang dan berkembang ke Kampung Belukar Mulung, Kampung Paya Keladi dan akhirnya bertapak di Kampung



Wang Tepus, Tanah Merah, Jitra, Kedah.

Berdasarkan kajian oleh Mohamad Luthfi Abdul Rahman dalam artikelnya "Mek Mulong: Antara Persembahan dan Ritual Perubatan di Malaysia (sumber: sosiohumika, 4(1) 2011), menerangkan terdapat versi lain yang menceritakan asal-usul persembahan Mek Mulung hingga ia bertapak di Wang Tepus sekarang. Hasil temu bual beliau bersama Encik Ahmad bin Shaadan (Allahyarham) yang merupakan ketua kumpulan Mek Mulung pada tahun 2008 dan 2010, menjelaskan kesenian Mek Mulung berasal dan dihidupkan oleh orang Kedah sendiri dan bukannya berasal dari Thailand. Menurut sejarah lisan, dikatakan sepasang suami isteri yang berasal dari Kedah telah melarikan diri ke Siam disebabkan pertelingkahan keluarga. Si suami iaitu Mohar dan si isteri bernama Bunga mempunyai seorang anak berrnama Mek Julong yang dikatakan akan menjadi 'kebesaran". Mek Julong sangat suka menari dan Pak Mohar telah membuat sebuah gendang anak untuk mengiringi anaknya menari. Lama-kelamaan permainan ini menarik minat orang ramai untuk turut serta memukul gendang dan meniup serunai. Permainan ini akhirnya dinamakan sebagai Mek Mulung iaitu berasal daripada perkataan Mek (merujuk kepada anak perempuan), Mu (kamu) yang Sulung.

Pada masa yang sama, seorang Putera Raja dari Kerajaan Kedah Tua telah melarikan diri bersama-sama pengasuhnya bagi mengelakkan daripada dibunuh oleh raja disebabkan tilikan nujum istana mengatakan Putera Raja tersebut membawa malapetaka. Mereka melarikan diri hingga ke Siam dan bertemu dengan Pak Mohar sekeluarga. Pertemuan tersebut telah melengkapkan permainan Mek Mulung dengan tarian, muzik, nyanyian dan lakonan (cerita) melalui penglibatan Putera Raja dan pengasuhnya. Namun, apabila Siam menyerang Kedah, ahli kumpulan Mek Mulung seramai lapan orang telah kembali ke Kedah melalui Kampung Perik, Mukim Padang Terap, Kedah. Kemudian mereka menghidupkan semula kesenian Mek Mulung dan berpindah-randah disebabkan sambutan yang tidak menggalakkan. Penerimaan baik masyarakat terhadap Mek Mulung di Wang Tepus menyebabkan mereka terus merancakkan kesenian tersebut hingga ke hari ini.

Dalam buku Siri Mengenal Budaya: Mek Mulung terbitan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (Umi Abdullah, 2003), nama Mek Mulung itu sendiri berasal daripada perkataan 'mek' iaitu panggilan kepada gadis-gadis, manakala perkataan 'mulung' pula ialah nama hutan tempat bermulanya persembahan ini. Menurut cerita tokoh Mek Mulung Kedah iaitu Encik Saad bin Talib (Allahyarham) dan Encik Ahmad bin Shahadan (Allahyarham), pada asalnya terdapat 20 himpunan cerita hikayat asal Mek Mulung tetapi hanya empat cerita yang masih kekal sehingga kini seperti Putera Cahaya Bulan, Malim Bongsu, Dewa Muda dan Dewa Kaca.

Menurut Encik Ahmad lagi, seorang pengamal dan waris terakhir Mek Mulung mengatakan bahawa kesenian ini dibawa masuk ke Kedah dari Ligor oleh empat pengamalnya (sumber:teaterkedah.blogspot.com/2008/01/mek-mulung-apa-kesudahannya.html). Mereka bergerak dari satu kampung hingga akhirnya mereka meneroka satu kawasan belukar iaitu Hutan Mulung. Dipercayai dari situlah nama Mek Mulung diperoleh.

Walaupun terdapat pelbagai versi asal-usul Mek Mulung, namun yang nyata dan dipersetujui ramai pengkaji budaya, Mek Mulung merupakan satu-satunya kesenian yang hanya berkembang di Wang Tepus, Kedah dan tidak dapat ditemui mana-mana kawasan lain di Malaysia.

Dahulunya aktiviti kesenian Mek Mulung dijalankan secara terpencil dan melibatkan hanya tokoh dan masyarakat setempat. Permasalahan timbul disebabkan ramai generasi Mek Mulung yang terdahulu telah meninggal dunia dan tokoh yang masih ada tidak mampu untuk mempertahan dan mengangkat kembali atas faktor tempat latihan, kewangan, umur dan tenaga. Generasi muda terutamanya keturunan dan pewaris Mek Mulung itu sendiri tidak menunjukkan minat yang tinggi untuk mempelajari dan mendalami kesenian ini. Ia memerlukan komitmen yang tinggi untuk menggalas tanggungjawab dan pemilihan yang dibuat adalah berdasarkan tingkah laku, tahap kesabaran dan kebijaksanaan dalam mengendali dan menyelesaikan masalah. Mereka juga tidak sekadar bertanggungjawab mengendalikan persembahan, tetapi juga perlu memikul beban menjaga adab dan tingkah laku ahli kumpulan yang lain. Andai melanggar pantang larang dan batas susila, dipercayai akan berlaku gangguan misteri kepada ketua, ahli keluarga, pemain dan malah penduduk setempat. Jangka masa yang lama dalam mempelajari penggunaan dialek Kedah lama, lagu-lagu, mantera, jampi serapah dan ritual persembahan dianggap sudah tidak relevan dilakukan oleh generasi masa kini. Mereka enggan memikul tanggungjawab dan menganggap proses pembelajaran tersebut hanya membuang masa dan tidak mendatangkan hasil.

Pada masa dahulu, persembahan Mek Mulung akan dimulakan dengan ritual yang menggunakan jampi serapah, ritual buka panggung dan seterusnya 'bertabuh' yang menyaksikan alat muzik akan dimainkan secara serentak. Upacara pembukaan akan dimainkan dengan lagu 'Bertabik'. Raja atau Pak Mulung merupakan watak utama. Ia dibantu oleh tiga peranan iaitu Peran Tua, Peran Muda, Peran Kiau dan ahli nujum yang dipanggil Tok Wak. Pakaian Raja atau Pak Mulung ialah sepasang baju Melayu, samping songket, tengkolok, sibai, ikat bengkung dan sebilah keris. Manakala Peran memakai kain pelekat, ikat pinggang, singlet dan seluar. Tok Wak pula memakai kain biasa dan topeng. Alat-alat muzik yang dimainkan adalah terdiri daripada semborong, ibu semborong, anak semborong, gong, serunai dan kecerek.

Atas dasar tanggungjawab untuk mengangkat kembali kesenian Mek Mulung, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Kedah dengan kerjasama Persatuan Badan Kesenian Taman Budaya dan Persatuan Penggerak Warisan Budaya (AKRAB) telah mengambil pendekatan dengan mengangkat Kumpulan Mek Mulung Kampung Wang Tepus dalam beberapa program kebudayaan. Antaranya ialah program Festival Kesenian Rakyat Malaysia (FKRM) yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 2007, pementasan Mek Mulung 'Putera Cahaya Bulan' dipentaskan di Auditorium JKKN Kedah pada 2008 dan dalam program Siri Teater Tradisional di Auditorium Kompleks JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Panggung Bandaraya Kuala Lumpur pada 2009 dan 2010.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh JKKN supaya seni teater tradisional ini terus berkembang. Antaranya melalui aktiviti penyelidikan dan perantisan. Pada tahun 2012, Kumpulan Mek Mulung Seri Mahawangsa JKKN telah diwujudkan bawah program Perantisan yang diselia secara bersama oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan, JKKN Kedah dan AKRAB. Kerjasama erat di antara JKKN Kedah dan AKRAB telah berjaya mengangkat kesenian teater tradisional Mek Mulung ke serata negara melalui perlaksanaan program Siri Jelajah Tradisional Kembara Mek Mulung ke beberapa buah negeri seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Perak pada 20 hingga 23 Mac 2013, Kompleks JKKN Terengganu pada 23 hingga 25 Mei 2013 dan Universiti Malaysia Sarawak (UMS) pada 19 hingga 22 September 2013. Siri jelajah ini tidak hanya mementaskan persembahan Mek Mulung tetapi turut mengadakan bengkel lakonan, muzik dan juga tarian kepada pelajar-pelajar universiti dan peserta NGO.

JKKN merasakan sudah tiba masanya kesenian Mek Mulung diberikan peluang untuk dipersembahkan di pentas bertaraf antarabangsa. Kumpulan Mek Mulung Seri Mahawangsa yang asalnya dikatakan 'kumpulan kampung' telah diberikan pengiktirafan yang tinggi untuk mementaskan Teater Tradisional 'Putera Cahaya Bulan' di Panggung Sari, Istana Budaya pada 28 Februari dan 1 Mac 2015. JKKN berasa bertanggungjawab memastikan kegemilangan kesenian tradisional ini diserlahkan ke peringkat yang lebih eksklusif dan secara tidak langsung memberikan pengiktirafan tinggi kepada seluruh penggiat seni tradisional, yang bermula daripada bangsal ke pentas bertaraf dunia.

Walaupun persembahan ini dipentaskan di Panggung Sari, Istana Budaya yang gah dan besar, namun pementasan ini masih mengekalkan ciri-ciri tradisionalnya. Elemen utama dalam persembahan Mek Mulung seperti lagu pembukaan Gerak Timpuh, Makan Sirih dan Sendayung dikekalkan selain watak, nyanyian, tarian dan bahasa yang masih menggunakan dialek Kedah Tua yang sukar untuk difahami oleh sesetengah penonton. Matlamat JKKN adalah untuk mengangkat kesenian Mek Mulung di pentas arus perdana berprestij di Istana Budaya, bersesuaian dengan kesenian ini yang mempunyai kelasnya yang tersendiri. JKKN juga berhasrat mendekatkan kesenian tradisional ini kepada masyarakat dan khalayak peminat seni selain meneruskan usaha pemuliharaan supaya peninggalan warisan berharga negara ini dapat dipertahankan untuk tatapan generasi akan datang.



Bagi menjayakan pementasan berprestij tersebut, pihak JKKN dan AKRAB telah membuat beberapa penyesuaian dalam persembahan Mek Mulung. Usaha besar kedua-dua pihak ini bukanlah sesuatu yang mudah. Penyesuaian perlu dilakukan bagi memastikan pementasan Mek Mulung adalah setara dengan imej Istana Budaya. Antara usaha penyesuaian yang dilakukan ialah:



- Menyediakan skrip yang sesuai dengan masa persembahan. Pada asalnya Mek Mulung dipersembahkan sepanjang tiga hari namun perkara tersebut terpaksa diubah. Memandangkan persembahan teater masa kini dilakukan dalam 1-2 jam sahaja disebabkan tumpuan penonton yang melihat persembahan teater tradisional sebagai hiburan sampingan dan bukannya mengisi keperluan sosiologi masyarakat. Ia menjadi satu cabaran hebat kepada penulis skrip dan pengarah untuk memadatkan persembahan. Selain itu, pengarah perlu berinovasi dengan memasukkan atau mengaitkan cerita dengan isu-isu semasa yang relevan dan dekat dengan masyarakat. Malah penggunaan bahasa Melayu moden dan bahasa Inggeris juga diterapkan.

- Ruang persembahan juga telah berbeza. Penggunaan ruang berbentuk prosenium memberikan tingkat kepuasan komunikasi yang berbeza. Persembahan tradisi di bangsal berkonsepkan terbuka dan *"thrust stage"* yang membenarkan penonton berada hampir dengan ruang lakon. Biasanya ruang bangsal adalah kecil dan tidak memerlukan penglibatan pelakon yang terlalu ramai. Manakala Panggung Sari, Istana Budaya berukuran 16 meter x 16 meter merupakan satu ruang yang luas, menganjur jauh ke depan dan ruang duduk bertingkat. Ini pastinya memerlukan elemen-elemen sokongan dalam menghasilkan persembahan yang menarik dan dapat dinikmati secara saksama.

- Kos perlaksanaan teater moden yang menelan belanja yang besar. Kos ini bukan sahaja menampung pembayaran artis (pelakon) dan tenaga kreatif, malah turut merangkumi kos penginapan, pengangkutan, teknikal, pemasaran dan sebagainya. Dahulu, beban kewangan tidaklah terlalu besar kerana ia tidak melibatkan aspek-aspek teknikal dan kreatif. Andai dahulu aspek pemasaran dan promosi bukan sesuatu yang penting, namun kini ia menjadi antara elemen utama dalam mempopularkan kesenian tradisional ini. Oleh itu, sejumlah peruntukan yang besar perlu disediakan bagi memastikan pementasan dapat dilaksanakan.

- Pementasan di Panggung Sari, Istana Budaya amat berbeza daripada pementasan di bangsal-bangsal tradisional. Oleh itu, pengarah perlu kreatif untuk memenuhkan fungsi ruang di atas pentas supaya tidak kelihatan "kosong" atau tiada fungsi yang boleh menimbulkan kejanggalan dalam tontonan umum.

- Penggunaan set dan props yang pelbagai juga perlu bagi menimbulkan unsur-unsur kekaguman dan mencantikkan sudut pandang penonton. Persembahan tradisional tidak melibatkan sebarang set dan hanya bergantung kepada imaginasi penonton yang didorong oleh lakonan Mek Mulung. Namun, bagi pementasan moden elemen *"majestic"* melalui penggunaan latar secara fizikal perlu dimanfaatkan sepenuhnya.

- Penggunaan peralatan teknikal seperti mikrofon, teknik pencahayaan dan kesan-kesan khas juga perlu diberikan perhatian. Ruang penonton Panggung Sari yang luas dan boleh memuatkan hingga 1400 orang, memerlukan lontaran suara dan pergerakan yang 'besar' lakon dan tari supaya penonton dapat menghayati persembahan dengan lancar. Pentas moden di tempat-tempat lain juga menggunakan konsep prosenium yang berkapasiti sekurang-kurang 200 orang.

- Penyediaan busana juga direka cipta baharu supaya sesuai dengan imej persembahan di atas pentas besar. Mek Mulung ialah kesenian rakyat. Walaupun mempunyai perbezaan, pemakaian busana bagi setiap watak ditampilkan secara bersederhana. Situasi sekarang berbeza. Penganjur mempunyai peruntukan khas untuk menyediakan busana atau kostum yang lebih menarik, tersendiri dan pilihan yang banyak. Watak dan perwatakan lebih mudah dikenali melalui pemakaian yang menampakkan perbezaan yang jelas melalui bahan pembuatan (material), warna dan rekaan busana. Penyediaan busana yang kemas bukan sahaja dipandang cantik tetapi menekankan perbezaan status sosial setiap perwatakan.

- Unsur-unsur ritual yang menjadi amalan selama ini tidak lagi dilakukan. Upacara buka panggung dan bacaan mantera yang mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam, tidak dipraktikkan lagi. Pada masa kini, kebanyakan persembahan buka panggung telah digantikan dengan bacaan doa selamat.

Pada tahun 2010, Kumpulan Kesenian Jabatan (KKJ) JKKN Kedah telah mengambil cakna untuk mengetengahkan keindahan tarian dan lagu Mek Mulung dengan memperkenalkan tarian ciptaan baharu 'Gerak Timpuh' yang diadaptasi daripada watak-watak dalam teater tradisional Mek Mulung seperti Putera, Puteri, Awang Pengasuh dan Inang. Keistimewaan tarian ini adalah ia diolah, digubah dan dikoreograf mengikut konsep baharu tetapi masih mengekalkan ciri-ciri keaslian dalam kesenian tersebut.

Seterusnya, pihak JKKN telah mengambil langkah berani mengetengahkan penggunaan topeng Awang Pengasuh dan Awang Selamat dalam persembahan Mek Mulung semasa *Program Malaysia International Mask Festival* yang diadakan pada 13 hingga 16 Ogos 2015 di Taman Esplanade KLCC, Kuala Lumpur. Tidak selesai di situ, pada 2016 JKKN sekali lagi telah menonjolkan konsep yang sama dalam program *Mask Festival* di Korea yang disertai oleh Artis Budaya JKKN Kedah.

Usaha yang berterusan sejak 2007 akhirnya memberikan impak positif apabila YAB Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah pada ketika itu, telah mengiktiraf kesenian Teater Tradisional Mek Mulung sebagai Seni Warisan Kedah pada 24 Oktober 2014. Menurut beliau, usaha giat yang dijalankan diharap akan membuka jalan kepada pengiktirafan Warisan Dunia oleh UNESCO sebagaimana yang diterima oleh Makyung. Perkhabaran gembira ini dikongsikan oleh beliau semasa majlis pelancaran buku Mek Mulung. Usaha memperkenalkan Mek Mulung melalui penerbitan buku "Mek Mulung: Kesenian Perantaraan Manusia dan Kuasa Ghaib Warisan Kedah Tua" yang dilancarkan pada 24 Oktober 2014 di Kelab Golf Darulaman merupakan kerjasama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Bina Darulaman Berhad (BDB). Ini merupakan satu inisiatif besar oleh pihak kerajaan negeri untuk mendokumentasikan kesenian Mek Mulung sebagai sumber rujukan dan menunjukkan komitmen berterusan pihak pemerintah dalam memastikan kelangsungan Mek Mulung sebagai satu-satunya kesenian tradisi yang unik di Kedah.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MoTAC) telah menggemblengkan usaha melalui kerjasama pelbagai jabatannya dalam membincangkan usaha mengiktiraf Mek Mulung sebagai Warisan Dunia. Jabatan Warisan Negara mengambil peranan utama dengan menganjurkan Bengkel Mek Mulung: *In Need of Urgent Safeguarding*, UNESCO pada 8-9 Mac 2019 di Hotel Seri Malaysia, Alor Setar, Kedah. Bengkel ini disertai oleh agensi kerajaan negeri, jabatan kerajaan, kumpulan Mek Mulung Wang Tepus, penggiat seni dan pelajar universiti, yang berbincang secara bersama merangka strategi dan hala tuju pembangunan Mek Mulung di Malaysia.

Satu perkara yang amat membanggakan apabila JKKN Kedah diberikan penghormatan oleh kerajaan negeri untuk mengadakan satu pementasan khas teater tradisional Mek Mulung sempena Program Jalinan Kerjasama Kerajaan Negeri Kedah-Delegasi China pada 9 September 2019 di Auditorium JKKN Kedah. Program tersebut telah berjaya menarik perhatian ramai. Pementasan Mek Mulung ini julung-julung kalinya telah dialih bahasa ke bahasa Cina dan ditayangkan melalui skrin bagi memudahkan pemahaman delegasi China dan secara tidak langsung dapat memperkenalkan seni warisan teater tradisional negeri Kedah kepada masyarakat luar. Pementasan tersebut telah dihadiri oleh tetamu-tetamu kehormat kerajaan negeri Kedah dan 200 orang delegasi China. Susulan daripada promosi dan cerita mulut ke mulut tentang keistimewaan teater tradisional Mek Mulung, JKKN Kedah banyak menerima undangan untuk mengadakan persembahan Mek Mulung antaranya RTM (Sitkom Mai Chek Mai selama 2 Musim), Jabatan Warisan Negara (JWN) (Jelajah Budaya 2009), Pertukaran Budaya Kedah-Melaka (2015), Pertukaran Budaya Kedah-Johor (2016), dan Program Pesta Angin Timur tahun 2015 dan 2019. Kumpulan ini turut pernah menerima jemputan pada tahun 2015 melalui Muzium Negeri Kedah untuk mengadakan sketsa Mek Mulung di negara Brunei Darussalam dalam Program Asean Rio Festival.

JKKN turut menjalinkan kerjasama dengan Universiti Awam (UA) iaitu Pusat Budaya dan Seni, Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan menjalankan Program Merakyatkan Seni 'Mek Mulung@Sintok' pada tahun 2017 dan Program 1IPT 1Produk pada tahun 2018 dan 2019. Tujuan program tersebut adalah untuk memberi pendedahan dan pembelajaran kepada penuntut-penuntut UA tentang kesenian tradisional Mek Mulung.

Pada tahun 2018, JKKN bersama Kumpulan Koir Kebangsaan telah membuat pendekatan terkini dengan mengetengahkan lagu-lagu tradisional Mek Mulung dalam persembahan Program Konsert Koir Kebangsaan. Medley lagu Gerak Timpuh, Burung Odang dan lagu Berjalan telah berjaya dikomersialkan dengan suntikan elemen klasik barat dalam rakaman 9 Koleksi Terunggul Koir Kebangsaan Malaysia 2009-2018 oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Kuala Lumpur. Ini merupakan satu penghargaan yang tinggi dan menjadi kebanggaan penggiat seni tradisional Mek Mulung. Selain itu, melalui program Panggung Seni Tradisional (PST) turut mementaskan Mek Mulung "Hikayat Puteri 12 Beradik"



pada 17-19 Ogos 2018 di Dewan Tuanku Abdul Rahman, MaTiC. Kali ini pementasan mendapat sentuhan aktivis seni muda, Zamzuriah Zahari. Pementasan tiga hari ini mendapat pujian ramai dan telah berjaya menarik minat pelancong luar yang sebelum ini tidak pernah mengenali kesenian Mek Mulung.

Mek Mulung terus mendapat tempat dan semakin diperjuangkan oleh ramai penggiat seni. Usaha mengenengahkan Mek Mulung turut didokong oleh banyak agensi lain. Terbaharu, CENDANA atau Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya telah melancarkan Panggung Rakyat "Mek Mulung" untuk tontonan di *Facebook* Cendana Malaysia pada 28 Ogos 2021. CENDANA sebuah badan yang bertanggungjawab melaksanakan pelbagai program kesenian dan kebudayaan melalui pakej PRISMA atau Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia yang dijangka memberikan manfaat kepada 5,000 penggiat seni dan petugas belakang tabir. Ini merupakan sebahagian inisiatif oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk merancakkan industri kreatif negara seperti yang dirancang dalam Belanjawan 2021.

Usaha pelestarian Mek Mulung bukan sahaja menjadi tanggungjawab JKKN semata-mata. Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) melalui Pusat Seni Pentas Tradisional (PuTRA) telah menetapkan pengajian Mek Mulung sebagai subjek wajib akademik bagi pelajarnya. Matlamatnya adalah untuk melahirkan pelapis pemain Mek Mulung secara profesional. Pembelajaran Mek Mulung secara serius dan sistematik adalah sebagai persediaan untuk mementaskan Mek Mulung di atas pentas moden dan kerencaman persekitaran tontonan baharu. Usaha PuTRA ini adalah seiring dengan hasrat program Perantisan yang diselia oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan (D&P), JKKN iaitu menyediakan lebih ramai pemain Mek Mulung agar kesenian ini terus kekal dihayati oleh masyarakat.
Pertunjukan secara fizikal dalam khalayak umum telah berjaya memperkenalkan Mek Mulung sebagai satu kesenian yang unik. Malah, lewat 10 tahun kebelakangan ini, didapati banyak usaha mengkolokiumkan bual bicara sebagai suatu manifestasi kerohanian (spiritual) para pencinta dan pengkaji budaya. Pelbagai pihak sama ada jabatan kerajaan, UA, NGO, pihak swasta dan orang perseorangan telah berganding bahu membicarakan Mek Mulung secara proaktif. Siri penyelidikan secara ilmiah dalam pelbagai aspek pengkajian Mek Mulung semakin rancak dilakukan. Antaranya gabungan usaha sama *Institute of Creative Industry Management and Sustainable Culture (ICIMSC)* dan UUM telah menganjurkan webinar "Strategi untuk Memelihara dan Mengangkat Kembali Teater Tradisional Mek Mulung" telah diadakan pada 17 Ogos 2021 melalui *Facebook Live*. JKKN sendiri pada 2021 melalui kerjasama Fakulti Muzik, Universiti Teknologi Mara (UiTM) sedang dalam usaha menerbitkan buku Mek Mulung bagi tahun 2021. ASWARA turut menganjurkan program Bicara Tokoh "Peran dalam Mek Mulung" pada 15 Februari 2021 dan UiTM pula mempersembahkan Program Inovasi Sarjana Kreatif iaitu "Lestari Mek Mulung: Antara Cabaran dan Harapan" pada 30 Jun 2021 yang lalu. Kini, Mek Mulung diperkatakan secara terbuka dalam pelbagai medium (media sosial, program televisyen dan radio) dan telah mendapat tempat di hati masyarakat. Pendekatan ini dilihat sebagai langkah awal meletakkan Mek Mulung setara dengan Makyung, Menora, Dondang Sayang dan sebagainya.



Bagi memastikan kelangsungan seni budaya tradisional Mek Mulung terus disemarakkan, JKKN Kedah akan mengambil peranan dan tanggungjawab dengan mengadakan promosi dan persembahan secara berkala bagi program tahunan, mengadakan bengkel asas tarian, nyanyian, lakonan dan muzik Mek Mulung dan mengadakan jalinan kerjasama serta komunikasi secara berterusan bersama kerajaan negeri, UA, NGO dan penggiat seni tradisional. Usaha mendokumentasikan manuskrip dan rakaman berkaitan lakonan, tarian, nyanyian dan muzik Mek Mulung sedang giat dijalankan agar JKKN Kedah akan menjadi pusat rujukan khususnya berkaitan teater tradisional Mek Mulung.

Diharapkan usaha yang dilakukan JKKN ini dalam mengetengahkan Mek Mulung, menarik minat masyarakat terutamanya generasi muda supaya mereka lebih menghargai teater tradisional tempatan. Konsep persembahannya masih mengekalkan ciri tradisional, tetapi diberi nafas baharu dan dikomersialkan. Tidak mustahil persembahan seni tradisional yang asalnya hanya bermula dari bangsal dan dipersembahkan oleh masyarakat setempat atau orang kampung, kini dapat dipertontonkan di atas pentas dengan gahnya kepada masyarakat dunia. Melihat kepada perkembangan Mek Mulung sama ada daripada segi penganjuran acara, kolokium, siri penyelidikan dan kajian, ia memberikan satu sinar pengharapan bahawa Mek Mulung boleh "ditakhtakan" di tempatnya.







Rakaman Rejang Tradisional dan Kontemporari oleh Tuan Haji Rani Embi bersama Puan Norliza Md Yamin

PUISI REJANG MELAKA:

MOGA KEMBALI BERNAFAS

Ditulis oleh:
Mohd Isa Maarof
JKKN Melaka

Rejang merupakan puisi tradisional yang dibaca atau dilagukan seperti mana berzanji, qasidah dan lain-lain. Ia dibacakan dalam acara-acara yang mendekati kebesaran Islam kerana seni katanya yang berunsur nasihat dan sesuai dengan aktiviti keagamaan. Suatu ketika, Rejang hanya dibacakan oleh kaum lelaki di majlis-majlis perkahwinan, berkhatan atau majlis-majlis rasmi seperti menyambut Tahun Baru Hijrah, Tilawatul Quran dan lain-lain. Namun sesuai dengan peredaran masa, Rejang mulai keluar daripada kepompong tersebut apabila ia mula dibaca dan dilagukan oleh kaum wanita di majlis-majlis rasmi bukan keagamaan tetapi lebih bersifat seni dan budaya.

Dahulu, kaum wanita dilarang melontarkan suara di khalayak ramai yang bukan muhrim dalam mana-mana keraian. Oleh itu, hanya kaum lelaki yang boleh melantunkan puisi ini. Kebiasaannya kaum wanita hanya mendodoikan puisi Rejang ini sambil menghayun buaian ketika menidurkan anak kecil, semasa duduk menganyam tikar mengkuang atau meraut lidi penyapu sebagai perintang sepi.

Walau bagaimanapun, hasil daripada perubahan masa dan cara berfikir masyarakat telah memberikan kesan terhadap transisi gaya hidup. Masyarakat mula menerima puisi Rejang sebagai satu komponen kecil seni budaya setempat yang boleh dikembangkan tanpa mengira jantina dan umur asalkan individu terbabit mampu menguasai sepenuhnya seni budaya tersebut dan dapat melestarikannya sebagai khazanah bangsa.

Puisi Rejang secara tradisinya dipersembahkan dengan penuh adat dan adab. Naskhah Rejang diletakkan di atas rehal (sejenis papan tempat meletak Al-Quran untuk memudahkan pembacaan) dengan berlapik tikar mengkuang atau permaidani. Posisi individu atau kumpulan adalah dalam kedudukan sebaris panjang atau bulatan. Mereka mempersembahkan Rejang sambil duduk bersila menghadap naskhah di atas rehal dan akan beralih tempat mengikut giliran pelantun puisi.

Tertibnya bermula dengan memuji kebesaran Allah SWT diikuti dengan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Kemudian Rejang dilantunkan bermula dari satu (1) hari bulan hingga ke 30 hari bulan dan diakhiri dengan selawat ke atas nabi sekali lagi sebagai penutup. Ia disampaikan secara nyanyian *'acapella'* (vokal) sahaja oleh individu atau bergilir-gilir dalam kumpulan. Adab busana bagi lelaki haruslah berpakaian lengkap baju Melayu (baju kurung), bertutup kepala (bersongkok, bertanjak atau berserban) dan bersamping (pelikat atau songket dan lain-lain) bersesuaian dengan majlis keraian. Sementara bagi kaum wanita pula, mereka mestilah berpakaian sopan dan menutup aurat. Tradisi ini terpakai setelah berlaku transisi perubahan masa dan pemikiran masyarakat.

Uniknya tentang puisi Rejang ini adalah pembacaan Rejang hanya kedapatan di negeri Melaka. Sehingga kini Rejang tidak pernah ditemui di negeri-negeri lain sebagaimana Rejang Melaka. Sungguh pun demikian, puisi Rejang tidak meluas penyebarannya kerana setakat yang dikenal pasti ia hanya bermukim di daerah Rim, Jasin. Ini disebabkan Rejang tidak disebarkan secara meluas sebagaimana kesenian Dondang Sayang. Sifatnya yang tertutup, diwarisi secara turun-temurun dan hanya muncul di kala acara keagamaan menyebabkan Rejang terus terpencil.

Menurut sumber yang boleh dipercayai, Rejang di Melaka diperkenalkan oleh keluarga Imam Haji Achim bin Pegoh. Beliau dikatakan anak pengasas Kampung Rim, Jasin iaitu Pegoh bin Pandak. Imam Achim yang mewarisi Rejang melalui ibunya, Hajah Habsah yang sering kali mendendangkan Rejang ketika mendodoikan adik kecilnya yang hendak tidur. Dari situlah Imam Achim yang ketika itu usianya baharu sahaja mencecah 12 tahun telah membuat catatan dan menyalin baris-baris Rejang yang dialunkan oleh ibunya.

Rejang mempunyai lima (5) baris ayat. Berbeza daripada pantun dan syair yang masing-masing mempunyai empat (4) baris sahaja. Rejang dilagukan seperti burdah, nazam dan syair. Dua (2) baris paling atas ialah pembayang dan tiga (3) baris di bawah ialah maksud. Sebagai contoh, disertakan baris Rejang seperti berikut:-



Puan Norliza Md Yamin mendendangkan puisi Rejang di Perth, Australia dalam Program Pertukaran Budaya anjuran Jabatan Pendidikan Malaysia

Satu hari bulan rejangnya kuda,

Kuda aman lalu ke pasar,

Pacu anak Inderagiri,

Syair zaman muda bestari,

Tuntutlah ilmu kenalkan diri.

Baris ayat Rejang di atas tidak sama dengan pantun dan syair. Hujung ayatnya tidak menekankan kesamaan rima dalam bait puisinya, sama ada untuk baris pembayang mahupun maksud. Kelainan Rejang yang paling ketara adalah ia mengambil bilangan hari dalam sebulan berdasarkan kalendar bulan Islam iaitu satu (1) hingga bilangan 30. Ia juga menggunakan lambang binatang pada hari bulan tertentu dan sifat binatang tersebut akan disebut dalam tiga (3) baris pembayang.

Dua puluh tujuh hari bulan rejangnya helang,
Helang kecil terbang ke barat,
Hendak menyambar anak tenggiri,
Badan terbujur di liang lahat,
Imam dan Khatib duduk mengaji.

Dua puluh lapan hari bulan rejangnya pelanduk,
Pelanduk berlari dengan culanya,
Naik bukit makan gelugur,
Bertiublah angin sangka kala,
Habislah bangkit orang yang di kubur.

Dua puluh sembilan hari bulan rejangnya ulat,
Ulat berpaut di pucuk saga,
Mari dipanasi dengan sigar,
Gemuruhlah angin si sangka kala,
Orang yang di kubur habis gementar.

(dipetik daripada rakaman Rejang Allahyarham Tuan Haji Abu bin Abd. Majid)

Tiga baris pembayang harus saling berkait. Dua baris ayat kemudian adalah maksud yang hendak disampaikan. Sebagai contoh tiga baris pembayang yang berkaitan;

Dua puluh dua hari bulan rejangnya memerang,
Memerang betina terlampau jahat,
Tidak mendengar perkhabaran orang.

atau

Sembilan hari bulan rejangnya anjing,
Anjing kapas anjing pemburu,
Salaknya lantas hutan gelemat*.

Lapan belas hari bulan rejangnya baning*,
Baning berlari sangatlah lambat,
Mari dijerat dengan rotan,
Kalau tiada roh makrifat,
Kematian kita diharu syaitan.

Rejang di Melaka tidak dapat disebarkan secara meluas kerana tidak mendapat kerjasama sebaiknya daripada pihak pemegang empunya Rejang. Mungkin ada kepercayaan tertentu hingga ia tidak sewenang-wenangnya diperturunkan untuk tujuan pelestarian. Namun setakat ini ada beberapa individu telah berusaha meneruskan usaha menyebarluaskan Rejang dengan izin empunyanya. Antara pewaris tersebut ialah Tuan Haji Rani bin Embi (penerima Tokoh Budaya negeri Melaka 2016) dan Puan Norliza binti Md Yamin, (penerima Tokoh Penggerak Budaya negeri Melaka 2019 dan Jurulatih Seni Budaya Negara, Melaka). Kedua-dua orang pewaris ini telah berusaha memberikan penerangan dan membantu JKKN Melaka menyebarluaskan seni Rejang ini dalam kalangan masyarakat. Bahkan usaha ini turut dipelopori oleh Tuan Haji Rani yang sering dijemput oleh stesen Radio Melaka@Melakafm untuk membacakan Rejang. Begitu juga dengan Puan Norliza Md Yamin yang juga sering membaca puisi Rejang dalam khalayak ramai.



Imam Haji Achim bin Pegoh

Rejang pada dasarnya masih boleh dikembangkan dengan keterbukaan bahawa puisi ini juga mempunyai masa depan yang cerah sesuai dengan kesedaran semua pihak. Sewajarnya Rejang diperdengarkan di majlis-majlis utama negeri atau negara dan dialunkan di stesen-stesen radio dan media sosial. Insya-Allah, usaha ini akan berhasil dan Rejang akan kembali diminati oleh generasi akan datang. Pelbagai pendekatan baharu seperti menyelitkan dalam lagu-lagu pop ciptaan baharu oleh generasi muda. Sebagai contoh diturunkan di sini Rejang Kontemporari berjudul Lalat Corona yang disampaikan oleh Puan Norliza Md Yamin;

Rejang (kontemporari): Lalat Corona

Satu hari bulan rejangnya lalat,
Lalat seekor bulu kakinya,
Digosok-gosok kaki berkuman,
Corona datang tiada yang senang,
Datang bertandang tiada pesan.
Dua hari bulan rejangnya lalat,
Lalat sepasang mencari makan,
Kadang di sampah kadang di lengan,
Covid 19 tiada amaran,
Satu dunia kian tertekan.

Tiga hari bulan rejangnya lalat,
Lalat bertiga panjang akalnya,
Yang busuk yang wangi dihinggap juga,
Pelitup muka beralas dua,
Covid di udara tiada tanda.

Empat hari bulan rejangnya lalat,
Lalat terbang berkawan-kawan,
Hinggap kerumun bawa jangkitan,
Mati berpunca orang tersayang,
Bukannya musuh penyebab ajal.

Lima hari bulan rejangnya lalat,
Matinya lalat kotoran menghilang,
Dicuci dibersih disanitasi,
Suntikan vaksin ikhtiar hidup,
Baik dicegah dari berubat.



Rakaman Dokumentasi Rejang Kontemporari Remaja dan Kanak-kanak oleh JKKN Melaka pada tahun 2020 di Rumah Tradisional Kampung Morten, Melaka

Selain itu, usaha memperdengarkan puisi Rejang dijalankan secara meluas semasa pembukaan majlis oleh juruacara majlis terutama di Negeri Melaka, negeri yang melahirkan Rejang ini. Umpamanya semasa Majlis Minum Petang Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka bersempena Majlis Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Melaka. Sebagai contoh:

PERKARA/PERLAKUAN	TINDAKAN
Ketibaan TYT Tun dan perarakan masuk ke Dewan Utama Jamuan diiringi Ketua Menteri serta Dif-dif jemputan. Kumpulan *Bag Pipe* mengetuai perarakan masuk.	**Protokol Istana** **Protokol Dewan/Negeri** ***Bag Pipe* ATM** **Artis Budaya** **Pengacara Majlis (Pengumuman)**
Nyanyian lagu Negaraku dan lagu negeri	**Pancaragam ATM**
Persembahan Pembukaan: **Dendangan Rejang disulami dengan Pento dan tarian pembukaan**	**Pendendang Rejang** **Artis Budaya Tari**
Pengacara mengalu-alukan kehadiran TYT Tun dan Dif-dif Kehormat. Selanjutnya mempersilakan Sahibul Samahah Mufti negeri memimpin doa.	**Pengacara Majlis**
Bacaan doa sempena majlis minum petang	**Sahibul Samahah Mufti negeri**
Pengacara menjemput pengerusi majlis menyampaikan ucapan ringkas	**Pengacara Majlis**
Ucapan Yang Berhormat …. Exco Pelancongan dan Kebudayaan….	**Yang Berhormat ….** **Exco Pelancongan dan Kebudayaan…**

JKKN Melaka akan berusaha mengambil inisiatif untuk memupuk minat generasi muda dan mencetuskan rasa ingin tahu tentang kesenian ini supaya ia terus malar segar sebagaimana kesenian Islam lain seperti berzanji, marhaban dan sebagainya.

Istilah:

**__Gelemat__ ialah geladak perahu di sebelah haluan dan buritannya (Kamus Dewan Edisi Keempat)*
**__Baning__ ialah kura-kura (Kamus Dewan Edisi Keempat)*

Nota:

Dipetik dan dipadankan daripada catatan/dapatan kajian lapangan 'Rejang Puisi yang Hilang'

Dirujuk daripada dapatan maklumat Encik Zainal Jaslan (Mantan Penolong Pengarah Kanan, JKKN Melaka), penyelidik dan penulis bebas.



PERANAN TOPENG DALAM PERSEMBAHAN TRADISIONAL NEGERI PERLIS

Ditulis oleh:
Mohd Khairil Mohd Salleh
JKKN Perlis

Topeng ialah elemen penting yang digunakan dalam persembahan teater tradisional negeri Perlis. Antara persembahan yang menjadikan topeng sebahagian daripada persembahan adalah Hadrah, Awang Batil dan teater tradisional Jikey negeri Perlis.

Persembahan Tradisional Hadrah

Hadrah adalah satu persembahan melibatkan sekumpulan pemuzik memainkan muzik, para penari akan menari dan juga dua atau seorang pelakon. Terdapat satu keistimewaan dalam persembahan Hadrah adalah watak Peran yang juga dipanggil dengan gelaran Khadam. Peran adalah watak pelawak bertopeng yang menyerikan persembahan kesenian Hadrah.

Peran muncul untuk menari dan mengusik penari wanita dengan aksi yang mencuit hati penonton mengikut paluan dan irama lagu. Selain itu, pemakaian topeng juga digunakan untuk menyerikan lagi majlis dan turut dijadikan sebagai daya penarik bagi setiap persembahannya. Namun, dalam keseronokan dan gelak ketawa daripada watak yang dibawa terselit nilai murni dan pengajaran dalam setiap persembahan.

Persembahan Tradisional Teater Awang Batil

Awang Batil merupakan salah satu persembahan tradisional yang paling terkenal di negeri Perlis. Seseorang pencerita digelar Awang Batil kerana semasa persembahannya, dipukul sebuah batil berdenting-denting bunyinya. Irama pukulan batil itu sebagai muzik latar ketika bercerita. Selain memukul batil, persembahan ini juga menggunakan topeng.

Topeng merupakan warisan turun temurun yang diwarisi dari generasi ke generasi. Sehingga kini topeng Awang Batil telah diwarisi oleh generasi yang kelima. Terdapat dua jenis topeng yang digunakan iaitu topeng Wak Nujum dan topeng Hulubalang. Topeng ini akan dipakai mengikut kesesuaian cerita yang dipersembahkan oleh Awang Batil.

Watak Wak Nujum selalunya bertindak sebagai tukang ramal. Contohnya penceritaan pada zaman dahulu raja menitahkan penghulu untuk menggunakan nujum bagi mencari barang yang hilang saat itulah topeng nujum dipakai untuk memainkan wataknya.

Selain itu, watak Hulubalang pula ialah seorang pemuda yang gagah dalam kalangan rakyat biasa yang patuh dan sentiasa menjunjung perintah raja. Kebiasaannya watak Hulubalang lebih menonjol berbanding watak Nujum.





Persembahan Teater Tradisional Jikey Negeri Perlis

Jikey ialah teater tradisional masyarakat Melayu yang menggabungkan dialog lucu, muzik dan tarian. Jikey juga menggunakan topeng dalam pementasannya seperti kesenian tradisional yang lain. Watak tertentu dalam teater Jikey dikenali dengan watak Peran atau Awang dan watak orang tua atau lebih dikenali dengan watak Tok Ayah. Topeng ini adalah warisan yang telah diperturunkan sehingga kini diwarisi oleh generasinya yang ketiga.

Watak Peran atau Awang selalunya membawa watak pelawak yang sentiasa mencuit hati dan menjadi bahan ketawa penonton. Watak ini juga merupakan orang suruhan raja untuk pergi melihat sesuatu yang ingin diketahui oleh raja. Bagi watak orang tua atau Tok Ayah pula berbeza dengan dengan watak Awang. Tok Ayah perlu lebih serius selalu memberi nasihat serta arahan kepada Awang untuk melakukan sesuatu. Contohnya puteri meminta izin daripada Tok Ayah untuk pergi bersiar-siar ke taman bunga. Tok Ayah akan memanggil Awang untuk menjaga puteri di taman bunga.

Kesimpulannya, setiap persembahan teater tradisional wajib menggunakan topeng. Setiap topeng mempunyai peranan dan juga watak masing-masing untuk menghidupkan perjalanan cerita ibarat kata pepatah Melayu topeng dan persembahan tradisional bagaikan air dengan tebing tidak dapat dipisahkan.







KEBAYA PERLIS

BUSANA TRADISIONAL PERLIS

Ditulis oleh:
Normila Mohamad Said
JKKN Perlis

Baju Kebaya Perlis merupakan baju yang menjadi warisan budaya masyarakat Melayu Perlis sebelum tahun 1930-an lagi. Pada zaman dahulu, kebiasaannya Kebaya Perlis dipakai oleh golongan istana dan bangsawan di majlis-majlis keraian seperti kenduri atau di majlis-majlis keramaian yang lain. Baju Kebaya Perlis mula dipakai oleh masyarakat Melayu di negeri Perlis sebelum kedatangan Jepun dan menjadi sangat masyhur pada zaman pemerintahan Raja Syed Alwi lagi iaitu Raja Perlis yang ke-4. Semasa zaman pendudukan Jepun, reka bentuk baju Kebaya Perlis telah mula dipermodenkan mengikut cita rasa si pemakainya. Selepas penjajahan Jepun, Inggeris telah menduduki Tanah Melayu dan pada zaman ini pemakaian songket adalah dilarang sama sekali dalam kalangan orang kebanyakan tetapi diberi kelonggaran kepada pasangan pengantin yang bakal bergelar raja sehari dan kepada pembesar-pembesar istana serta golongan istana.

Ciri-ciri dan Keistimewaan Kebaya Perlis

Baju Kebaya Perlis jika ditinjau dari sudut pandangan hadapan, ia lebih menyerupai kepada bentuk baju kebaya manakala jika dilihat dari sudut pandangan belakang pula, ia adalah seperti baju kurung. Ia merupakan baju kebaya yang mempunyai kekek sama seperti baju kurung dan tidak bertulang di atas bahu. Cara pengukuran Baju Kebaya Perlis tradisional dan Kebaya Perlis yang agak moden adalah berbeza tetapi menghasilkan bentuk yang agak sama. Kebaya Perlis tradisional asasnya diambil ukuran di atas bahu si pemakai dan bahunya diambil menjatuh yang hendak dipotong diletakkan sebagai ukuran di atas bahu dan kemudiannya dilipat dua sebelum dipotong. Dahulunya tali ataupun kain sendiri dijadikan alat pengukur pada badan pemakai.

Terdapat pelbagai jenis kain yang menjadi pilihan untuk menghasilkan Kebaya Perlis. Dahulu, Kebaya Perlis diperbuat daripada kain kapas ataupun Kasarubia. Penghasilan Kebaya Perlis memerlukan sejenis kain yang agak lembut supaya si pemakainya akan merasa bahawa kebaya yang dikenakannya nampak begitu 'terletak' di atas badan si pemakai. Pasaran fabrik pada zaman awal 30-an adalah amat terhad. Di antara fabrik-fabrik yang terdapat di pasaran pada waktu itu hanyalah kain sutera, kain sutera gulung, kain cindai dan kain rawa. Jenis-jenis penghasilan baju pada ketika itu adalah bergantung kepada tahap kemampuan seseorang individu itu. Kebanyakan fabrik yang menjadi pilihan pada waktu itu adalah kain yang halus dan jarang seperti Kasarubia. Sesetengah baju Kebaya Perlis dihasilkan sepasang iaitu sedondon dengan kain. Namun terdapat juga Kebaya Perlis yang dipadankan dengan kain Batik Setong, Batik Panjang dan juga Batik Lepas. Kain Pelekat turut digayakan pada ketika itu tetapi cuma digunakan oleh golongan wanita yang sudah berumur.



Pembuatan Kebaya Perlis

Antara bahan-bahan dan peralatan yang diperlukan untuk membuat Kebaya Perlis adalah :

kain kapas linen, gunting, pita ukur, benang, jarum jahitan, jarum peniti, kapur dan pensel penanda, roda surih, kertas karbon, kertas minyak serta mesin jahit.

Potongan Kebaya Perlis Tradisional sering mengambil kira ukuran lebar bahu sebagai asas baju. Sebanyak 4 meter kain akan digunakan bagi membuat Kebaya Perlis untuk pemakai bersaiz sederhana. Manakala ukuran yang perlu diambil adalah ukuran bahu, bahu ke mercu dada, labuh lengan baju serta lebar lengan. Berbeza dengan pembuatan kebaya moden, tidak diambil ukuran bahagian pinggang dan punggung memandangkan potongan Kebaya Perlis bersifat longgar dan sopan.

Hiasan/Aksesori Kebaya Perlis

Baju Kebaya Perlis turut diletakkan kerongsang hiasan di bahagian lipatan hadapan baju untuk menambahkan lagi seri si pemakai. Kerongsang tersebut diselitkan secara menyerong. Terdapat dua versi cara pemakaian Baju Kebaya Perlis iaitu baju yang mempunyai lipatan di hadapan dan hiasan kerongsangnya diletakkan di atas lipatan tersebut. Terdapat baju yang tidak dilipatkan cuma ditindankan terus lipatan tersebut dan diletakkan hiasan kerongsang yang menyerong di atasnya.

Kebanyakan hiasan yang turut dipadankan bersama baju kebaya Perlis ialah barang-barang kemas yang diperbuat daripada emas yang ditempah khas di dalam satu set. Ia terdiri daripada subang atau anting-anting, rantai panjang beserta loket atau paun, mastora dan juga kerongsang. Terdapat kerongsang yang mempunyai saiz yang sama dan ada juga yang mempunyai saiz yang berlainan. Bagi kerongsang yang berlainan saiz, ia diselitkan secara berperingkat mengikut saiz. Di bahagian atas iaitu sekitar paras dada diletakkan kerongsang yang paling besar sekali diikuti dengan yang pertengahan di bahagian tengah serta yang kecil sekali di bahagian bawah. Bentuk barang-barang hiasan emas pada zaman dahulu adalah terhad dan salah satunya adalah berbentuk biji kopi (bulat dan nipis). Kebanyakkannya juga terdiri daripada batu-batu permata seperti berlian, intan dan juga batu delima. Gelang tangan pulak terdiri daripada bentuk-bentuk tertentu seperti gelong pintal, rantai tangan dendan, rantai tangan biji kopi, gelang rotan sebelah dan gelang pintal berpahat.

Pemakaian baju Kebaya Perlis tidak lengkap sekiranya tidak bersanggul. Terdapat pelbagai jenis rekaan sanggul seperti sanggul lintang, sanggul lipat dan juga sanggul gulung. Sanggul juga memerlukan hiasannya yang tersendiri. Selalunya sanggul dihiasi dengan lilitan bunga melor, bunga tanjung, bunga chempa dan cucuk sanggul. Sanggul Lintang hanya boleh digayakan oleh golongan wanita yang telah berumah tangga. Anak dara tidak dibenarkan untuk bersanggul lintang dan hanya dibenarkan untuk bersanggul duduk ataupun sanggul dua. Basuhan rambut dengan menggunakan sintok adalah amalan wanita pada zaman dahulu.

Pada zaman tersebut kain batik turut dijadikan sebagai hiasan kepala yang dikenali sebagai kain kelumbung dan





bahu dijadikan sebagai pelapik. Ia juga dikenali sebagai kain sentung. Lazimnya kain cindai dijadikan pilihan utama sebagai kain kelumbung dan kebiasaannya ia tidak bercorak. Lazimnya, Kebaya Perlis turut diserikan dengan pemakaian gelang kaki besar beserta kasut mengikut citarasa si pemakai di samping berstokin.

Busana Kebaya Perlis sememangnya memiliki keunikan yang tersendiri dan bersifat malar segar. Ciri-cirinya yang sederhana dan sopan menjadikan busana ini menjadi pilihan dalam kalangan wanita di negeri Perlis tanpa mengira peringkat usia.



Kanak-Kanak & Seni Bercerita Si Penglipur Lara

Ditulis oleh:
Zuriah Mohamad
Caw. Dokumentasi dan Penerbitan



Penglipur Lara merupakan tukang cerita yang bertindak sebagai penghubung yang akan menyampaikan mesej kepada penerima. Sistem komunikasi di antara Penglipur Lara dengan penerima boleh dikatakan sebagai komunikasi dua (2) hala yang dianggap berkesan dan berjaya.

Kaedah yang diguna pakai oleh Penglipur Lara adalah menggabungkan eleman kemahiran komunikasi seperti pengetahuan, pengalaman, kreativiti dan kecerdasan ketika melaksanakan penyampaian/pengajaran berdasarkan sasaran khalayak. Kaedah seni Penglipur Lara ini secara dasarnya sedikit sebanyak menjadi penyumbang pada kaedah yang efektif dan efisien yang boleh membantu meningkatkan kefahaman kanak-kanak terhadap kepelbagaian budaya untuk menerima sesuatu pembelajaran secara optimum.

Kesesuaian dalam kemahiran komunikasi seni Penglipur Lara terhadap golongan sasarnya adalah perlu, kerana menerusi medium inilah akan diperlihatkan sama ada khalayak boleh merekod mesej/maklumat yang hendak disalurkan.

Menurut Dr. Ismalil Hamid menerusi hasil tulisannya berkaitan 'Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama', istilah 'Penglipur' memberikan makna sebagai 'penghibur' manakala perkataan 'Lara' pula membawa maksud 'duka' atau 'kesedihan hati'. Gabungan dua (2) perkataan iaitu Penglipur dan Lara memberikan makna penceritaan yang menghiburkan orang dalam kesedihan atau dukacita. Namun apabila perkataan Penglipur Lara ditambah dengan perkataan 'si' di hadapannya, maka erti keseluruhan maksud Penglipur Lara itu secara automatiknya merubah peranannya kepada si tukang cerita atau pencerita. Tukang cerita ini juga berperanan dalam membina dan mewujudkan mesej yang berkaitan dengan moraliti, sejarah, keadilan, hak dan kerohanian.

Penglipur Lara sangat terkenal dalam masyarakat Melayu kerana cerita-cerita yang disampaikan serta kaedah penceritaannya yang mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri. Keistimewaannya bukan sahaja terletak pada penceritanya, tetapi juga terlihat dari segi penceritaannya, tutur kata dan bahasa, cara atau kaedah penyampaiannya dan sejauhmanakah kreativiti seorang pencerita mengaplikasikan kaedah bercerita untuk memberikan kefahaman kepada pendengar.

Penglipur Lara ini dikatakan mempunyai dua (2) kategori iaitu kategori pencerita yang profesional dan juga kategori pencerita yang amatur. Cara, kaedah penyampaian cerita adalah berbeza dan juga berdasarkan kepakaran serta kreativiti yang tersendiri. Terdapat dalam kalangan Penglipur Lara menggabungkan cara dan kaedah penceritaan dengan lagu-lagu, gaya, intonasi percakapan, emosi, pengwujudan dialog-dialog yang direka bersesuaian dengan intipati penulisan dan juga diselitkan persembahan yang menggunakan alat-alat muzik yang mudah dibawa.

Kaedah penceritaan yang dibawa oleh Penglipur Lara kebiasaannya dilihat menarik, kerana penceritaannya ada yang diselang-selikan dengan bahasa puisi yang indah dan berirama. Kesan penggunaan bahasa puisi itu sebenarnya berupaya untuk mewujudkan keindahan kerana diselang-selikan dengan kata-kata kiasan, perbandingan, ritma, bunyi serta pengulangan ayat yang kerap sebagai salah satu kaedah untuk serapkan maklumat ke dalam pemikiran pendengar. Gabungan kaedah yang digunakan ini, berkesan untuk memberikan gambaran suasana yang berbagai-bagai seperti sedih, gembira, terharu, bahagia dan lain-lain.

Konsep bercerita melalui Penglipur Lara ini sebenarnya telah pun menjadi tradisi budaya manusia sejak zaman berzaman lagi, dalam usaha mendidik dan menerapkan ilmu dan nilai-nilai murni kepada kanak-kanak. Penggunaan medium Penglipur Lara bukan sahaja menjurus kepada penerapan ilmu, tetapi turut menjadi medium perkongsian cerita, gurau senda, hiburan dan juga sebagai mengisi masa lapang.

Dalam masyarakat Melayu, tokoh-tokoh Penglipur Lara seperti Awang Batil, Tok Selampit, Awang Belanga dan Tok Kubang merupakan penyampai cerita yang berperanan untuk mendidik masyarakat dengan pelbagai mesej nilai-nilai murni menerusi cerita-cerita mereka. Tokoh-tokoh ini adalah orang yang menghiburkan hati yang duka dengan menyampaikan cerita rakyat yang berunsur jenaka, biasanya diselitkan dengan syair, pantun, seloka dan sebagainya yang sarat dengan pelbagai mesej, yang kebiasaannya mesej yang diberi akan diterima dengan baik dan penuh kefahaman.







Kaedah seni Penglipur Lara boleh dikategorikan sebagai salah satu kaedah dalam pendidikan dengan menggunakan konsep bercerita secara kreatif sebagai kaedah utama dalam memberi kefahaman khususnya yang diaplikasikan kepada kanak-kanak. Kaedah Penglipur Lara dianggap sebagai seni sastera/teater yang mampu memberikan nyawa kepada perkataan bertulis dalam sesebuah buku. Tujuan utama kaedah ini digunapakai adalah untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam mengenai isi pembelajaran sekaligus menimbulkan minat kanak-kanak untuk belajar, menerusi cara melihat, mendengar dan mengaplikasikannya. Suasana pembelajaran akan menjadi lebih menyeronokkan.

Zaman dahulu, kaedah ini digunapakai sebagai komunikasi secara lisan oleh ibu bapa kepada anak-anak yang disampaikan dari satu generasi ke satu generasi. Kaedah ini digunapakai bertujuan untuk mendidik kanak-kanak dengan nilai-nilai murni menerusi cerita-cerita dongeng rakyat, yang berupaya mempengaruhi tingkah laku pendengarnya. Terdapat juga dalam kalangan kanak-kanak pada zaman dahulu adalah buta huruf. Lantaran itu, cerita-cerita hanya disampaikan dalam bentuk lisan.

Namun seiring dengan peredaran masa, kaedah seni Penglipur Lara dilihat sebagai sumber yang semakin jarang diguna pakai oleh masyarakat dan kurang didedahkan terutamanya kepada anak-anak dalam menyampaikan sesuatu mesej. Sastera rakyat seharusnya dihargai oleh generasi kini, di samping memartabatkan genre kesusasteraan prosa rakyat tradisional Melayu agar setanding dengan displin ilmu yang lebih bersifat terkini.



Kaedah seni 'Si Penglipur Lara' ini juga, merupakan satu cabang seni yang tertua dan telah berkembang secara lisan serta diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Kaedah bercerita merupakan salah satu kaedah yang sering digunakan dalam setiap lapisan masyarakat untuk menerangkan atau menceritakan tentang sesuatu idea, konsep atau sejarah dengan menggunakan kaedah yang menarik dan mudah difahami oleh pendengar. Aktiviti bercerita yang kreatif mampu menarik minat pendengar untuk mendengar dengan lebih lanjut tanpa meninggalkan setiap plot penceritaan sehingga tamat cerita tersebut. Kanak-kanak sangat gemar mendengar cerita. Melalui bercerita, mereka cenderung untuk mendengar setiap perkataan yang diluahkan oleh pencerita.

Dalam era globalisasi yang semakin laju merempuh masuk, sama ada disedari atau tidak, sebenarnya kita sedang dihanyutkan oleh arus perubahan yang begitu deras yang seharusnya kita rempuh dengan pantas, selari dengan kelajuan arusnya. Fenomena yang berlaku ini, dalam kita tidak sedar sebenarnya memaksa kita untuk mengikuti arus gelombang yang melanda. Arus globalisasi ini sekaligus merubah tatacara hidup seluruh masyarakat sama ada dalam bidang politik, pendidikan, ekonomi, budaya mahupun sosial. Justeru, semua generasi termasuk golongan kanak-kanak perlu melangkah laju untuk memastikan kanak-kanak bangsa kita, khususnya generasi yang baru melangkah mengenal dunia, berupaya mengharungi cabaran dalam bidang pendidikan. Pengaplikasian kaedah Seni Penglipur Lara yang kaya dengan pelbagai gabungan kreativiti persembahan seperti, bercerita, menyanyi, berpantun, berpuisi, memasukkan watak dan perwatakan, emosi dan tingkah laku untuk mewarnai penceritaan sudah pastinya akan memberi lebih kefahaman kepada kanak-kanak.

Kaedah bercerita Penglipur Lara digunakan untuk memastikan ianya mampu membentuk kegembiraan dan suasana yang menyeronokkan, mampu meningkatkan imaginasi kanak-kanak serta membentuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran literasi awal untuk kanak-kanak. Rentetan menggunapakai kaedah seni Penglipur Lara, tumpuan kanak-kanak didapati lebih fokus dan mampu bercerita kembali intipati penyampaiannya.

Kaedah bercerita telah digunakan sejak sekian lama dalam mengajar sama ada secara formal atau tidak formal. Dalam budaya Melayu sendiri khususnya, terdapat pelbagai cerita yang digunakan untuk menyampaikan mesej nasihat dan budaya. Tujuan lain bagi kaedah bercerita Penglipur Lara ialah untuk menimbulkan minat kanak-kanak dalam pembelajaran, melatih kemahiran dan fokus kanak-kanak dalam mendengar sesuatu perkara yang diperkatakan, membantu memupuk nilai-nilai murni, memperkayakan pengalaman kanak-kanak, mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta melibatkan kanak-kanak secara aktif dan menjana pemikiran kanak-kanak.

Betapa susahnya untuk mengekalkan tumpuan kanak-kanak semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan contohnya semasa memberi penjelasan. Tumpuan kanak-kanak terhadap proses pengajaran dan pembelajaran adalah tidak menentu dan ia berbeza mengikut individu. Hal ini kerana setiap individu adalah berbeza. Menurut Khairul Yusri (2007), perbezaan individu bermaksud variasi atau ketidaksamaan individu daripada norma kumpulannya sama ada dari segi sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku, sosial atau bakat dan aspek-aspek yang lain.

Apabila kanak-kanak hilang tumpuan terhadap pengajaran, banyak perkara boleh berlaku. Kanak-kanak yang bosan akan mencari pelbagai cara untuk menghiburkan hati mereka sendiri. Akibat daripada itu, maka wujudnya gangguan yang akan menjejaskan perjalanan sesuatu proses pembelajaran contohnya isu yang ringan adalah seperti termenung dan membuat kerja sendiri. Isu yang berat mungkin akan mengakibatkan pergaduhan di dalam kelas. Tumpuan kanak-kanak adalah tidak menentu dan mereka akan menunjukkan pelbagai perlakuan yang tidak diingini semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Kesimpulannya, penggunaan kaedah bercerita seni Penglipur Lara boleh menjadi salah satu usaha untuk meningkatkan minat dan kefahaman kepada kanak-kanak tentang sesuatu perkara. Ia juga boleh menjadi satu medium pengajaran yang sangat berharga kerana memiliki gabungan eleman watak-perwatakan, gerak laku, emosi, props, kostum dan muzik. Kaedah Penglipur Lara ini biarpun telah menjadi warisan dan ditinggalkan, namun telah banyak melahirkan manusia yang memahami erti nilai-nilai murni dalam kehidupan.

BIBLIOGRAFI

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Taib Osman. 1991. Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mustaffa Mohd Isa. 1987. Awang Batil Penglipur Lara dari Perlis. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Rejab F.I. 2002. Bicara Tokoh Budaya Perlis 'Awang Batil'. Festival Sastera Perpaduan Malaysia. Taman Budaya Negeri Perlis: Perbadanan Perpustakaan Negeri Perlis

Laman Sesawang

http://eprints.utm.my/id/eprint/12269/1/HamdanSaid_CabaranEraGlobalisasikeAtasWarga2000.pdf

https://www.researchgate.net/publication/316182554_Penglipur_Lara_Awang_Batil_Nilai_Fungsi_dan_Falsafah_dalam_Penyampaian_Cerita_dan_Lagu

Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara, http://www.heritage.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=139&Itemid=596&lang=ms

Tarian Kuda Kepang

Ditulis oleh:
Jumaninor Hanaffi
Bah. Bimbingan Seni dan Budaya



Sejarah dan Asal Usul

Kuda Kepang merupakan sebuah tarian pahlawan yang berasal daripada Jawa, juga terdapat pengaruh Islam di dalam cerita tarian Kuda Kepang itu sendiri. Kebiasaannya seluruh tarian Kuda Kepang ditarikan di kampung – kampung sekitar Negeri Johor oleh orang Melayu yang berketurunan Jawa Johor dan Jawa Indonesia. Kuda Kepang diperkenalkan pada kurun ke-15 oleh Wali Songo (Wali Sembilan) untuk menyebarkan agama Islam. Menurut satu legenda asal usul tarian Kuda Kepang juga berasal daripada negara Arab bertujuan untuk peperangan.

Antara jenis-jenis tarian Kuda Kepang yang biasa dipersembahkan ialah tarian menggembur dan tarian serang balas. Terdapat juga lagi teori yang mengatakan tarian Kuda Kepang digunakan sebagai satu bentuk ritual. Bilangan anggota kumpulan untuk menarikan tarian Kuda Kepang ialah sembilan (9) hingga tiga belas (13) orang penari dan termasuklah Ketua Penari (dayang), lima (5) hingga enam (6) pemain muzik dan seorang bomoh. Cerita bagi tarian Kuda Kepang seperti Raden Inu Kertapati, Panji Semirang. Raden Galuh Cendera Kirana, Ramayana dan kisah pengembaraan Saidina Ali. Pada zaman moden cerita tarian Kuda Kepang tersebut tidak dipersembahkan lagi tetapi mereka akan menarikan tarian tersebut tanpa cerita sahaja. Di kawasan pendalaman penduduk kampung masih lagi mengamalkan tradisi lama nenek moyang mereka.


Fungsi

Pada kebiasaannya tarian Kuda Kepang di Negeri Johor ditarikan semasa majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan ketika menyambut ketibaan pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan dan juga majlis-majlis perayaan. Persembahan ini bukan sahaja ditarikan oleh lelaki malah wanita juga turut terlibat dan ianya diadakan secara terbuka di padang ataupun di atas pentas.




Alat Muzik


Alat muzik yang biasa digunakan sewaktu tarian Kuda Kepang ialah gong, angklung, tambur/gendang, canang, saron dan bonang.



Busana dan Tatarias


Tiada pemakaian khusus yang digunakan oleh penari tarian Kuda Kepang kerana bergantung kepada sesebuah kumpulan. Sesetengah kumpulan hanya menggunakan seluar, baju lengan pendek dan songkok. Selain itu terdapat juga kumpulan yang memakai seluar panjang, berbaju melayu, bersamping dan berikat kepala.






Busana dan Tatarias

Patung Kuda Kepang dan Tali Pemecut/Tali Tas merupakan dua kompenen yang digunakan dalam tarian Kuda Kepang. Patung Kuda Kepang ini diperbuat daripada buluh yang dibentuk seperti kuda. Ia terdiri daripada beberapa bahagian seperti kepala, badan dan ekor tetapi tidak berkaki. Rangkanya diperbuat daripada kepingan buluh halus manakala sabut kelapa digunakan untuk dijadikan rambut pada bahagian kepala dan ekor. Keseluruhan bahagian kuda itu disambung dengan menggunakan rotan/buluh dan kemudian ianya dicat dengan pelbagai warna seperti hitam, merah dan putih. Tali pemecutnya pula diperbuat daripada buluh, tali dan kayu.




Terisek

Tangan kanan memegang kepala patung Kuda Kepang manakala tangan kiri memegang leher patung kuda tersebut. Angkat kaki kanan 90 darjah. Buat satu lingkaran kecil mengikut arah jam. Letak tumit di lantai. Buat satu lingkaran kecil mengikut jam di lantai dan letakkan tumit di lantai. Letakkan hujung jari kaki ke lantai dan letak kembali tumit ke lantai. Kaki kiri menyokong pada pergerakan kaki kanan.




Posisi di Tempat

Tangan kanan memegang kepala patung Kuda Kepang manakala tangan kiri memegang bahagian lehernya. Kaki kanan dibuka ke sisi kanan sambil lutut dibengkokkan sedikit, kemudian kaki kanan dibawa kembali ke tempat asal. Langkah disusuli dengan kaki kanan dibuka ke sisi kanan sambil lutut dibengkokkan sedikit dan kembali dibawa ke tempat asal.




Maju

Tangan kanan memegang kepala patung Kuda Kepang manakala tangan kiri memegang bahagian lehernya. Kaki melangkah ke hadapan sambil lutut dibengkokkan sedikit. Kemudian kaki kanan diletakkan ke lantai disusuli kaki kiri didekatkan pada kaki kanan apabila bergerak ke hadapan.




Undur

Tangan kanan memegang kepala patung Kuda Kepang manakala tangan kiri memegang bahagian lehernya. Kaki kanan diundurkan ke belakang sambil lutut dibengkokkan sedikit. Kaki kanan diletakkan di lantai disusuli kaki kiri akan mengundur mengikut pergerakan kaki kanan.




Ke Sisi Kanan

Tangan kanan memegang kepala patung Kuda Kepang manakala tangan kiri memegang bahagian lehernya. Kaki kanan dibuka ke sisi sambil bergerak ke sebelah kanan. Kaki kiri akan menyusuli (mendekati) pergerakan kaki kanan.




Ke Sisi Kiri

Tangan kanan memegang kepala patung Kuda Kepang manakala tangan kiri memegang bahagian lehernya. Kaki kiri dibuka ke sisi sambil bergerak ke sebelah kiri. Kaki Kanan akan menyusuli (mendekati) pergerakan kaki kiri.




Ombak di Tempat

Tangan kanan memegang kepala patung Kuda Kepang manakala tangan kiri memegang bahagian lehernya. Kaki kanan dibawa ke hadapan kaki kiri sambil bersilang dan lutut dibengkokkan sambil hayun ke kiri. Pergerakan ini diulang bagi kaki kanan dengan kedudukan dan cara yang sama.




Undur Silang Kaki

Tangan kanan memegang kepala patung Kuda Kepang manakala tangan kiri memegang bahagian lehernya. Kaki kanan dibawa ke belakang kaki kiri sambil bersilang. Lutut hendaklah sentiasa dibengkokkan (hayun ke kiri). Kaki kiri dibawa ke belakang kaki kanan sambil bersilang. Lutut dibengkokkan. Ulang kaki kanan dibawa bersilang sekali lagi dan pada kiraan empat (4), badan hendaklah membuat separuh pusingan dengan kaki kiri silang ke belakang kaki kanan.




Dua Lingkaran

Tangan kanan memegang kepala patung Kuda Kepang manakala tangan kiri memegang bahagian lehernya. Tangan kanan membuka ke sisi kanan 45 darjah sambil memegang selendang. Mulakan pergerakan kaki kanan dengan membuat lingkaran melalui bahu kanan sehingga menjadi satu bulatan kecil dengan kiraan 1x8. Pergerakan balas pada bahu kiri sehingga menjadi satu lingkaran kecil dengan kiraan yang sama.




TERISEK SELENDANG

Tangan yang memegang selendang dibawa ke paras dada. Kaki kanan diangkat 90 darjah. Pusingkan di bahagian pergelangan tangan dan diturunkan ke hadapan badan sehingga paras lutut. Letakkan kaki ke lantai. Tangan dibawa ke paras dada sekali lagi dan pusingkan pergelangan tangan. Kaki kanan diangkat 90 darjah sekali lagi. Buka tangan terus ke belakang paras pinggang dan letak kaki ke lantai sambil tangan kanan melepaskan selendang.



Silang Maju

Tangan kanan memegang kepala patung Kuda Kepang manakala tangan kiri memegang bahagian lehernya. Kaki kanan melangkah ke hadapan dan lutut sentiasa dibengkokkan. Silang kaki kiri ke belakang kaki kanan. Buka kaki kanan ke sisi. Bawa kaki kiri ke sebelah kaki kanan sambil pusingkan badan pada arah yang berlainan. Silang kaki kanan ke belakang kaki kiri. Buka kaki kiri ke sisi kiri. Pusingkan badan membuat satu pusingan melalui bahu kiri.



Silang Balik Tempat Asal

Tangan kanan memegang kepala patung Kuda Kepang manakala tangan kiri memegang bahagian lehernya. Kaki kanan melangkah ke hadapan. Lutut hendaklah sentiasa dibengkokkan. Silang kaki kiri ke belakang kaki kanan. Buka kaki kanan ke sisi kanan. Bawa kaki kiri ke sebelah kaki kanan sambil pusingkan ke arah badan pada arah yang berlainan. Silangkan kaki kanan ke belakang kaki kiri. Buka kaki kiri ke sisi kiri. Pusingkan badan membuat satu pusingan melalui bahu kiri (Pergerakan ini sama dengan ragam silang maju, cuma berbeza/berlainan arah pandangan/badan sahaja).

SENI MUZIK DALAM MASYARAKAT:

Tema Nasihat dan Cinta dalam Lagu-lagu Gambus

Ditulis oleh:
Dr. Mohd Nizam Attan
Pengarah,
Pusat Kebudayaan Universiti
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Kesenian

Kesenian adalah hasil karya sesuatu masyarakat yang boleh menimbulkan rasa terharu di hati orang yang melihat atau mendengarnya. Seni berupaya mencetuskan keindahan dan seni juga adalah nikmat rasa kebahagiaan manusia yang mempunyai perasaan. Pada umumnya, sesuatu yang berbentuk seni ialah sesuatu yang mempunyai sifat-sifat keindahan dan sempurna pada bentuk dan isinya. Oleh itu, seni ialah setiap jelmaan cita rasa manusia yang mengandungi keperibadian penciptanya. Secara tidak langsung, seni merupakan kesedaran menggunakan daya dan cita rasa imaginasi yang kreatif bagi melahirkan keindahan melalui cabang-cabang seni kreatif. Pada dasarnya seni mempunyai kehalusan dan keindahan. Lantaran daripada nilai-nilai keindahan, kesempurnaan dan kemuliaan itulah yang disebut sebagai hasil seni. Hubung kait antara satu bentuk kesenian dengan lainnya jelas melalui proses penciptaan. Seni adalah jiwa seniman yang terlibat secara total dan bekerjasama dengan ahli kelompok serta masyarakat di sekitarnya. Seni bukan sekadar untuk hiburan semata-mata tetapi menunjang keperluan masyarakat umum.

Seni Muzik

Muzik adalah salah satu daripada cabang seni, ia tumbuh dan berkembang seiring dengan perkembangan bangsanya. Setiap golongan daripada tiap-tiap bangsa itu mempunyai muzik khusus yang dipengaruhi oleh keadaan sekeliling dan budaya hidup mereka. Ahli antropologi dari serata dunia mengakui mereka belum menjumpai lagi satu kelompok



manusia yang hidup tanpa muzik. Di dalam setiap kesenian, muzik memainkan peranan bukan sahaja untuk upacara-upacara tertentu malah juga dalam kehidupan peribadi individu.

Muzik berfungsi untuk memberi hiburan, ekspresi diri, membawa ketenangan jiwa, mengurangkan ketegangan perasaan dan mampu mendisiplinkan diri. Tidak dapat dinafikan bahawa muzik juga merupakan saluran yang berkesan bagi menanam semangat nasionalisme, nilai-nilai keagamaan, ideologi, propaganda, moral dan dapat juga menyarankan unsur-unsur pengajaran. Sifat ekspresif muzik mencerminkan masyarakat yang melahirkannya. Ia melibatkan perasaan, emosi dan pemikiran pencipta dan pendengar. Melalui muzik juga seseorang itu dapat melahirkan rintihan, kesedihan, kesukaan dan kehampaan perasaan. Muzik juga berperanan sebagai alat komunikasi sosial antara individu di dalam masyarakat.

Seni Suara

Seni suara lahir daripada peti suara yang boleh memberi kepuasan kepada pendengarnya. Terdapat beberapa perbezaan pada seni suara di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Dalam seni suara ada seni suara tanpa muzik dan ada yang diiringi oleh alat muzik. Seni suara melibatkan nyanyian lagu-lagu yang dicipta atau pengucapan kata-kata yang mengandungi makna dan menggunakan bahasa berirama. Nyanyian disampaikan dengan bahasa yang indah dan mempunyai irama serta melodi yang menarik untuk menarik minat orang mendengarnya. Nyanyian ini juga menyentuh dan mencetuskan suatu perasaan jika sesuai dengan keadaan dan situasi orang yang mendengarnya.

Lagu-lagu yang dinyanyikan bukan sahaja bersifat komersial dan bertujuan untuk mendapatkan bayaran malah ianya mempunyai erti dan fungsi yang lebih meluas dan mendalam. Masyarakat Melayu sendiri, memiliki pelbagai jenis lagu yang dinyanyikan bertujuan memberi nasihat, pengajaran dan pujian terhadap Tuhan Pencipta Alam. Antaranya seperti Marhaban, Qasidah dan Berzanji. Biasanya seni suara seperti ini tidak diiringi dengan sebarang alat muzik dan diadakan sewaktu majlis-majlis seperti tilawah Al-Quran, perkahwinan, cukur jambul dan sebagainya. Selain itu, lagu-lagu khas juga dinyanyikan untuk tujuan yang lain seperti menidurkan anak-anak atau bayi. Kebanyakan tema lagunya bercorak pesanan keagamaan, nasihat supaya taat kepada ibu bapa, rajin menuntut ilmu dan bertaqwa kepada Allah.

Muzik tradisional sering berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari sesuatu kelompok masyarakat. Dalam banyak perkara, muzik tradisional digunakan untuk keperluan hidup komuniti setempat. Muzik mempunyai makna dan pengertian tertentu dalam sistem budaya serta lingkungan kemasyarakatannya. Selain itu, ia juga berhubung rapat dengan pengalaman dan struktur sosial masyarakatnya, dalam erti kata lain perkataan muzik mencerminkan taraf kemajuan sesuatu masyarakat.

Ciri-ciri Lirik dalam Lagu-lagu Tradisional

Kebiasaannya lirik lagu yang dinyanyikan dengan iringan muzik ini umumnya bersifat sederhana dengan pengulangan-pengulangan yang tetap. Ciri-ciri yang dianggap menonjol dalam karya muzik tradisional itu ialah:

- **Karya muzik tersebut berkembang dalam suatu komuniti.**
- **Karya tersebut menggambarkan keperibadian masyarakat.**
- **Karya tersebut menyuarakan semangat perpaduan dalam komunitinya.**
- **Karya tersebut sentiasa berkaitan dengan kehidupan seharian anggota komunitinya.**
- **Mempunyai fungsi yang tersendiri.**
- **Disampaikan secara lisan.**

Penyebaran dan pewarisan lirik-lirik bagi muzik tradisional adalah secara lisan. Penyebaran dari satu tempat ke satu tempat, dari satu generasi ke satu generasi melalui komunikasi secara langsung dan mementingkan daya ingatan yang kuat. Dengan kata yang lain, lirik dan seni muzik lahir dalam masyarakat dengan fungsi-fungsinya yang tertentu sebagai alat untuk mewujudkan perpaduan, patriot, rasa cinta sesama insan dan nasihat-menasihati. Muzik tradisional pengaruh Islam bertindak sebagai wadah memuji Nabi Muhammad S.A.W, berdoa seperti yang dilakukan dalam upacara kelahiran bayi, berkhatan, cukur jambul serta berdoa untuk kebahagiaan suami isteri dalam upacara perkahwinan.

Lagu-lagu Gambus

Identiti lagu-lagu Gambus pada asalnya banyak dipengaruhi oleh penyanyi yang pernah merakamkan album berbentuk piring hitam pada sekitar penghujung tahun 1960-an hingga tahun 1970-an. Antara penyanyi-penyanyi tersebut ialah Fadzil Ahmad, Ahmad Jusoh, Attan Hassan, Salim I, Rosiah Chik dan beberapa orang lagi. Lagu-lagu Gambus yang popular pada zaman tersebut ialah seperti Air Mata Hati, Dia Datang, Pesanan, Hari Ribut, Bunga Hati, Salam dan Takzim, Puji dan Syukur serta beberapa buah lagu lagi.



Lagu Gambus Tema Nasihat

Salam dan Takzim

Salam dan takzim wahai bestari,
Kepada pengantin suami isteri,
Allah beri rahmat seumur hayatnya,
Semoga dikekalkan jodoh pertemuannya.

Wahai Pengantin muda bestari,
Duduk di pelamin kanan dan kiri,
Menandakan kamu bersuami isteri,
Elok rupanya berseri-seri.

Wahai Pengantin muda bestari,
Duduk di pelamin kanan dan kiri,
Menandakan kamu bersuami isteri,
Elok rupanya berseri-seri.
Seperti bulan dengan matahari.

Pesanan

Dengarlah dengarlah saudari saudara
Dengarlah dengarlah saudari saudara
Dan juga sekalian ibu dan bapa
Dan juga sekalian ibu dan bapa

Marilah marilah muslimin muslimat
Segera ikuti ini nasihat
Mudah-mudahan menjadi manfaat
Dari dunia hingga akhirat
Mudah-mudahan menjadi manfaat
Dari dunia hingga akhirat

Dunia ini akhiri zaman
Berbagailah macam corak agama
Sampailah masanya dajjal menjelma
Ke jalan yang sesat dibawa bersama
Sampailah masanya dajjal menjelma
Ke jalan yang sesat dibawa bersama

Puji dan Syukur

Pujilah, pujilah,
Pujilah nama Allah,
Syukurlah, syukurlah,
Bersyukur kepadaNya,

Betapa besarnya,
Nikmat yang diberikan,
Kepada manusia,
Yang ada di dunia,
Ingatlah wahyuNya,
Tuhan dalam Al-Quran,
Siapa bersyukur,
Ditambahkan nikmatnya,

Dari itu oh janganlah,
Ingkari nikmat dariNya,
Pabila hidupmu,
Di dalam berbahagia

Lagu Gambus Tema Cinta

Air Mata Hati

Bila bulan mengambang,
Cahayanya gemilang,
Air mataku berlinang,
Terkenang diriku malang,
Telah difitnah orang,
Berpisah pula menjelang,

Berjauh hati, tak memandang,
Penderitaanku, menanggung walang,
Berjauh hati, tak memandang,
Penderitaanku, menanggung walang,
Menanggung walang

Apakah dosaku,
Apakah kesalahanku,
Siksaku demikian,
Sebagailah pokok,
Tidaklah berdahan,
Ditinggal tak belas kasihan

Meracun hati, membawa diri,
Tiada seorang, ingin hampiri,
Meracun hati, membawa diri,
Tiada seorang, ingin hampiri,
Ingin hampiri.

Bunga Hati

Bunga baru kutanam,
Sudah terkulai layu,
Kumbang tak sabar diam,
Suka datang merayu,

Bunga baruku siram,
Tanganku sudah letih,
Kuntum belum berputik,
Air tinggal setitik,

Oh bunga pujaanku,
Sabarlah menanti hujan turun lagi,
Atau nanti kau nanti embun di waktu pagi,
Oh bunga, oh bunga, oh bunga hari

Tema Cinta dan Nasihat dalam Lagu-lagu Gambus

Setiap buah lagu mengandungi sebuah tema yang ingin disampaikan oleh pengarangnya. Tema adalah persoalan pokok yang cuba ditonjolkan oleh pengarang untuk mengemukakan idea utama yang terdapat dalam lirik berkenaan. Terdapat berbagai-bagai tema yang cuba ditonjolkan dalam lagu-lagu yang dinyanyikan. Secara keseluruhan lirik yang mengiringi gambus mempunyai persamaan dengan bentuk syair yang biasanya mengandungi empat (4) baris dalam setiap rangkap. Setiap baris mengandungi empat (4) perkataan yang terdiri daripada lapan (8) hingga 12 suku kata. Rimanya pula adalah a,a,a,a. Jika kita meneliti secara menyeluruh, lirik yang mengiringi seni muzik gambus ini mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan ciri-ciri syair.

Kebanyakan daripada lagu gambus yang dinyanyikan mempunyai empat (4) baris dalam satu rangkap. Setiap baris pula mempunyai empat (4) perkataan. Jumlah suku kata dalam setiap baris pula adalah di antara lapan (8) hingga 12 suku kata. Rima akhirnya adalah a,a,a,a. Walau bagaimanapun ada juga lagu yang berirama seperti pantun, iaitu a,b,a,b seperti dalam lagu Salam dan Takzim, tetapi boleh dikatakan kebanyakan lagu-lagu yang mengiringi gambus berirama a,a,a,a seperti bentuk syair.

Gaya bahasa yang digunakan mudah difahami kerana lagu-lagu ini sebahagiannya dicipta sendiri oleh seniman tempatan. Lagu-lagu ini juga sesuai dengan masyarakat pendengarnya yang terdiri dari pelbagai lapisan peringkat umur. Kata-kata dalam setiap lirik lagu yang dipersembahkan juga adalah daripada bahasa harian dan mudah difahami. Pemilihan kata-katanya adalah lembut dan tidak mengandungi nada yang keras. Terdapat banyak penggunaan perkataan "wahai" dan "lah". Perkataan-perkataan ini sesuai dengan tema bagi lagu-lagu yang berunsurkan nasihat dan cinta. Penggunaan perkataan seperti ini juga memperlihatkan sikap merendah diri yang ada pada diri penyanyi tersebut. Sewajarnya penyanyi yang menggunakan kata seruan "wahai" yang memperlihatkan kelembutan dan bersifat lunak kerana untuk memberi tunjuk ajar, nasihat dan menyeru pendengar ke arah kebaikan, haruslah dipujuk dengan cara baik dan lembut. Contohnya dalam lagu "Salam dan Takzim", banyak menggunakan perkataan "lah" dan "wahai". Kebanyakan daripada lagu-lagu yang dinyanyikan jelas memperlihatkan struktur yang khusus, ia tidak berbentuk bebas sebaliknya masih terikat dengan puisi lama.

Lagu-lagu Gambus mengandungi unsur nasihat dan mengajak masyarakat menuju ke jalan kebaikan sesama manusia dan Penciptanya. Selain daripada berunsurkan agama yang mengajak manusia mengenal Penciptanya, lagu-lagu yang dinyanyikan juga berunsur nasihat agar masyarakat tidak tersalah langkah dalam mengharungi kehidupan yang penuh dengan cabaran. Maka wujudlah lagu-lagu yang bertemakan keinsafan dan kesedaran seperti lagu Pesanan nyanyian Attan Hassan dalam EP terbitan tahun 1970.

Lagu-lagu Gambus yang didendangkan juga tidak lari daripada tema percintaan. Contohnya seperti lagu Air Mata Hati dan Bunga Hati merupakan diantara lagu-lagu percintaan mudah yang mendapat tempat dalam hati masyarakat terutama bagi golongan muda. Lagu-lagu seperti ini hanya sekadar untuk hiburan yang juga diselitkan unsur-unsur nasihat. Contohnya seperti lagu Puji dan Syukur. Lagu ini bertemakan nasihat dan mengajak masyarakat supaya sentiasa memuji-muji kebesaran Tuhan disamping menyatakan kesyukuran kepada Tuhan yang melimpahkan rahmatNya kepada manusia. Lagu-lagu yang dinyanyikan bukan sekadar memberi hiburan, namun turut mengandungi mesej atau amanat untuk disampaikan kepada pendengar.



Gaya Bahasa Lagu Gambus

Dalam lagu-lagu Gambus, terdapat gaya bahasa perbandingan yang mengguna metafora seperti yang boleh dilihat dalam lagu Salam dan Takzim - seperti bulan dengan matahari. Simbol dalam pengertian sastera adalah kiasan yang menggabungkan nilai literal dan nilai penikmatan dengan aspek abstrak atau aspek menyarankan. Simbol tidak jauh bezanya dengan imej dan metafora. Penggunaan bahasa yang berulang-ulang bertujuan untuk menimbulkan irama atau susunan muzikal untuk mengindahkan pendengaran terutama sesebuah lagu itu dinyanyikan sama ada pengulangan berbentuk anafora atau epitora. Pengulangan kata merupakan perulangan satu atau lebih kata di dalam sesebuah karya sastera sehingga menimbul nilai keindahan. Pengulangan itu bukanlah sengaja direka untuk menimbulkan keindahan tetapi merupakan perkembangan semula jadi bahasa itu sendiri yang digunakan dalam pengucapan sehari-hari. Perulangan yang digunakan secara sedar berfungsi untuk tujuan intensiti.

Penggunaan unsur bunyi asonansi merupakan pengulangan bunyi-bunyi vokal ***a, e, i, o*** dan ***u*** secara horizontal menimbulkan kesan bunyi yang menarik bila dinyanyikan. Asonansi merupakan pengulangan vokal sama ada dalam satu perkataan, beberapa perkataan dalam kedudukan satu frasa atau dalam bentuk sejajar dengan pengulangan vokal yang sama kedudukannya dalam frasa yang sejajar itu. Asonansi juga boleh terdiri daripada persamaan bunyi antara vokal yang diikuti oleh konsonan yang berbeza dalam dua atau lebih suku kata. Perulangan asonansi ini boleh memperkuatkan maksudnya. Di bawah ini diberikan contoh bunyi asonansi petikan dari seni kata lagu Puji dan Syukur. Pengulangan vokal ***a***.

Contoh; Kepad**a** manusi**a** yang ad**a** di duni**a**

Penggunaan unsur bunyi aliterasi merupakan pengulangan bunyi-bunyi konsonan secara horizontal. Aliterasi bukan sahaja terdapat dalam rima awal. Ia merupakan pengulangan bunyi konsonan awal yang sama atau berturut-turut, atau





pengulangan perkataan atau suku kata yang berhampiran. Pengulangan tersebut dalam rentetan kata atau dalam satu-satu baris puisi. Penggunaan kata-kata secara aliterasi ini menambahkan unsur keindahan dan menimbulkan kuasa yang magik. Di bawah adalah contoh bunyi aliterasi petikan yang menunjukkan pengulangan konsonan ***m***:

Contoh; **M**erindu hati **m**enanggung **m**alang

Contoh; **M**enjadi **m**uslimin **m**uslimat yang sejati

Unsur bunyi pada rima akhir setiap frasa lagu menimbul kesan yang menarik apabila dinyanyikan. Di bawah ini adalah petikan daripada lagu Bunga Hati yang mempunyai rima akhir bunyi konsonan dan vokal secara berselang.

Contoh;

Bunga baru kutana**m**,	bunyi konsonan **m**
Sudah terkulai lay**u**,	bunyi vokal **u**
Kumbang tak sabar diam,	bunyi konsonan **m**
Suka datang meray**u**.	Bunyi konsonan **u**

Petikan lagu Salam dan Takzim yang menggunakan vokal ***i*** pada rima akhir setiap frasa lagu.

Contoh;

Wahai Pengantin muda bestar**i**,
Duduk di pelamin kanan dan kir**i**,
Menandakan kamu bersuami ister**i**,
Elok rupanya berseri-ser**i**.

Petikan lagu Air Mata Hati yang dicipta seni katanya menggunakan konsonan ***ng*** pada rima akhir setiap frasa lagu.

Contoh;

Bila bulan mengamba***ng***,
Cahayanya gemila***ng***,
Air Mata Ku berlina***ng***,
Terkenang diriku mala***ng***,
Telah difitnah ora***ng***,
Derita mula menjela***ng***.

Secara umum, bahasa yang digunakan dalam seni kata Lagu-lagu Gambus merupakan bahasa artifisial. Ianya memberi sebuah pengertian yang besar pada seseorang penulisnya dan pengemarnya. Bahasa artifisial banyak digunakan dalam lirik lagu. Bahasa artifisial adalah bahasa yang disusun secara seni. Bahasa yang artifisial tidak terkandung dalam kata yang digunakan sehari-hari tetapi pemakaiannya untuk menyatakan sesuatu maksud yang tersendiri. Dalam puisi atau prosa seni kata memang perlu dipersembahkan dengan bahasa yang indah.

Banyak unsur-unsur pengajaran yang disampaikan dan lagu-lagu keagamaan sesuai dengan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Bukan setakat itu sahaja, terdapat lagu khas yang dicipta khusus untuk pengantin baru, lagu-lagu nasihat mencari jodoh dan panduan untuk hidup berumah tangga seperti yang terdapat dalam lagu Salam dan Takzim. Lagu-lagu Gambus berbentuk nasihat, cinta dan panduan ini dapat menjadi hiburan serta panduan hidup masyarakat.

PUCUK MELANGIT, AKAR DI BUMI

Nukilan:
Ezlina Alias
JKKN Melaka

“Penat ditajak si rumput rampai,
Sabut kelapa dalam jerami;
Dahan dipijak, pucuk digapai,
Jangan lupa akar di bumi.

Sabut kelapa dalam Jerami,
Dibuat sental daki di kain;
Tidak serupa niatnya kami,
Tidur sebantal mimpinya lain.

Dibuat sental daki di kain,
Tuala beralas peluh di bahu;
Walau sebantal hati dah lain,
Niat yang ikhlas Tuhan yang tahu.

Tuala beralas peluh di bahu,
Itik serati mematuk rastali;
Harapkan belas sesama tahu,
Rupanya simpati tidak peduli.

Itik serati mematuk rastali,
Habis semua pisang di desa;
Jagalah hati budi sekali,
Nilai tak sama di sisi Yang Esa.



KUALA SELANGOR

SATU PERSPEKTIF SEJARAH

Ditulis oleh:
Hasmadi Hassan
JKKN Selangor

Pengenalan Sejarah Awal Negeri Selangor

Negeri Selangor yang wujud sejak pertengahan abad ke-18 dipercayai mendapat nama daripada sebuah sungai yang kemudiannya diasaskan menjadi sebuah kerajaan baharu. Di samping itu, gelaran 'Darul Ehsan' yang digunakan oleh Kerajaan Selangor pada hari ini sebenarnya telah bermula lebih awal lagi iaitu sejak zaman permerintahan Sultan Salehuddin dan Sultan Ibrahim melalui hubungan surat-menyurat dengan syarikat Belanda dan syarikat Inggeris. Bezanya ketika itu, Sultan Salehuddin dan Sultan Ibrahim tidak menggunakan gelaran 'Darul Ehsan" sebaliknya menggunakan gelaran 'Darul Khusus' bagi negeri Selangor.

Pada zaman dahulu, penempatan Yang di-Pertuan bersemayam bersama-sama rakyat dan orang besar maka di situlah letaknya ibu negeri. Dari Sungai Selangor, kerajaan Selangor telah berkembang meliputi lima (5) buah sungai yang besar dan telah disatukan atas dasar melantik 'Orang Besar' di setiap jajahan yang patuh kepada sultan. Dengan penyatuan ini, wujud Negeri Selangor dan jajahan taklukannya. Pada zaman yang lebih awal, Negeri Selangor merupakan jajahan Kerajaan Melayu Melaka dan selepas tahun 1511, Kerajaan Johor telah muncul sebagai pengganti. Pada abad ke-17 dan 18, orang Bugis telah datang ke Tanah Melayu akibat daripada peperangan dengan Belanda pada tahun 1667. Migran Bugis yang terlibat secara mendalam dalam pergolakan politik Kerajaan Johor pada abad ke-18 sebenarnya telah membuka sebuah penempatan di Jeram dan Langat bagi memudahkan mereka menjalankan perniagaan dengan Melaka. Penempatan ini terus berkembang dan akhirnya mampu melantik seorang anak Raja Bugis (Raja Lumu) menjadi pemerintah dan seterusnya menjadi Sultan Selangor yang pertama (1766-1782).

Perkembangan selanjutnya dan penentuan sebuah negeri dengan sempadan-sempadan tertentu seperti yang terdapat pada hari ini adalah hasil daripada campur tangan pihak British. Sempadan-sempadan seperti Sungai Bernam di utara, Sungai Sepang di selatan, Selat Melaka di barat dan Banjaran Titiwangsa di bahagian timur telah membentuk sebuah Kerajaan Selangor yang luasnya lebih kurang 5,760 kilometer persegi. Sebelumnya, nama-nama seperti Langat, Jeram, Morib, Jugra, Bernam, Klang, Selangor dan Lukut memang dikenali penduduknya sebagai jajahan yang berada di bawah kewibawaan Selangor. Berikutan dengan itu, apabila perusahaan melombong biji timah mula terkenal, nama-nama baru yang penting dengan penghasilan bijih pula muncul seperti Kancing, Petaling, Pangkalan Lumpur (kemudian Kuala Lumpur), Cheras, Serdang, Kajang, Ampang dan beberapa tempat lain mula diperkenalkan. Laluan pemerdagangan bijih yang aktif menjadikan Sungai Kuala Selangor menjadi tumpuan pihak Inggeris dan Belanda kerana wujudnya kemudahan pelabuhan, tenaga buruh dan harga semasa bijih yang menguntungkan.

Sejarah Awal Selangor

Nama Kuala Selangor dikatakan berasal dari sebuah pekan di pinggir hulu Sungai Selangor. Di sepanjang persisiran sungai iaitu kira-kira enam kilometer menghala ke laut dipercayai telah didiami oleh masyarakat awal Orang Laut. Di hulu Sungai Selangor ini juga berkembangnya kerajaan Selangor awal hingga ke hari ini.

Nama asal Selangor dikatakan diambil sempena nama Sungai Selangor. Difahamkan perkataan Selangor ini diperkatakan melalui pelbagai cerita mengenainya. Antara yang menarik ialah nama Selangor dikatakan berasal daripada seekor langau. Cerita bermula apabila seorang pahlawan dan pengikutnya dari Melaka dalam perjalanan ke utara telah berehat di tebing sungai. Sebelum sempat melelapkan mata, datang seekor langau hinggap ke hidung pahlawan tersebut dan dengan rasa marah dia menampar langau tersebut dengan sekuat hati. Malangnya langau tersebut terlepas dan terbang begitu sahaja. Kesan daripada peristiwa ini telah menyebabkan pahlawan tersebut berfikir bahawa dia tidak pernah dikalahkan oleh mana-mana pahlawan sebelum ini, tetapi kini telah dikalahkan oleh seekor langau. Kejadian tersebut telah menyebabkan beliau mengubah fikiran untuk tidak meneruskan perjalanan. Sebaliknya telah meneroka kawasan tersebut bersama pengikutnya untuk dijadikan penempatan yang diberi nama Se-langau (seekor langau) dan kemudian menjadi Selangor.

Ada juga pendapat yang menyatakan bahawa nama Selangor berasal daripada pokok Mentangau yang banyak terdapat di kawasan pinggir sungai. Disebabkan pohon yang besar merimbun dan boleh dilihat dari laut sehingga ada sesetengah pedagang yang mengatakan "aku nak singgah di Kuala Sungai Mentangau". Kepelatan sebutan ini akhirnya berkembang menjadi Kuala Selangau dan seterusnya menjadi Kuala Selangor. Pendapat lain pula menyatakan nama Selangor berasal daripada perkataan 'selang' dan 'jemur'. Dikatakan Kuala Selangor menjadi tempat penyeksaan para penderhaka dengan cara disalang dan dijemur sehingga mati. Dua perkataan itu akhirnya dicantum menjadi 'Salangur'.

Dalam buku sejarah tempatan yang ditulis oleh orang Portugis, Belanda dan Inggeris dalam tulisan Latin, nama Selangor telah ditulis sebagai Salangur, Salengor, Solongor, Sorlangar, Sara Hongar (Barbosa, 1516), Chalangor, Charanguror dan Challongor (New Bold, 1839). Menurut Bold, nama Selangor turut tercatat dalam peta yang telah dipamerkan di British Museum, London.



Makam Diraja, Bukit Malawati



Muzium Sejarah

Penempatan awal Kuala Selangor

Penduduk Kuala Selangor terawal terdiri daripada Orang Laut yang hidup sebagai nelayan dan petani yang mendiami kawasan sepanjang tebing Sungai Selangor. Ketua mereka dikatakan adalah seorang wanita berketurunan Bugis yang bernama Opu Cendera Burung yang mempunyai sifat kasih, penyayang dan pandai mengambil hati anak buahnya sehingga dikatakan berjaya menarik perhatian orang Kuala Selangor untuk bersumpah dan berazam hanya bertuankan orang Bugis sahaja.

Sebagaimana Sejarah Melayu, Naskhah Raffles turut menyebut tentang penempatan Kuala Selangor semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah di Bentan pada tahun 1513. Tun Mahmud (Seri Agar Diraja) telah ditabalkan menjadi raja di Selangor. Pekan Jeram yang terletak dalam daerah Kuala Selangor disebut dalam Sejarah Melayu sebagai antara tempat tertua di Selangor. Menurut catatan tersebut, dikatakan Sultan Mansur Shah yang memerintah dari tahun 1459 hingga 1477 telah menabal puteranya iaitu Paduka Seri Cina di Jeram yang pada ketika itu merupakan sebuah pelabuhan. Satu lagi tempat tertua di Selangor yang menjadi jajahan Melaka ketika itu ialah Permatang. Namun apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, kekuasaannya terhadap Permatang telah diwarisi kerajaan Johor.



Busut Malawati



Batu Hampar (Pancung Pesalah)

Kuala Selangor sebagai pusat perdagangan pada abad ke-18

Pada tahun 1761, dilaporkan terdapat empat (4) buah kapal pedagang British iaitu kapal Bredenburg seberat 70 tan telah tiba dari Selangor pada 12 Januari 1761 dan kembali semula ke Selangor selepas singgah di Melaka (catatan Muka Buku Jejak Warisan Kuala Selangor). Ini diikuti pula oleh kapal Junk Selang yang diketuai oleh Kapten James Scott dan kapal Tjettigang seberat 100 tan yang diketuai oleh Thomes Sween. Kedua-dua kapal ini dikatakan dalam perjalanan ke Benggala dari Selangor. Pada tahun 1766, Syarikat Pedagangan Madras telah menghantar kapalnya yang pertama iaitu kapal Indian Trander berlayar ke Kuala Selangor dan Acheh bagi memasarkan muatan kain dan membeli bijih timah. Kuala Selangor merupakan pelabuhan yang penting untuk dikunjungi kerana ia merupakan pusat pengumpulan bijih timah pada ketika itu.

Rekod British menunjukkan Sultan Salehuddin dan Sultan Ibrahim mempunyai hubungan yang akrab dengan para pedagang persendirian British. Dua (2) tokoh pedagang British yang memainkan peranan penting dalam meluaskan polisi ekonomi British ke Selangor ialah Kapten Francis Light dan Kapten James Scott. Pada 26 Ogos 1775, Kapal The Bloome seberat 70 tan diketuai oleh nakhoda Francis Light telah tiba di Melaka dari Kuala Selangor dan dalam perjalanannya ke Madras. Pada 25 Disember 1775, Kapal Prince seberat 500 tan diketuai oleh nakhoda James Scott tiba di Kuala Selangor. James Scott seterusnya banyak menghabiskan masa di Kuala Selangor dan dilaporkan telah membina sebuah rumah di Kuala Selangor pada tahun 1780-an.

Sebelum meletusnya peperangan Selangor - Belanda (1784), pedagang-pedagang British dilaporkan mempunyai hubungan yang baik dengan pemerintah Selangor. Mereka berhasrat supaya Kuala Selangor kekal sebagai sebuah pelabuhan penting bagi kapal-kapal British di samping pelabuhan di Acheh, Ujung Selang, Kedah dan Riau. Hubungan erat yang wujud sejak tahun 1772 semasa rombongan Edward Monoekton berunding untuk mendapatkan sebuah pangkalan laut bagi British di Kedah. Sultan Kedah yang ingin membalas dendam terhadap Selangor yang menyerang Kota Alor Setar sebelum ini, telah meletakkan syarat utama supaya British membantu mereka. Monoekton bersetuju dengan permintaan Kedah untuk menghantar kapal perang British bagi tujuan pertahanan ketika serangan ke atas Selangor. Namun pihak British yang berpangkalan di Madras menghantar arahan kepada dutanya agar menolak perjanjian tersebut. Sungguhpun Madras berusaha mendirikan sebuah pangkalan di Kedah tetapi mereka tidak mahu hubungan baik mereka dengan Selangor terjejas.

Namun begitu, pihak Belanda mengikuti perkembangan hubungan Selangor–British ini. Mereka menyedari kedatangan kapal-kapal British telah menyebabkan Kuala Selangor menjadi pelabuhan penting bagi pengumpulan dan penjualan bijih timah dari Perak dan Rembau. Keadaan ini telah memberi kesan kepada kedudukan Belanda. Pada bulan Mac 1775, pihak Belanda di Melaka menerima laporan daripada J.A. Hensel, pemerintah tentera Belanda di Perak, mengatakan bahawa Sultan Salehuddin menjangkakan Kedah dan Siak akan melancarkan satu serangan ke atas Selangor. Baginda telah memohon bantuan Madras. Laporan dari Perak juga menyatakan Sultan Selangor bukan sahaja menawarkan untuk membekalkan bijih timah di Kuala Selangor kepada pihak British malah bersetuju membenarkan British di Madras menubuhkan pangkalannya di Selangor.

Keadaan menjadi semakin tegang apabila meletusnya peperangan di antara Belanda dan British pada tahun 1780. Hubungan di antara Belanda dengan Melaka dan Riau menjadi semakin buruk sebaik sahaja Bugis berkuasa kembali di bawah pemerintahan Raja Haji iaitu ayah saudara Sultan Ibrahim. Pada awal tahun 1784, James Scott ditahan oleh Belanda kerana kesalahan membekalkan senjata kepada Selangor dan telah dianggap sebagai musuh. Maka peperangan Selangor dan Belanda telah meletus antara tahun 1784-1785 yang melemahkan kuasa Bugis di kawasan ini. Kesan ke atas Selangor tidak timbul serta-merta kerana Sultan Ibrahim selepas itu telah berkuasa kembali.

Kekalahan orang Bugis di Riau dan Kuala Selangor pada tahun 1784 menyebabkan British menandatangani satu perjanjian dengan Sultan Kedah pada bulan Ogos 1786. Sejak itu, Riau tidak dapat lagi menggiatkan perdagangannya sementara Kuala Selangor berada di bawah pengaruh Belanda. Ini menyebabkan British memerlukan tapak lain di Selat Melaka sebagai pangkalan di pusat perdagangannya. Menerusi Perjanjian 1786, British menumpukan perhatian ke atas Pulau Pinang dan menyebabkan minat mereka terhadap Selangor kian pudar.

Sejarah Peperangan di Kuala Selangor

Nama Bukit Malawati diambil bersempena sebuah busut yang terdapat di atas bukit tersebut yang dikatakan dibina semasa zaman Sultan Ibrahim bagi tujuan berehat sambil memerhati orang menyabung ayam. Bukit Malawati pernah dijadikan pusat pentadbiran kerajaan negeri Selangor sehingga tahun 1857 sebelum berpindah ke Jugra dan seterusnya ke Klang, Kuala Lumpur dan juga Shah Alam. Selain menjadi kota pentadbiran dan tempat sultan bersemayam, ia turut menjadi kubu pertahanan. Bukit ini penting dalam rekod sejarah kerana telah beberapa kali menjadi medan pertempuran yang melibatkan pihak Belanda dan Inggeris.

Bukit ini pernah ditawan Belanda daripada tangan Sultan Ibrahim pada Julai 1784 dan setahun kemudian (28 Januari 1785), Sultan Ibrahim bersama-sama adiknya Raja Nala, Dato' Penggawa Permatang Mahabijaya dan Bendahara Abdul Majid dari Pahang telah merampas kembali bukit ini dalam tempoh satu malam sahaja. Bukit Malawati yang senang dilolosi oleh Sultan Ibrahim dan tiada penekanan tahap keselamatan yang tinggi oleh pihak Belanda memudahkan lagi proses penawanan tersebut.

Akhirnya Negeri Selangor telah jatuh ke tangan Belanda pada 2 Ogos 1785 dengan tertawannya kota di Kuala Selangor Peristiwa penawanan Kuala Selangor berpunca daripada sakit hati kerajaan Belanda terhadap Sultan Ibrahim iaitu sultan Selangor kedua (1782-1826) yang sentiasa menentang Belanda di Melaka. Penentangan ini bagi membantu Kerajaan Johor-Riau mengembalikan takhtanya di Negeri Melaka.

Sebelum ini, dasar berbaik-baik dengan Belanda telah dijalankan tetapi keadaan ini berubah apabila jawatan Yamtuan Muda dipegang oleh Raja Haji yang menggantikan Opu Daeng Kemboja. Semasa pemerintahan Belanda, kota di Kuala Selangor telah diperbaiki dan diperkukuh untuk menahan serangan dari Sultan Ibrahim. Nama kota ini juga telah diubah kepada Kota Altingsburg bersempena nama Gabenor Jeneral Belanda, Gabenor Alting.

Bukit Tanjung Keramat juga pernah dikenali sebagai Bukit Belanda kerana pernah dijadikan kubu pertahanan Belanda yang pertama di zaman taklukannya. Masyarakat Belanda mengenalinya sebagai 'Kota Utrecth' iaitu sempena nama kapal perang Belanda yang berjaya mengalahkan Raja Haji di Teluk Ketapang. Bukit ini terletak bersebelahan dan lebih rendah daripada Bukit Malawati.

Pada tahun 1873, Tengku Kudin berjaya menawan Kuala Selangor setelah menewaskan Raja Mahdi yang berselindung di Bukit Tanjung Keramat. Dasar Tengku Kudin yang terbuka bersahabat dengan Inggeris antara tahun 1867 - 1874 memudahkan lagi pihaknya menawan Kuala Selangor. Kesannya pihak Inggeris mula mencampuri urusan pentadbiran di Selangor kerana balasan bagi membantu membedil Kota Kuala Selangor dan Bukit Tanjung Keramat mengunakan Kapal Perang Rinaldo.

Penglibatan Sultan Ibrahim membantu Raja Haji, bapa saudaranya menyerang Melaka telah menyebabkan Belanda dan Raja Muhammad Ali menyerang Kuala Selangor pada 13 Julai 1784. Kegagalan tentera Kuala Selangor mempertahankan kedudukannya menyebabkan Sultan Ibrahim, Raja Nala dan Syed Japhar iaitu ketua orang Selangor berundur ke Bukit Raja di Permatang yang terletak di seberang Sungai Selangor. Bukit Raja merupakan perkampungan keluarga Diraja Selangor ketika itu.

Pada bulan Julai 1785, pasukan Belanda di Melaka telah menghantar satu angkatan perang sebagai serangan balas. Mereka telah mengepung Kuala Selangor hampir setahun lamanya. Kesannya, rakyat Kuala Selangor menderita. Barang-barang menjadi mahal kerana angkatan Belanda menahan barang-barang yang keluar masuk dari sungai tersebut. Akhirnya, Sultan Ibrahim bersetuju mengadakan satu perjanjian damai dengan pihak Belanda. Antara syarat perjanjian adalah Selangor dikehendaki menjual biji timah kepada Belanda. Sultan Ibrahim juga mengiktiraf Syarikat Hindi Timur Tengah (Verenigde Oostindischa Compagnie atau VOC dalam bahasa Belanda) dalam perjanjian ini kerana ia mengukuhkan kedudukan Sultan Ibrahim sebagai pemimpin di Kuala Selangor khususnya di Bukit Malawati. Adindanya Raja Nala iaitu Raja Muda telah bersemayam di Kota Bukit Tanjung Keramat.

Dari sana, Sultan Ibrahim mudik ke Hulu Selangor dan kemudian berundur ke Sabak Bernam lalu ke Pahang untuk meminta bantuan. Pada pertengahan tahun 1785, Sultan Ibrahim dengan bantuan seramai 2,000 orang telah membina markas di Bukit Raja, Permatang. Satu serangan besar-besaran telah dilancarkan ke Bukit Malawati dan Bukit Tanjung Keramat yang menyebabkan kedua-dua kota ini ditawan kembali pada 25 Jun 1789. Peperangan tersebut berlaku semalaman sahaja sehingga menyebabkan pasukan Belanda terpaksa berundur meninggalkan Kuala Selangor sebelum sempat membuat serangan balas. Segala perancangan perang telah direncanakan dari Bukit Raja Kampung Permatang akhirnya membuahkan hasil. Pada 27 Jun 1785, Sultan Ibrahim telah berjaya merampas kembali negeri Selangor daripada taklukan Belanda. Sultan Ibrahim dan para pengikutnya sering kali merampas bekalan makanan tentera Belanda dan ini membuatkan semangat mereka menjadi lemah. Kesempatan ini diambil oleh Sultan Ibrahim dengan bantuan pahlawan-pahlawan Bendahara Abdul Majid dari Pahang dan Raja Haji (bapa saudara) yang memerintah Johor Riau dengan mudah menewaskan bala tentera Belanda di Kuala Selangor.



Meriam Penggawa di Makan Diraja Kuala Selangor

Bukit Raja boleh dicatatkan sebagai salah satu bukti sejarah penting semasa era kegemilangan Kerajaan Melayu Selangor sekitar tahun 1784. Bukit ini dijadikan sebagai perkampungan keluarga Diraja. Bukit ini kemudiannya dinamakan sebagai Bukit Raja oleh penduduk tempatan. Bukit Raja merupakan kubu Raja Muda Musa Ibni Almarhum Sultan Abdul Samad ketika Perang Saudara di antara Selangor dengan Pahang. Di sekeliling bukit hingga ke puncaknya terdapat longgokan batu-batu pejal yang jelas menunjukkan bukit tersebut pernah dijadikan kota pertahanan suatu ketika dahulu.



Meriam Belanda

Di atas bukit ini juga terdapatnya makam lama. Antaranya Almarhum Al-Sultan Raja Haji Ibrahim ibnu Almarhum Sultan Malik Din dan beberapa buah makam lain termasuklah pusara Datuk Syahbandar Haji Ali Aqbar iaitu salah seorang Shahbandar yang dilantik oleh sultan, pusara Datuk Perang Sagaf dan Panglima Perang Selangor yang handal. Selain itu, terdapat juga pusara Datuk Maharaja Lela Hussen, Keramat Engku Haji dan beberapa makam lain.



Perigi Beracun

Menurut catatan sejarah lama ada dijelaskan bahawa terdapat masyarakat Bugis dari Sulawesi yang telah lama tinggal di Negeri Selangor iaitu sejak kurun ke-17 lagi. Bukti ini sangat jelas apabila adinda Sultan Kedah telah meminta bantuan daripada orang Bugis di Selangor sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 1681 dan 1682. Ketika itu, Selangor masih lagi di bawah naungan Melaka yang berpusat di Johor dan Melaka sendiri berada di bawah naungan Belanda.

Pada awal kurun ke-18, setelah Raja Kecil Siak memerintah Kerajaan Johor (1718-1722), Negeri Selangor tidak lagi di bawah kuasa Johor. Seorang Ketua Bugis telah menjadi ketua pemerintah di Selangor dan digelar 'Yamtuan Selangor' dan dipercayai bahawa Selangor telah menjadi pusat kekuatan orang-orang Bugis di Nusantara Barat. Pendudukan Bugis di Selangor lebih kuat selepas tahun 1722 apabila anak Raja Bugis lima bersaudara iaitu Opu Daeng Parani, Opu Daeng Menanbun, Opu Daeng Merewah, Opu Daeng Chelak dan Opu Daeng Kemasi dapat mengalahkan Raja Siak dan mengembalikan kuasa Johor kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Kemuncak perjuangan orang Bugis di Selangor telah dicapai pada tahun 1743 apabila Raja Lumu, Putera

Opu Daeng Chelak, Yamtuan Muda Johor II (yang berkahwin dengan ahli keluarga ketua Bugis di Selangor) telah menjadi Raja Selangor (Kuala Selangor).

Perang saudara di Kuala Selangor telah melibatkan Sultan Abdul Samad, Raja Abdullah di Kuala Lumpur, Raja Sulaiman pemerintah Kelang, Tengku Kudin dan juga Raja Mahadi. Sengketa ini berlaku disebabkan masalah penggantian sultan, pemecatan ketua pemerintah Kelang iaitu Raja Sulaiman dan tersisihnya Raja Mahadi daripada mewarisi Kelang daripada tangan ayahandanya. Keadaan semakin meruncing apabila Sultan Abdul Samad memutuskan pertunangan puterinya, Tengku Arfah dengan Raja Mahadi dan kemudiannya dinikahkan dengan Tengku Kudin sehingga menyebabkan Raja Mahadi terus memperhebatkan serangannya.

Kekusutan semakin bertambah apabila timbulnya perselisihan faham kongsi gelap Cina antara puak Hai San dengan Ghee Hin. Masing-masing berebutkan lombong biji timah di Lukut, Kancing, Kuala Lumpur dan juga Gombak. Suatu cadangan perdamaian telah diajukan oleh Tengku Kudin kepada Raja Mahadi. Malangnya cadangan ini ditolak sehingga menyebabkan kota Raja Mahadi diserang dan beliau melarikan diri ke Sungai Buluh kira-kira sembilan batu ke selatan Kuala Selangor.

Kesimpulannya, Bukit Malawati merupakan salah satu destinasi bersejarah yang perlu disenaraikan dalam lawatan ke Negeri Selangor mahupun di Malaysia. Pelbagai catatan sejarah dan peperangan terdahulu boleh dilihat di kawasan berkenaan dan dikatakan Bukit Malawati turut menjadi pusat perdagangan yang terkenal kerana mengadap Selat Melaka. Selain Bukit Malawati, terdapat juga beberapa bukit yang menjadi kubu pertahanan utama di Kuala Selangor.

Oleh hal yang demikian, Kuala Selangor perlu diangkat menjadi pembangunan pelancongan kerana memiliki pelbagai kesan peninggalan sejarah. Bukan itu sahaja, dengan pelbagai kemudahan awam yang disediakan dapat menarik lebih ramai lagi pelancong untuk datang ke destinasi ini. Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor dan Kerajaan negeri Selangor khususnya perlu menitikberatkan keselamatan dan kemudahan-kemudahan yang boleh menarik orang amai untuk terus berkunjung ke Kuala Selangor. Pemuliharaan terhadap monumen-monumen dan artifak sejarah perlu diteruskan agar ia dapat dikekalkan supaya menjadi bukti sejarah untuk pengkaji mahupun generasi akan datang.



Rumah Api Kuala Selangor



Tangga Seratus Bukit Malawati

MEMUKAT HARAPAN MENJARING IMPIAN

Dedikasi untuk warga kampungku
Kg Seberang Kota, Kuala Kedah

Nukilan:
Mohd Rizal Ismail
JKKN Johor

Dalam dingin Sungai Kuala
Kau susuri tepian kota
Teluk Bahang
Menuju ke muara Alor Melaka
Dengan sejala harapan
Memukat seribu impian
Demi menyambung sebuah kehidupan
Yang pasti bernisan.

Kau ponggah barisan baneh baneh pukat
Terhampar indah di buih lautan
Menjelmalah wahai ikan-ikan
Peluh harapmu tak putus rezeki tuhan
Jampi indah sentiasa berterusan
Mentera madah demi kelangsungan hidup
Anak isteri di daratan.

Senyuman terukir lebar
Bila kajaq kaki kajaq pelampung
Memberat dengan penghuni lautan
Sabar, tabah dan cekal kau tanamkan
Memugar kembung dan udang
Pari dan sembilang
Kepah dan kerang
Biar bergelut gelora gelombang
Kau gigih tega berjuang.

Nun jauh di pelantar tua
Menggunung harapan sandar di tangga
Agar rezeki yang kau bawa
Mampu menyambung nafas bersisa
Legasi warisan bangsa
Anak-anak yang masih panjang
Masa depannya.

Beratap langit berbumbungkan angkasa
Berlantai ombak laut tiada penghujungnya
Kau meredah membawa senyum
Merekah di muka.

Hari ini hayatmu masih bersambung
Hari ini kelopak bunga masih menguntum
Esok lusa tidak menjanjikan apa apa
Cuma sebuah harapan
Dapurmu akan terus berasap
Anak-anakmu terus akan disuap
Tidak pernah berhenti mengharap.



TUDUNG KERINGKAM

Tudung Keringkam bermotif Renda Bergunting Sisi 3, Bunga Kenanga, Gunung dan Tabor Rantei.

Ditulis oleh:
Ramlan Ramli
Bah. Pembangunan Produksi dan Artistik

Bahan Rujukan:
Amirul Shazlie Yusuf
Penyulam Tudung Keringkam Sarawak (Generasi Baharu)

Keringkam merujuk kepada benang logam bermutu tipis melayang yang bersadur emas atau perak yang digunakan untuk menghasilkan motif sulaman pada sehelai kain. Tudung Keringkam merupakan sehelai kain penutup kepala kaum wanita yang berupa selayah ataupun selendang yang dipakai oleh wanita Melayu di Sarawak. Ianya menjadi pelengkap busana adat masyarakat Melayu di Sarawak yang sering digayakan ketika menghadiri majlis-majlis khas dan upacara adat penting seperti majlis perkahwinan dan juga perayaan besar yang lain. Pada zaman dahulu, tudung warisan ini kebanyakan dipakai oleh golongan Perabangan atau aristokrat sahaja kerana nilainya yang tinggi menyebabkan hanya golongan tertentu dan berkemampuan sahaja yang mampu memilikinya. Namun kini keadaan tersebut telah berubah dan sesiapa sahaja boleh memiliki dan menggayakannya. Masyarakat Melayu Sarawak terkenal dengan kesenian tangan dan sangat berbangga dengan seni sulaman ini pada selayah atau selendang yang menjadi antara warisan penting dalam busana tradisi untuk terus dipelihara agar keunikannya dapat dikekalkan.

Tudung Keringkam dihasilkan dengan menyulam benang Keringkam Emas atau Perak dengan teknik tikam tembus ke atas permukaan kain kemudian melapis ke bawah dan jaluran benang Keringkam ditindan kembali ke atas berulang-ulang. Motifnya tidak dilukis sama sekali dan hanya berdasarkan kiraan urat benang kain dan tali air sehingga membentuk motif bunga yang diperlukan. Inilah ciri khas dan keistimewaan sulaman Keringkam Sarawak dengan sulaman di tempat lain. Tudung Keringkam biasanya disulam menggunakan motif bunga-bungaan dan tumbuh-tumbuhan seperti Bunga Tanjung, Bunga Ros, Bunga Kenanga, Bunga Tampuk Manggis, Tampuk Pedada (Buah Berembang) dan Gunung (Pucuk Rebung) pada kain Kasarubia bermutu tinggi, Kain Bawal atau Kain *Georgette*. Tudung Keringkam dibezakan dengan pendek dan panjang saiznya. Yang bersaiz pendek digelar Selayah Keringkam manakala yang bersaiz panjang dikenali sebagai Selendang Keringkam. Tudung Keringkam tradisional adalah berbentuk selayah berukuran 95 cm x 55 cm manakala selendang pula 150 ke 180 cm x 55 cm. Reka bentuk dan sulamannya yang halus menonjolkan hasil seni dengan memaparkan kemewahan dan status si pemakai. Ia menjadi lambang kepada keindahan busana adat wanita Melayu Sarawak yang mempunyai nilai sentimental pemiliknya. Hampir setiap keluarga Melayu di Sarawak ada menyimpan Tudung Keringkam sebagai salah satu warisan bernilai keluarga, yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Tudung Keringkam juga sering dikenakan oleh golongan wanita bangsawan ketika berada di majlis-majlis rasmi bersama Kain Berunei (Kain Songket Melayu Sarawak) sejak pertengahan tahun 1800 lagi.

Tradisi menyulam Tudung Keringkam kini semakin ditelan zaman disebabkan generasi yang lebih tua dan pakar dalam pembuatan kini kian sedikit bilangannya. Memang agak sukar untuk mendapatkannya di pasaran terbuka kerana proses penyulaman ini memakan masa yang cukup lama dan kebiasaannya tempahan dibuat terus pada individu-individu yang sememangnya mengusahakannya secara kecil-kecilan di rumah.

Peranan Tudung Keringkam bukan sekadar pelengkap busana semata-mata, malah lebih daripada itu. Ianya dilihat sebagai simbolik penting dalam adat istiadat Melayu Sarawak. Paling ketara ialah dalam perkahwinan, apabila dalam salah satu adat ada yang dipanggil 'Tikar Nyunsong Pengantin' iaitu merujuk kepada adat menghantar tikar mengkuang ke rumah pengantin lelaki sebelum upacara persandingan. Ia bukanlah tikar mengkuang biasa, sebaliknya tikar tersebut dibalut dengan selayah atau Selendang Keringkam milik keluarga pengantin perempuan dan dihantar ke rumah pengantin lelaki oleh keluarga pihak pengantin perempuan. Penghantaran barang-barang tersebut menandakan bahawa pihak pengantin perempuan sudah bersedia menerima kedatangan rombongan pengantin lelaki. Ia juga melambangkan kepercayaan, ketulusan hati dan keikhlasan pengantin perempuan menerima pengantin lelaki sebagai teman hidup. Kini, seiring peredaran waktu Tudung Keringkam sudah mampu dimiliki golongan biasa seiring meningkatnya sosio ekonomi masyarakat. Ia dilihat sebagai benda yang wajib ada dalam setiap keluarga Melayu Sarawak sehinggakan ada yang menjadikan tudung ini sebagai harta pusaka untuk diwariskan daripada satu generasi ke generasi seterusnya.

Cabaran bagi setiap 'khazanah' yang perlu dipertahankan pastinya berkait dengan penyulam keringkam itu sendiri yang diancam kepupusan apabila generasi muda hari ini tidak berminat untuk mewarisi kemahiran generasi terdahulu dek kerana prosesnya yang rumit dan renyah sangat memerlukan ketekunan, kesabaran dan fokus yang tinggi menyebabkan kerjaya sebagai penyulam serta pewaris budaya itu kurang diminati golongan muda. Pengusaha Keringkam di Sarawak dianggarkan lebih kurang dalam berpuluh orang sahaja yang masih aktif dan meneruskan khazanah lama ini. Namun rata-rata mereka adalah pengusaha kecil-kecilan kerana permintaan tudung Keringkam adalah terhad, dek kerana pembikinan tudung ini yang rumit dan bahan mentah yang mahal menjadikan ia hanya diminati sebilangan individu sahaja. Jumlah golongan muda yang mahu mempelajari seni ini daripada orang tua mereka boleh dihitung.

Dahulu rata-rata penyulam berasal dari kampung persisiran sungai Sarawak iaitu Kampung Tanjong, Kampung Sinjan, Kampung Lintang dan Kampung Sungai Bedil dalam daerah Kuching. Setiap kampung mempunyai identiti masing-masing dalam menyulam Tudung Keringkam.



Amirul Shazlie bin Yusuf

Menyentuh kepada nilai pasaran pula, disebabkan pembuatannya rumit selain benang Keringkam yang semakin mahal membuatkan harganya melonjak tinggi.

Penggunaan terakhir Tudung Keringkam dalam masyarakat Melayu Sarawak membawa kepiluan tatkala berlakunya kematian wanita pemiliknya. Ia akan dibentangkan di atas kepala keranda kemudian baharulah berangkat ke tanah perkuburan. Setelah dikebumikan tudung tersebut diserahkan kepada waris seterusnya sebagai warisan dan tanda kenangan zaman berzaman.

Dahulunya, wanita Melayu Sarawak dan Brunei memakai Selayah Keringkam atau selendang semasa acara tertentu sahaja, namun kini penggunaannya diperluaskan pemakaiannya di dalam acara rasmi kerajaan dan boleh digunakan pada bila-bila masa yang sesuai .






Antara corak-corak yang telah dihasilkan oleh En. Amirul Shazlie bin Yusuf. Setiap corak yang dihasilkan mengikut kreativiti penyulam yang diadaptasi daripada persekitaran tempat tinggal penyulam menghasilkan keindahan serta kemewahan pada Tudung Keringkam



En. Amirul Shazlie bin Yusuf menyulam Motif Renda Tampok Manggis. Generasi Baharu yang mengusahakan perniagaan Tudung Keringkam.



PEMERKASAAN USAHAWAN SENI MELALUI LAMAN SESAWANG USAHAWAN SENI BUDAYA MALAYSIA



Ditulis oleh:
Geehan Kadir
Setiausaha Persatuan Usahawan Seni Budaya Malaysia (PUSM)

Diselaras oleh:
Norazlin Nordin

Selain berperanan sebagai Peneraju Seni Budaya yang diiktiraf kerajaan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) antara jabatan/agensi yang turut memberi fokus kepada pemerkasaan usahawan seni budaya, penggiat seni, persatuan serta NGO di seluruh Malaysia terutama dalam penjanaan ekonomi.

Pelbagai usaha dan program telah diadakan bagi membantu para usahawan seni budaya untuk terus maju dalam perniagaan masing-masing. Terkini, JKKN melalui kolaboratif bersama Persatuan Usahawan Seni Budaya Malaysia (PUSM) mengambil inisiatif membangunkan laman sesawang (website) khas untuk Usahawan Seni Budaya Malaysia. Laman sesawang ini memberi impak positif dan pelbagai manfaat bakal diraih oleh setiap usahawan yang berdaftar terutama dalam menjana pendapatan dengan melakukan silang niaga perniagaan sesama usahawan seni di dalam PUSM.

Penubuhan laman sesawang ini juga adalah sebahagian daripada usaha JKKN ke arah transformasi digital seiring dengan perkembangan semasa terutama dalam mendepani isu Pandemik COVID-19 yang melanda dunia.

Apa itu PUSM. Siapa Patut sertai PUSM? Mengapa Perlu sertai PUSM? Apa yang istimewanya PUSM daripada Persatuan yang lain?

Artikel ini akan mengupas strategi penubuhan Persatuan Usahawan Seni Budaya Malaysia (PUSM) sebagai Peneraju Usahawan Seni Budaya Malaysia yang berperanan sebagai pemudahcara, menjana peluang perniagaan, memperkasa minda dan ilmu perniagaan, mewujudkan usahawan seni budaya serta mendidik masyarakat untuk cintakan seni budaya adalah misi yang mengukuhkan penubuhan PUSM.

Membina Perniagaan Melalui Kolaboratif

PUSM bukan persatuan biasa. Penubuhannya adalah berdasarkan ekosistem untuk industri seni dan budaya yang merangkumi

- **Jaringan Kerjasama Strategik**
- **Kolaboratif**
- **Idea**
- **Peluang**
- **Sokongan**
- **Silang Niaga**
- **Pengalaman**
- **Pendidikan**

Sebagai permulaan, sembilan (9) kategori Seni & Budaya dan enam (6) kategori rantaian bekalan diwujudkan menjadi nadi utama penggerak PUSM. Manakala bidang/kategori yang dikenalpasti mempunyai ciri seni dan budaya akan ditambah dan disenaraikan dari semasa ke semasa.

Bagaimana PUSM dapat membantu Usahawan Seni?

Sebagai usahawan seni, kesibukan merupakan salah satu kekangan yang menjadi penghalang untuk usahawan melebarkan rangkaian perniagaan mereka. Di sini PUSM menyediakan satu sistem berstruktur berdasarkan rujukan untuk pertumbuhan perniagaan yang diusahakan. Dengan melayari **www.pusm.my** usahawan seni akan diberi panduan tentang bagaimana sesuatu proses perniagaan bermula dan bagaimana perkembangan perniagaan boleh berlaku. Melalui laman sesawang ini juga usahawan seni dapat mempelajari pelbagai teknik keusahawanan dan menjadi tempat rujukan sekiranya ada dalam kalangan mereka yang ingin mendapatkan item produk seni dan rantaian bekalan yang berkaitan seni budaya.

Kesitimewaan Keahlian

Ketika melayari laman sesawang PUSM dan melihat kepelbagaian teknik serta platform yang ada akan membuatkan anda berfikir sejauh mana kemampuan perniagaan seni anda mampu bertahan? Tanpa sokongan sesama rakan usahawan seni, perniagaan anda mungkin tidak akan berkembang. PUSM turut menyediakan laluan kepada rangkaian perniagaan seperti KEDAI SENI. Platform ini membantu usahawan seni untuk mempromosi produk-produk seni dan menjadi rantaian bekalan kepada pelanggan tempatan mahupun di peringkat antarabangsa. Penubuhan AKADEMI SENI secara dalam talian pula sangat mengujakan, kerana telah memberi peluang kepada usahawan seni menjadi ikon kepada para pelajar IPTA untuk menambah ilmu serta menjana pendapatan melalui kelas-kelas dalam talian *(online)* yang dianjurkan.


Direktori Rakan Niaga

Rujukan perniagaan melalui *members database listing* turut menjadi elemen utama seiring dengan Transformasi Digital dalam laman sesawang PUSM. Selain itu, melalui sistem ini ahli dapat melihat rangkaian perniagaan sesama ahli. Direktori perniagaan usahawan seni sangat memudahkan carian ahli untuk kolaboratif perniagaan bersama.

Keperluan Silang Niaga

Usahawan seni semestinya tidak mahu menjalankan perniagaan seorang diri. Antara alasan yang selalu bermain di fikiran adalah kaedah ini lambat untuk berjaya selain tidak tahu ke mana arah tuju produk yang ingin dijual atau kurang pengetahuan berkaitan hal ehwal promosi. Melalui PUSM jaringan silang niaga amat terbentang luas dengan penyediaan plan rangkaian perniagaan, strategi promosi serta peluang dana dan skim pembiayaan terbuka kepada ahli yang memerlukan. Setiap ahli cuma perlu mengetahui trend terkini dan memulakan langkah dengan penjejakan dan analisis peniagaan sepertimana yang diimpikan.

PUSM sendiri telah merekodkan jumlah transaksi perniagaan yang amat memberangsangkan meskipun berhadapan dengan pasca Pandemik COVID-19. Sebanyak RM182,225.00 transaksi perniagaan pada tahun 2020 meskipun keahlian hanya seramai 70 orang. Pasti para pembaca tertanya-tanya bagaimana keadaan ini boleh berlaku? Ahli kurang tetapi profit yang dijana amat membanggakan. Kedengaran tidak logik, namun tiada apa yang mustahil jika anda mampu untuk mengubah cara dan teknik strategi perniagaan anda bersama PUSM.



Rakan Strategik PUSM

Melalui PUSM usahawan boleh mencari rakan strategik untuk mengembangkan perniagaan. Terdapat banyak peluang yang disediakan untuk direbut dan dinikmati. Pelaksanaan menerusi silang niaga serta kolaboratif antaranya sidang ilmu, pemantapan perniagaan, webinar, sesi libat urus dalam kalangan rakan-rakan strategik PUSM bersama ahli-ahli PUSM. Justeru, penyertaan usahawan seni menjadi ahli PUSM amatlah wajar dalam menyatukan kepelbagaian aktiviti seni dan budaya dengan perniagaan seni yang menjadi trend golongan penggiat seni ketika ini. Jaringan perniagaan melalui kerjasama pelbagai pihak pula mampu mengangkat golongan penggiat seni menjadi usahawan seni yang berjaya, kompetitif, konsisten dan cemerlang di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Usahawan Seni jom sertai PUSM dan layarilah laman sesawang PUSM di www.pusm.my untuk perniagaan yang lebih maju jaya...

HOW AI IS HELPING PRESERVE AND PROMOTE MALAYSIA'S CULTURAL HERITAGE

Interview With Salehhuddin Md Salleh, Deputy Director General Of Policy And Planning at The National Department for Culture And Arts, Malaysia.

Written by:
Amanda Oon
Courtesy of GovInsider





Museums with no visitors. Live music with no audience. The pandemic threw cultural arts into a grim new reality. Yet it also fuelled innovation and created new platforms for performance.

Salehhuddin Md Salleh, Deputy Director General of Policy and Planning at the National Department for Culture and Arts, Ministry of Tourism, Arts and Culture, Malaysia (JKKN) tells GovInsider how AI is protecting the past. He also shares how it is promoting future progress and empowering citizens to collectively contribute to humanity.

Pandemics and new platforms

Amid travel and tourism shutdowns, JKKN is planning to launch its National Culture Policy (DAKEN) this August. While details are still to be revealed, it will focus on promoting Malaysia's multiculturalism.

The programme is geared towards "realising a high-cultured society towards the development of the nation", said Salehhuddin. It aims to spur the nation's socio-economic development through innovation.

The department has also updated its website and has produced its own TV broadcast using the digital communication technology facilities. TV will be the main platform to disseminate information and provide updates of activities organised by the department.

Big data and future policy planning

Cultural mapping and big data are also helping to put Malaysia's arts on the global map. One of JKKN's main aspirations is to build a Big Data bank, consolidating all information relating to culture and the arts.

The national cultural map, Salehhuddin explains, will play a critical role in supporting the country's digitalisation journey and ambitions for a "world-class" digital infrastructure.

He also foresees that, with the integration of the intelligent predictive analytics capacities of Big Data, "we will be more effectively guided in decision making".

This includes evaluating the ROI and measurable impact of each project. The team will take in audience feedback to "design our long-term plans for the development of culture and arts of the nation's way forward", he said.

Growing Malaysia's digital economy

Nurturing talent will in turn power economic growth. This will be part of Malaysia's National Policy on Industry 4.0, the Digital Economy Council and the National Digital Infrastructure Plan (JENDELA), Salehhuddin highlights.

These projects, such as the National Technology and Innovation Sandbox, aim to produce digitally skilled local talent by providing opportunities for research, innovation, and entrepreneurship capabilities.

New technologies can also help protect and preserve traditional practices. Virtual and augmented reality video tutorials can pass on traditional practices, while a 360-degree viewing can help learners study craftsmanship up close and from all angles.

Salehhuddin firmly believes that digital innovations will help make a "realistic, immersive and interactive" cultural landscape a (virtual) reality.

Using the past to empower the future

To protect Malaysia's intangible culture, JKKN are looking to future generations to protect their past. Its 2019 apprenticeship programme resulted in the formation of 83 new artists groups and 63 art forms.

Now, the agency is working with the Ministry of Education on an Arts Guidance Programme. This aims to educate both primary and secondary school students on the significance of arts and creativity as future careers, and grow greater appreciation of national heritage.

Even in the face of Covid-19 and cost-cutting, Salehhuddin is adamant that cultural learning should continue. JKKN has plans to develop video content as part of an e-learning syllabus that will boost arts awareness and education in schools.


He also recognises that learning – and cultural appreciation – are a lifelong journey.

"New talent and upskill[ing] or reskill[ing] current talent are needed to nurture and develop a strong talent base for Industry 4.0," he affirms. "This talent is also essential to prevent technology-induced job losses."

Culture, Creativity, Commerciality, and Change

For Salehhuddin, culture is all about forging creative connections. And like dance, music, or theatre, AI has become an important medium to forge these bonds and "reach out to more people irrespective of their geographical locations and culture backgrounds in creative ways".





It can also help governments address a wide range of issues. These include preserving cultural heritage, understanding the disruptions associated with emerging technologies, bringing arts education to the young, and developing public policies that promote creativity and social development.

Supporting artists and making their skills commercially viable is a huge post-pandemic priority for Malaysia.

"AI [will] provide the connectivity between creative minds of the world and identifying ways that culture can raise awareness, build bridges and promote positive change," says Salehhuddin, confidently.

Hyperconnectivity has made all the world a stage. And it is putting Malaysia in the spotlight.

BERSAHABATLAH DENGAN PUSAT SUMBER SENI BUDAYA

Ditulis oleh:
Ria Asmira
JKKN Johor

Jangan dibiarkan sepi, sesepi malam tak berbintang.

Kunjungilah seketika walau sesibuk mana sekalipun ke Pusat Sumber Seni Budaya (PSSB) yang terdapat di seluruh JKKN. Sesungguhnya di dalam PSSB ini terdapat berbagai maklumat yang dapat dicari. PSSB bukanlah sebuah bilik penyimpanan bahan-bahan lama dan bukanlah untuk menghimpun segala khazanah untuk diletakkan di dalamnya. PSSB akan bermanfaat jika sentiasa dikunjungi tidak kira siapa penggunanya, sama ada kakitangan jabatan ataupun penggiat seni. Jika tidak dikunjungi pengguna, PSSB tidak perlu wujud.

Sesungguhnya, Pusat Sumber terdapat di mana-mana premis kerajaan, tidak terkecuali di JKKN setiap negeri. Hanya berkemungkinan saiz ukurannya yang membezakan keluasan untuk meletakkan rak buku atau dokumen dan sebagainya. Peranan PSSB untuk khalayak amatlah besar sebagai tempat bacaan dan rujukan. Pelbagai maklumat boleh didapati di PSSB sama ada bahan ilmiah atau bahan audio visual.

PSSB yang ada di JKKN Johor ini tidaklah sebesar kutubkhanah atau perpustakaan yang boleh menyimpan puluhan ribu buku dan sistem audio visual yang terbaik. Cuma boleh dikatakan juga PSSB ini sebagai perpustakaan kecil *(mini library)* yang dibuka pada waktu pejabat sahaja kepada kakitangan dan juga pengunjung luar (sekiranya ada). Selain peranan PSSB untuk menyimpan dan merekodkan buku atau audio visual, PSSB juga dapat memberi maklumat seni budaya kepada masyarakat terutama penyelidik, pengkaji, penggiat seni, pelancong, pelajar IPTA dan pelajar sekolah.

Kebanyakan bahan yang tersimpan di dalam PSSB JKKN Johor ini adalah terbitan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang khususnya kepada buku dan audio visual seni budaya. Selain itu juga terdapat bahan cetak dari penerbit lain seperti Yayasan Warisan Johor, Persatuan Penulis Johor, Taman Seni Budaya Johor, Majlis Kebudayaan Negeri Johor, Setiausaha Kerajaan Johor dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kebanyakan buku dan bahan audio yang terdapat di PSSB JKKN Johor sehingga kini adalah dari Ibu Pejabat JKKN dan rakaman setiap program JKKN Johor. Selain daripada itu, juga diperolehi secara sumbangan kepada JKKN Johor atau pembelian yang terdahulu oleh JKKN Johor. PSSB adalah satu-satunya tempat yang paling sesuai untuk pengkaji, pencari maklumat, peminat untuk menambah ilmu. Pelbagai jenis bacaan yang terdapat di dalamnya yang boleh merangsang minda untuk berfikir. Terdapat buku-buku dalam pelbagai bidang mengikut pengelasannya iaitu Karya Am (000) hingga Geografi dan Sejarah Am (900). Setiap pengunjung bolehlah membaca apa bidang yang dikehendakinya untuk menambah ilmu dan jadikan amalan membaca ini sebagai satu amalan yang mulia. Bangsa membaca adalah bangsa yang menjaga maruah bangsanya. Bangsa membaca adalah bangsa yang berjaya.

Di dalam PSSB JKKN Johor terdapat buku karya kreatif seperti novel, cerpen, puisi dan skrip drama dan juga non-kreatif seperti karya agama, umum, undang-undang. Sesuai dengan namanya PSSB, sudah tentu buku-buku atau bahan audio visual yang terdapat di sini adalah berkaitan seni dan budaya. Bahan-bahan maklumat mengenai seni budaya ini mungkin sukar didapati di kedai-kedai jualan seperti skrip drama, novel, cerpen atau puisi. Hanya di PSSB JKKN sahaja terdapat bahan yang berkaitan seni budaya. Sesungguhnya, PBSB bukanlah tempat singgahan atau tempat simpanan bahan khazanah yang lama sahaja. PSSB adalah gedung ilmu yang begitu luas untuk dicernakan oleh semua golongan pembaca dengan budayawan atau pentadbir seni. Kunjungilah PSSB walau seketika untuk menajamkan minda kita sebagai pentadbir seni. Tanpa kita apalah ertinya PSSB. Bersahabatlah dengan PBSB yang kita ada.

Terangilah minda kita dengan membaca!



INSENTIF SENI JKKN

"Insentif yang membantu menambah upaya NGO dan penggiat seni dalam melaksanakan program dan aktiviti berkaitan seni budaya."

Ditulis oleh:
Marina Abu Bakar
Bahagian Pengukuhan
Seni & Budaya



Insentif Seni Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) diperkenalkan pada tahun 2019 bagi membantu NGO dan penggiat seni budaya menambah upaya mereka dalam melaksanakan program dan aktiviti berkaitan seni budaya. Insentif ini merupakan penjenamaan semula beberapa bentuk bantuan dan perkhidmatan sedia ada yang terdapat di JKKN.

JKKN memperkenalkan Insentif Seni sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan penghasilan dan pembangunan produk dan kandungan tempatan, penghasilan karya dan produk yang berperuntukan rendah tetapi berimpak tinggi, melahirkan bakat-bakat baru serta meningkatkan kemahiran khususnya dalam bidang seni budaya. Bagi menyokong usaha-usaha tersebut, JKKN memperkenalkan empat (4) jenis insentif iaitu kewangan, ruang, kepakaran dan promosi.

Insentif Seni-Kewangan

Sejak penubuhan JKKN yang asalnya Bahagian Pembangunan Kebudayaan pada tahun 1957, bantuan kewangan merupakan salah satu fungsi dan inisiatif utama jabatan untuk membantu NGO dan penggiat seni budaya. Walau bagaimanapun, fungsi pemberian bantuan kewangan ini telah dipusatkan di Kementerian pada tahun 2007.

Permindahan fungsi tersebut sedikit sebanyak menghadkan keupayaan Jabatan untuk membantu lebih banyak NGO dan penggiat seni budaya. Justeru, pada tahun 2019, JKKN telah memperuntukkan sebanyak RM300,000.00 dengan menggunakan peruntukan di bawah Objek Sebagai (OS) 42000 Dasar Sedia Ada JKKN bagi pelaksanaan Insentif Seni-Kewangan.

Memandangkan keupayaan kewangan jabatan adalah terhad dan bergantung kepada peruntukan tahunan daripada Kementerian, Insentif Seni-Kewangan yang ditawarkan oleh JKKN juga adalah terhad iaitu berjumlah RM500.00 ke RM15,000.00 sahaja dan bersifat modal permulaan (*seed money*). JKKN membantu untuk menampung sebahagian daripada kos program dan aktiviti, manakala sebahagian kos adalah di bawah tanggungan NGO sama ada melalui simpanan persatuan, derma atau tajaan daripada pihak lain.

Insentif Seni-Kewangan ini hanya dibuka kepada Persatuan atau Pertubuhan Seni Budaya yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) mengikut Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 atau berdaftar dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1974 di bawah Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM). Selain itu, yayasan berkaitan seni budaya yang ditubuhkan melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Syarikat 2016 bagi tujuan kebajikan tanpa melibatkan aktiviti keuntungan juga boleh dipertimbangkan untuk permohonan insentif ini.

Sebanyak 105 buah NGO/universiti telah mendapat bantuan melalui insentif ini dengan jumlah bantuan sebanyak RM889,325.00 dari tahun 2019 sehingga Jun 2021. Penerusan bantuan Insentif Seni-Kewangan ini pada tahun 2022 adalah bergantung kepada peruntukan JKKN pada tahun tersebut.

Insentif Seni-Ruang

Insentif Seni-Ruang diperkenalkan bagi menyokong usaha JKKN untuk menjadikan kompleks-kompleks JKKN di 11 buah negeri sebagai Pusat Kecemerlangan Seni Budaya (*Centre of Excellence*) di Malaysia serta dijadikan pusat info seni budaya, pusat pengumpulan penggiat seni serta pusat program aktiviti seni budaya.

Bagi merealisasikan usaha ini, JKKN menjemput NGO seni budaya untuk mengadakan program dan aktiviti di kompleks JKKN yang mempunyai kemudahan auditorium, bilik kuliah, bilik studio/latihan, pentas terbuka, gelanggang gasing, bilik mesyuarat dan kemudahan asas lain. Sekiranya program dan aktiviti NGO adalah selaras dan bersesuaian dengan visi, misi dan peranan JKKN, ruang-ruang tersebut boleh digunakan dengan kadar bayaran yang minimum atau tidak dikenakan bayaran dengan syarat pelaksanaan program adalah secara kerjasama strategik. Melalui Insentif Seni-Ruang, program dan aktiviti NGO akan diketengahkan oleh JKKN sebagai salah satu daripada program JKKN dengan kerjasama NGO dan kos sewaan ruang akan ditanggung oleh JKKN.

Insentif Seni-Kepakaran

Insentif Seni-Kepakaran adalah untuk perkongsian ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi melaksanakan aktiviti seni budaya serta meningkatkan kemahiran kendiri di dalam bidang seni.

Insentif ini berupa khidmat nasihat, tunjuk ajar dan panduan oleh pegawai dan artis budaya JKKN yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang seni budaya kepada penggiat seni dan NGO seni budaya, khususnya untuk bidang seni teater, tari, muzik, teknikal, pengurusan seni dan pengurusan acara.

Insentif Seni-Promosi

Insentif ini berupa bantuan untuk menghebah dan mempromosikan produk/program seni budaya anjuran penggiat seni, NGO, komuniti dan syarikat seni melalui medium digital dan media sosial JKKN.

NGO dan penggiat seni yang tidak mempunyai kemahiran untuk membuat publisiti dan mempromosikan program/aktiviti seni budaya atau ingin meluaskan hebahan sesuatu produk kepada orang ramai, adalah dialu-alukan untuk memohon insentif ini. Pegawai di Unit Komunikasi Korporat JKKN juga turut menyediakan khidmat nasihat dan panduan berkaitan cara dan kaedah untuk mempromosikan program dan aktiviti, melaksanakan sidang media serta temubual di TV & Radio.

NGO atau penggiat seni yang berminat untuk memohon Insentif Seni JKKN boleh menghubungi Urus Setia Insentif Seni JKKN di talian 03-2614 8200 sambungan 8264/8233/8293 atau melayari laman sesawang http://www.jkkn.gov.my/ms/insentif-seni. Permohonan bagi Insentif Seni-Kewangan bagi tahun 2022 adalah tertakluk kepada peruntukan JKKN pada tahun tersebut. Permohonan bagi tiga insentif iaitu ruang, kepakaran dan promosi adalah dibuka sepanjang tahun.

Pendidikan Menerusi Animasi

Ditulis oleh:
Rasfan Abu Bakar
Dekan, Fakulti Animasi & Multimedia
Akademi Seni Budaya dan Warisan
Kebangsaan (ASWARA)



Bercerita adalah salah satu kaedah yang paling penting ketika mengajar kanak-kanak. Semua manusia terutamanya kanak-kanak menggunakan penceritaan sebagai cara komunikasi dan ia juga dianggap sebagai bentuk permainan.

Pendidikan awal kanak-kanak adalah cabang teori pendidikan yang berkaitan dengan pengajaran anak-anak (secara formal dan tidak formal) sejak lahir hingga usia lapan tahun. Pendidikan formal adalah bentuk pembelajaran yang tersusun dan sistematik sementara pendidikan tidak formal adalah untuk pendidikan yang boleh berlaku di luar kurikulum berstruktur. Dalam istilah yang lebih sederhana, pendidikan formal adalah ketika anda belajar di kelas dan pendidikan tidak formal adalah ketika anda belajar sesuatu di luar kelas. Di antara salah satu kaedah dalam memberi pendidikan awal kanak-kanak adalah dengan menggunakan filem animasi. Ini kerana animasi dianggap sebagai medium bercerita, dan bercerita adalah salah satu elemen terpenting dalam mengajar anak kerana mereka menggunakannya sebagai cara komunikasi. Penggunaan animasi boleh dilakukan dalam keadaan formal dan tidak formal.

Pada masa kini, terdapat banyak siri animasi yang diterbitkan khusus untuk kanak-kanak sebagai sasaran. Ini kerana ibu bapa akan mencari kartun animasi yang sesuai bagi memberi pendedahan tentang beberapa aspek dalam pendidikan seperti mempelajari asas huruf dan nombor. Permintaan seperti inilah yang menyebabkan peningkatan saluran kanak-kanak terutamanya di *Youtube*.

Lagu-lagu berbentuk dodoian pula sering menjadi pilihan untuk mengajar si cilik. Jadi tidak hairanlah jika lagu-lagu ini diadaptasi dalam bentuk animasi agar ianya lebih menarik dan interaktif. Visual yang kreatif dan muzik yang menarik akan menghiburkan anak-anak dan ini membantu dalam proses pembelajaran.

Selain lagu dodoian terdapat ribuan siri animasi yang telah wujud untuk membantu mengajar anak-anak. Topiknya pula sentiasa berubah mengikut episod. Satu episod mengajar tentang kebersihan sementara episod lain akan mengajar tentang kenderaan. Rancangan seperti ini selalunya akan dimulakan dengan watak utama mengatakan apa yang akan mereka lakukan hari ini dan kemudian sesuatu insiden akan berlaku.

Kemudian watak utama akan berusaha menyelesaikan masalahnya dan setelah berjaya menyelesaikannya, episod itu akan berakhir.

Justeru itu, naratif visual dan pendengaran adalah satu bentuk latihan yang harus dianggap sebagai kaedah penting dalam pendidikan moden. Melalui animasi, keyakinan, keharmonian, keupayaan untuk bertindak bersama, mempercayai dan berkongsi persekitaran dapat memberi mereka kemampuan untuk melakukan sesuatu pekerjaan dan menyelesaikan pekerjaan yang mereka mulakan.

Lebih daripada itu kaedah pendidikan animasi juga boleh membantu kanak-kanak yang pemalu. Mereka boleh belajar bercakap dengan betul dan tepat di samping berinteraksi dengan teman sebaya yang lain. Banyak perkara positif boleh disampaikan kerana medium ini memberi pengalaman yang berbeza dari kaedah tradisional.

Sungguhpun demikian, isi kandungan tetap menjadi perkara utama kerana kandungan yang bermanfaat akan membantu proses pendidikan kanak-kanak dan ini menjadikan keseluruhan konsep pembelajaran menggunkan animasi bukanlah perkara yang sia-sia atau sekadar hiburan semata-mata.

Kesimpulannya, animasi adalah kaedah penting yang boleh digunakan oleh ibu bapa dan guru untuk mengajar kanak-aknak mengenai banyak topik. Siapa kata belajar tidak menyeronokkan? Belajar tentu dapat menjadi seronok apabila menyanyikan lagu dan menari bersama. Juga penting untuk mewujudkan persekitaran yang sihat bagi kanak-kanak untuk belajar kerana ini akan memberi kesan positif dalam hidup mereka ketika mereka mencapai usia dewasa.







COVID IS JAHAT!

Written by:
Mawar Suhaila
JKKN Sarawak

Human beings are social animals, we need and crave other human interactions. Relationships is based on time, affection and the feeling of togetherness. This is the basic human interaction we are raised with.

In this time and age, with the Corona Virus pandemic sweeping our planet, what happens when we are deprived of these basic necessities of human needs? The way we interact definitely have changed during this pandemic and how do we cope?

2020 sees the emergence of everything online, granted as we are in the technology age it is easier for us to translate this to our everyday lives. Before, we are limited or prefer physical human interactions to perform our everyday lives from shopping to groceries to just going out meeting with friends and to smoothen our everyday jobs and tasks.

The pandemic continues to drastically affect our lives with our relationships with other people in our societies, our families and our homes and at the workplace. Losing face to face contact with other people may seem frightening or even unbearable. These stresses will definitely affect our relationships. With each household carries different sets of problems than the next, with many different variables. Some of these variables can be dangerous and abusive and there is certain situation where it does require human contact and interactions, for example domestic abuse. In these situations, it is feasible to ask for assistance as and when required.

Now, there are many and creative ways human beings have come up with to normalise using the internet or wireless to perform jobs and even to personal interactions. Applications like Zoom, Skype, WhatsApp videos and face timing now takes 90% of our time in doing our work and also to keep in touch with families. The gist of it, we certainly have more time on our hands to do things more than before when we are not side tracked by the other "white noises" in our lives. In other words, we need to stay connected more so than before. The use of phones, computers and pads are available 247. We can use these devices to help us feel safer and connect with families and friends. This is very important to our mental health especially for those who are alone and living in isolation.

Supporting others and creating for yourself a sense of belonging and helping other communities is also a good way to enrich yourself in times of pandemic. To create a sense of togetherness towards a similar goal with other people is good for mental well-being, it makes you feel belong and not alone in this uncertain world. Remember, you are not alone, although it seems we are there are others out there who are in the same boat. Be kind to yourself, your families and those around you. Maintain or try to set a routine to maintain normalcy. Keep your work and your "me" time private. Draw the line to where it starts and stops. Try to involve yourself with everyday normalcy and get involved in your community to feel belong. Find a way that work for you to connect yourself to the world and find a time to voice out your concerns to your partner or family if you feel overwhelmed and exhausted. Plan something fun for you and see how u can create that into your current situations, making yourself busy, mentally.

Remember to take time off and breath. Although it may seem like a dead end, remember there are other ways to enrich yourself to not feel constricted or feel disconnected from the world. There are people around you willing to share their experiences and also friends and family who are there for you. We all need to give that extra mile to talk, listen and care for each other and to ourselves, continuing on what brings us together as human beings and not forgetting that this too shall pass. We are a resilient species and history dictates and have proven; therefore, we will prevail.



Source: Unsplash images

Diplomasi Pantun: Media Keakraban Negeri Serumpun

(Sempena Program Festival Pantun Pendidikan Negeri Serumpun 2021)

Ditulis oleh:
Taufiqurrahman Hasyim Salengke
Aktivis Pendidikan dan Budaya, Indonesia

Biduk berlalu kiambang bertaut,
Hijau berkilau tersiram embun;
Lewat pantun hubungan dirajut,
Keakraban masyarakat negeri serumpun.

Keakraban masyarakat rumpun Melayu, khususnya Indonesia dan Malaysia sudah lama terajut. Jauh sebelum terbentuknya negara-bangsa, masyarakat Nusantara telah bermigrasi atas berbagai motivasi dan kepentingan. Mobilitas sosial masyarakat kedua negara telah berlangsung sangat baik hingga ke hari ini, walaupun garis pembatas negara telah termaterai dengan jelas.

Hubungan sosial dan budaya pada hakikatnya menembusi batas-batas sempadan negara bangsa. Apalagi kelompok masyarakat yang bermigrasi, memilih menetap di sebuah negara, sejatinya tetap membawa dan mengamalkan adat istiadat serta tradisi hidup sehari-hari, karena eksistensi sebuah kelompok masyarakat akan berkembang dan kuat, apabila diwarnai dengan identitas budaya yang dibangun melalui bahasa pertuturan.

Dalam kalangan masyarakat rumpun Melayu, bahasa menjadi sebuah identitas kelompok. Demikian juga tradisi hidup sehari-hari mencerminkan ciri khas dan identitas yang unik. Oleh karena itu, bahasa dan adat istiadat budaya sebuah bangsa tidak dapat dipisahkan dengan jiwa anggota masyarakatnya. Kemanapun mereka pergi, pasti akan tetap membawa tradisi budayanya masing-masing.





Masalahnya tradisi hidup akan kekal kuat sebagai ciri khas kelompok tersebut atau mengalami akulturasi yang mengalami kemunculan budaya baru dengan mengekalkan akar budaya asal atau sama sekali berubah, karena terkikis oleh globalisasi dan modernisasi, tergantung pada seberapa kuat anggota masyarakatnya melestarikan ciri khas dan menjaga jati diri kelompoknya.

Semua kelompok masyarakat mengandalkan bahasa sebagai media mengekalkan identiti kelompok dalam berinteraksi menyampaikan pesan, seperti nasihat dan teguran. Bagi sesebuah kelompok masyarakat, penyampaian pesan-pesan bisa lewat syair, seloka, dan pantun. Dalam masyarakat Melayu, pantun menjadi media belajar, alat pemersatu, penyampaian pesan, bernegosiasi, pujian, sindiran, teguran yang mampu mencairkan suasana.

Dalam berbagai tulisan sejarah, pantun telah lama menjadi tradisi yang dipakai sebagai media diplomasi para utusan raja-raja Melayu sejak dahulu kala, demikian juga para cerdik pandai, mengungkapkan pesan dan nasihat lewat bait-bait pantun yang indah.

Kuat terasa hembusan bayu,
Nyiur di pantai daunnya melambai;
Berpantun seloka tradisi Melayu,
Seni bermadah bijak dan pandai.

Pohon asoka batangnya rendah,
Di tepi telaga tumbuhnya damar;
Pantun seloka budaya yang indah,
Mari lestarikan janganlah tercemar.

Fungsi pantun sebagai media pemersatu yang mengakrabkan anggota masyarakat antara negara di zaman moden ini, terasa kuat sekali dalam kegiatan "Festival Pantun Pendidikan Negeri Serumpun 2021" yang berjaya diselenggarakan atas kerjasama Sekolah Indonesia Kuala Lumpur (SIKL) dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Malaysia. Hajat besar yang berlangsung selama tiga (3) bulan, yakni Juli-September 2021 itu, diakui oleh semua pihak akan dampak positif terhadap hubungan yang terjalin kuat dan akrab antara guru dan siswa Indonesia dan Malaysia, termasuk terjalinnya hubungan baik para penggiat seni budaya dari Singapura dan Brunei Darussalam.

Matlamat kegiatan yang bertema "Berpantun Kita Berbudaya, Berbudaya Kita Bersaudara" tersebut mampu memupuk persaudaraan guru dan siswa di negara rumpun Melayu. Selain itu, untuk menindaklanjuti pengiktirafan dunia melalui UNESCO, bahwa pantun merupakan warisan budaya bukan benda milik bersama Indonesia dan Malaysia yang secara terus menerus selalu dijaga dan dilestarikan.

Eksistensi dan peranan Sekolah Indonesia Kuala Lumpur sebagai Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Kedutaan Besar Republik Indonesia di Malaysia juga sangat dirasakan oleh pemerintah dan sekolah di Malaysia. Jabatan Pendidikan Negeri di Semenanjung, Sabah Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan turut merespon dengan mengutus peserta dari sekolah di bawah wilayah administrasi masing-masing.

Kegiatan festival seni dan budaya pantun ini berlangsung secara *online* melalui aplikasi dan *Zoom*, karena mempertimbangkan situasi pandemi Covid-19. Rangkaian kegiatan dalam festival ini, terdiri dari empat (4) kegiatan utama, yakni: Pertama, Seminar Internasional dengan lima (5) orang pemateri dari Indonesia, Malaysia, Singapura, dan Brunei Darussalam. Kedua: Lomba Cerdas Cermat Pantun untuk guru dan siswa jenjang SD, SMP, dan SMA. Ketiga: Lomba Kreasi Lagu Berpantun untuk guru dan siswa. Keempat: Pentas Apresiasi Seni Budaya Festival Pantun Pendiikan.

Eksistensi dan peranan Sekolah Indonesia Kuala Lumpur sebagai Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Kedutaan Besar Republik Indonesia di Malaysia juga sangat dirasakan oleh pemerintah dan sekolah di Malaysia. Jabatan Pendidikan Negeri di Semenanjung, Sabah Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan turut merespon dengan mengutus peserta dari sekolah di bawah wilayah administrasi masing-masing.

Kegiatan festival seni dan budaya pantun ini berlangsung secara *online* melalui aplikasi dan *Zoom*, karena mempertimbangkan situasi pandemi Covid-19. Rangkaian kegiatan dalam festival ini, terdiri dari empat (4) kegiatan utama, yakni: Pertama, Seminar Internasional dengan lima (5) orang pemateri dari Indonesia, Malaysia, Singapura, dan Brunei Darussalam. Kedua: Lomba Cerdas Cermat Pantun untuk guru dan siswa jenjang SD, SMP, dan SMA. Ketiga: Lomba Kreasi Lagu Berpantun untuk guru dan siswa. Keempat: Pentas Apresiasi Seni Budaya Festival Pantun Pendidikan.





Antusias guru dan siswa terhadap kegiatan ini sangat tinggi sekali, terutamanya peserta dari Malaysia. Total jumlah peserta dari guru dan siswa untuk kategori Cerdas Cermat Pantun adalah: 117 orang guru, 243 siswa SMA, 154 siswa SMP, dan 386 siswa SD. Untuk enam (6) orang pemenang di setiap kategori mendapat piala, sertifikat, dan uang tunai.

Berdasarkan data panitia festival, total peserta yang mendaftar untuk semua kategori adalah 1,741 orang. Pada saat peresmian dan Seminar Internasional, disaksikan oleh sedikitnya 2,124 orang perserta melalui *Zoom* dan *Live Streaming* lewat SIKL Channel TV.

Untuk mendukungan kelancaran acara pertandingan ini, turut dilantik empat (4) orang pakar lagu sebagai juri pertandingan Kreasi Lagu Berpantun, dan 24 orang juri dari Indonesia dan Malaysia untuk menjadi juri Cerdas Cermat Guru dan Siswa.

Selama berlangsungnya kegiatan festival, telah terkumpul sebanyak 89 video kreasi lagu berpantun kategori pelajar dan 27 video kreasi lagu berpantun kategori guru. Kesemua video tersebut dapat ditonton di SIKL Channel TV.

Adapun jumlah pantun yang berhasil terkumpul dalam pertandingan tersebut, sebanyak 11,914 pantun. Jumlah tersebut belum termasuk pantun-pantun yang banyak diciptakan secara spontan oleh guru dan siswa selama terjalinnya interaksi di dalam kumpulan *WhatsApp* panitia dan peserta. Sebagai output dari kegiatan ini, panitia berencana untuk membukukan pantun-pantun tersebut supaya menjadi bukti nyata kebersamaan dan keakraban masyarakat negeri serumpun.

Kegiatan ini terlaksana dengan baik atas dukungan berbagai pihak, seperti KBRI Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan RI, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan Kementerian Pendidikan RI.

Festival yang disingkat FPPNS 2021 menjadi sangat spesial, karena merupakan julung kalinya diadakan melibatkan guru dan siswa setelah pengakuan UNESCO. Semakin meriah dengan keikutsertaan Menteri Pendidikan dan para kepala daerah di Indonesia yang turut menyampaikan dukungan dan ucapan selamat kepada SIKL melalui video berpantun. Dalam acara peresmian, turut ditayangkan video berpantun Menteri Pendidikan RI Nadiem Makarim, Gubernur Kepulauan Riau H. Ansar Ahmad, Gubernur Jawa Tengah Ganjar Pranowo, Gubernur Jawa Timur Khofifah Indar Parawansyah, dan Gubernur DKI Jakarta Anies Baswedan.

Dirjen Kebudayaan Kemendikbud Ristek Hilmar Farid dan Ketua Pengarah JKKN Malaysia YBrs. Tn. Hj. Mesran bin Mohd Yusop ikut menyampaikan rasa bangga atas terselenggaranya acara yang dampaknya sangat positif dalam mendukung pengakuan UNESCO terhadap budaya pantun.

Seni dan budaya berpotensi merapatkan dan mengakrabkan hubungan masyarakat negeri serumpun, karena latar belakang kedekatan geografis serta kesamaan budaya masyarakatnya yang berasal daripada akar yang sama.

KIBARKAN JALUR GEMILANG

Nukilan:
Azaha Haji Othman



Ketika udara ini masih kuhirup
nafas ini kuhembus
nadi ini berdenyut
jantung ini berdegup
akan kuwarnakan potret merdeka
buat tatapan generasi bangsa
dengan simpulan muafakat
dengan bidalan perpaduan
moga menjadi siulan
generasi hari kemudian.

Saat negara memacu maju
dipandu bangsa bermaruah
ada obor fitnah menerjah
ada laung jerit memekik
bagai lolongan anjing
cuba meruntuh bukit.

Dengan Bismillah kakiku melangkah
melaung ikrar menganyam sumpah
mengajak bangsa memartabat maruah
taat setialah raja memerintah
hancur musnahkanlah semua fitnah
hapuskanlah segala ideologi penjajah.

Marilah bangsaku
Demi negara Malaysia tercinta
kuseru sekalian generasi bangsa
Melayu, Cina, India dan sekaliannya
menyemai benih perkasihan
dan membajai cintakan negara.

PANTUN NASIHAT

Nukilan:
Kak Yang
JKKN Kelantan

Dari Temerloh ke Kota Bharu,
Singgah bersiar Pulau Pak Amat;
Tuntutlah ilmu pergilah berguru,
Biar hidup penuh azimat.

Siti Wan Kembang pemerintah Kelantan,
Namanya masyhur zaman dahulu;
Baik-baik memilih intan,
Takut terkena kaca dan batu.

Muzium bersejarah Istana Batu,
Istana Jahar megah terbilang;
Kalau hidup tak dapat membantu,
Usah ditambah susah orang.

Hajat membeli pasu Mambong,
Ke Sungai Galas tempat dituju;
Janganlah kita berlagak sombong,
Kelak nanti ramai seteru.







JERUNEI :

Tiang Pengebumian Kaum Melanau

Ditulis oleh:
Mohammad Husri Morni

Animisme merupakan satu kepercayaan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melanau sebelum kedatangan agama Islam ke Nusantara. Mereka mempercayai kewujudan kuasa ghaib dan kuasa luar biasa. Kepercayaan ini telah menjadi satu ciri bagi masyarakat Melanau. Kepercayaan ini termasuklah mengenai petua, pantang larang, adat, peraturan dan kebiasaan masyarakat. Adat resam dan budaya melambangkan identiti sesebuah bangsa, etnik dan suku kaum meskipun manusia memiliki anutan dan agama, warisan sosial ini tetap dipindahkan secara turun temurun daripada generasi nenek moyang. Antara adat yang terkenal adalah berkaitan kematian. Bagi masyarakat Melanau pada zaman lampau, waktu sebelum dan selepas pengebumian merupakan waktu yang sangat penting bagi menunjukkan kekayaan dan kekuasaan masing-masing. Jika dilihat pada zaman kerajaan dahulu, jenazah raja–raja dan pihak bangsawan Melanau akan diletakkan dalam 'Jerunei' iaitu tiang–tiang pengebumian. Upacara pengebumian ini dilakukan pada beratus–ratus tahun dahulu dalam zaman animisme iaitu golongan yang menggunakan 'Jerunei' ini dikenali sebagai aristokrat.

'Jerunei' ini diperbuat daripada pokok kayu yang dikenali Belian yang besar dan cukup matang. 'Jerunei' yang dipasang mestilah mempunyai ukiran yang ringkas atau biasa dan ada juga ukiran yang bercorak rumit. Segala ukiran yang rumit memakan tempoh yang panjang iaitu tujuh (7) tahun untuk disiapkan. Pada kebiasaannya, ukiran diluar tiang 'Jerunei' diukir indah dengan bermotifkan binatang seperti naga, harimau, ular, tikus dan sebagainya tertakluk kepada status pemiliknya. Di samping itu, ketinggian 'Jerunei' juga melambangkan kedudukan dan darjat pemiliknya. Selain itu, terdapat juga 'Jerunei' yang diukir dengan bermotifkan alam flora dan buah-buahan seperti nenas dan sebagainya. Kebiasaannya ketinggian 'Jerunei' ialah di antara 12 sehingga 15 meter. 'Jerunei' berfungsi sebagai tempat penyimpanan mayat raja

atau bangsawan melalui satu lubang besar yang akan digali. Mengikut lagenda, terdapat seorang hamba perempuan dan seorang hamba lelaki akan dikorbankan bersama mayat tersebut dan ditinggalkan sehingga mati kebuluran. Tujuan pekara ini berlaku kerana hamba perempuan tersebut digunakan untuk melayan raja sebagaimana yang dialaminya semasa hidup, manakala roh hamba lelaki pula ditugaskan sebagai pengawal, pelayan dan tukang dayung untuk roh raja atau bangsawan ke dalam perjalanan ke 'likow matai'. 'Jerunei' adalah kebanggaan mereka sebagai menifestasi tentang kedaulatan, ketinggian darjat, pengaruh dan kekayaan sewaktu hidupnya. Masyarakat Melanau biasa pun turut bangga kerana itulah imej dan keperibadian kaum yang melambang ketamadunan mereka pada waktu itu. Apabila golongan aristokrat meninggal dunia maka pelbagai persiapan rancak akan diselenggarakan oleh para penduduk di kampung tersebut. Bagi masyarakat Melanau Mukah, kekeluargaan dan amalan sosial amat dititikberatkan. Tambahan pula, sikap mentaati raja dan pemimpin tidak dapat dinafikan. Itulah budi pekerti kaum Melanau yang ditonjolkan ketika zaman itu. Sebelum proses 'Jerunei' itu didirikan mengikut adat istiadat kebesaran diadakan, lagu tradisional turut didendangkan untuk diperdengarkan kepada para tetamu. Seterusnya, lubang akan digalikan untuk 'Jerunei' yang berukuran dalam 10 meter tinggi dan 4 meter lebar lilitannya.

Maka seterusnya ketua adat akan memulakan acara untuk menegakkan 'Jerunei' tersebut. Sebelum proses dilaksanakan, seorang hamba abdi akan dihunjam ke dalam lubang secara hidup-hidup di tempat tiang tersebut dipacak. Kepercayaan dan pengangan adat yang kuat mengatasi segalanya. Hal ini demikian, masyarakat Melanau ketika itu mempercayai bahawa roh si mati sejahtera sampai ke alam lain dan tidak akan mengganggu mereka yang masih hidup. Mayat aristrokrat Melanau yang sudah mati selama tiga (3) hari turut diletak bersama-sama di dalam lubang khas beserta alat kelengkapan dan barang bernilai sebagai bekalnya di alam lain nanti. Di samping itu, bagi sesiapa daripada golongan aristokrat yang mati lebih awal sebelum siapnya 'Jerunei' maka mayatnya akan disimpan sehingga tinggal rangka tulang sahaja lalu disimpan ke dalam tempayan atau bekas yang besar sebelum dimasukan ke dalam lubang.

Proses mendirikan 'Jerunei' ini juga sama dengan proses menjunamkan seorang abdi ke dalam lubang dimana tempat yang dipacakkan 'Jerunei' tersebut. Selain seorang abdi dijunam ke dalam lubang, akan dipilih lagi seorang abdi untuk menemani si mati. Kebiasaanya abdi yang dipilih adalah dikalangan pilihan si mati sewaktu hidupnya untuk teman bergurau apabila si mati berada di alam lain nanti iaitu dunia si mati. Proses kematian si abdi ini berbeza iaitu diikat dan diletak di ruang atas 'Jerunei' dan dibiarkan mati dalam kehausan dan kelaparan. Pemilik 'Jerunei' itu bukan hanya untuk kalangan aristrokrat kaum lelaki bahkan isteri dan anak-anak mereka juga mengguna 'Jerunei' sebagai perkuburan. Maka roh-roh si abdilah akan memainkan peranan yang sangat penting untuk menentukan kelancaran hidup roh golongan aristrokrat di alam mati kelak. Hamba abdi akan diikat pada tiang 'Jerunei' atau terdapat lubang khas di puncak 'Jerunei' sebagai satu pengorbanan. Biasanya 'Jerunei' akan dipacak berdekatan dengan sungai disebabkan hamba abdi yang dikorbankan akan berasa kehausan dan memohon belas kasihan serta simpati kepada mereka yang berkayuh di sungai, si abdi merayu agar pengayuh dihayun dengan deras sehingga titik-titik air dapat menghilang kehausan sebelum beliau menemui ajal disana. Berdasarkan kepada kajian penggunaan 'Jerunei' atau "Keliding" bagi kaum Melanau, "Kelirieng" bagi kaum Kayan, 'Kajang' dan 'lijeng' bagi kaum Berawan mempunyai fungsi yang sama iaitu untuk perkuburan golongan aristokrat masing-masing. Kesemua suku kaum tersebut mengamalkan sistem beraja dan masyarakatnya mempunyai tingkatan rasa hormat dan taat setia yang sangat tinggi terhadap raja dan pemimpin mereka. Kesemua kaum di atas percaya adanya hidup yang kekal sesudah mati dan tidak akan mati lagi. Mereka juga mempercayai bahawa golongan aristokrat akan membawa kedudukan yang sama apabila berada di alam lain nanti. Jika kita melihat daripada segi kedudukan geografinya, kaum-kaum yang masih mempercayai sistem ini majoriti mendiami kawasan Tengah Borneo.

Upacara tersebut tidak terhenti begitu sahaja, dalam tempoh tertentu, di bahagian tengah 'Jerunie' itu akan dibuka dan tulang–tulang dimasukkkan ke dalam tempayan khas yang diletakkan di bahagian atas 'Jerunei'. Namun begitu, adat ini tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Melanau Mukah pada masa kini. Tiada dokumen yang dapat menerangkan mengenai adat ini secara terperinci. Adat ini kian pupus akibat penaklukan Raja Brooke. Namun begitu, penggunaan 'Jerunei' ini telah dihapuskan apabila fahaman dan pengajaran agama mula bertapak di Mukah sama ada agama Islam atau Kristian. Amalan pengurusan kematian mengikut adat 'Jerunei' tidak lagi diguna pakai dan kali terakhir dibuat 'Jerunei' pada tahun 1880 di Belaga dan orang Melanau di Mukah. Orang Melanau ketika itu mengamalkan sikap tertutup kepada masyarakat luar (closed door attitude). Mereka mula sedar bahawa membunuh manusia walaupun sebagai bahan korban adalah suatu penyiksaan dan dosa yang besar. Di Mukah masih terdapat kesan daripada sejarah 'Jerunei' yang terus berdiri teguh di kawasan Kampung Tellian Tengah, Mukah. Sebahagian daripadanya sudah haus dimamah usia akibat terdedah pada hujan dan terik matahari.

MENGURUS PENGUPAYAAN SENI BUDAYA SEBAGAI PENANDA TAMADUN

Ditulis oleh:
Ismail bin Yusof, PSK, PJK
(Penulis adalah Mantan Pengarah,
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kelantan
&
Mantan Pengarah Produksi Istana Budaya)



Imej Sumber: Unsplash Images

Mengurus seni budaya memerlukan suatu penelitian yang strategik lagi komprehensif seiring dengan kemajuan negara. Sifat seni itu dinamis dan berkembang mengikut dasawarsa sezaman dan tradisi warisan budaya sesebuah negara. Usaha untuk menggalakkan elemen seni budaya agar dapat diperkukuhkan adalah memerlukan perancangan pengurusan dan struktur yang berhierarki. Perkembangan kebudayaan yang telah dirancang dan dilaksanakan perlu mempunyai hubungan dengan kemajuan bangsa dan tamadun. Program bertaraf tempatan dan antarabangsa, menjadi tumpuan bagi mengukuhkan pengupayaan seni budaya itu sendiri.

Pengupayaan seni budaya adalah suatu struktur pengurusan seni yang berskala besar dan berjangka panjang. Ianya memerlukan 'rupa kepada wajah' yang sedia ada dipunyai oleh masyarakat. Rupa adalah imej yang ditunjukkan manakala wajah adalah imbalan kepada rupa yang diberi konotasi ilmuan supaya seni budaya menjadi mercu tanda bagi negara. Berbagai langkah serta usaha untuk memberi 'rupa kepada wajah' seni bagi sesebuah negara, misalnya keluhuran budi, juga suatu yang telah dan sedia dimiliki oleh negara kita. Kempen 'Budi Bahasa Budaya Kita' yang pernah diperkenalkan satu ketika dahulu, adalah satu perlambangan keluhuran budi yang seiring dengan prinsip Rukun Negara, kesopanan dan kesusilaan.

Sesuai dengan slogan 'Keluarga Malaysia', maka pengupayaan seni budaya juga harus mendasarinya. Keterujaan untuk melihat sebuah keluarga tentulah meletakkan unsur bahagia di puncaknya, maka kebudayaan tinggi, pembudayaan seni boleh disuburkan di dalamnya. Program yang bersesuaian ke arah kesopanan dan kesusilaan perlu diberi keutamaan dalam pengukuhan seni budaya. Sesuai juga diperbincangkan daripada aspek kesopanan dan kesusilaan dalam konteks 'Keluarga Malaysia' yang dihubungkan dengan kebudayaan tinggi milik masyarakat Malaysia.

Selain itu, rupa bagi budaya juga boleh dilaksanakan melalui program mega yang dirancang mengikut medium seni dan bertaraf tinggi. Suatu pelaksanaan pengupayaan seni yang diangkat sebagai entiti yang unggul dan boleh dibanggakan oleh masyarakat keseluruhannya perlu dicari, diberi pengiktirafan melalui usaha kerja yang berdedikasi serta profesional. Mengurus pengupayaan seni memerlukan bakat, semangat dan kemahiran yang tinggi. Bakat adalah sesuatu yang dimiliki sejak awal, namun bakat juga boleh diasah menjadi minat. Menghargai dan merasai sesuatu perkara sebagai keutamaan akan mendorong ke arah kewibawaan bakat itu sendiri. Semangat adalah metafizik upaya badan dengan adanya unsur ghairah bagi menjayakan sesuatu lapangan. Kemahiran adalah garis kemampuan, hatta kerja yang melengkapkan bakat dan semangat. Pengupayaan ini akan menjadi lengkap apabila seseorang Pentadbir Budaya memiliki kesemua unsur ini. Isunya apabila kita mengelola sesuatu bidang baharu, tentunya pada mulanya tidak sama dengan pentadbiran orang lama, namun berbekalkan tiga (3) unsur tadi, pengupayaan seni budaya akan mencapai kejayaannya nanti.

Perancangan yang mantap dengan mengangkat mana-mana bidang seni budaya yang telah ditentukan harus dibuat dengan berfikiran besar, budaya pemikiran besar merujuk kepada angkubah yang diangkat dengan rekayasa yang berskala besar sehingga boleh dijulang sebagai 'warisan tamadun.'

Penganjuran program-program mega adalah sesuatu yang senang dikenali dan menjadi sanjungan di mata dunia. Sudah sampai masanya dunia membina kemuncak seni budaya bertaraf tinggi, berskala besar dalam dasawarsa ini. Sesuatu program berskala besar perlu diawali dan disokong sepenuhnya oleh pemimpin peringkat tertinggi, sehinggalah penglibatan YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Simfoni Dikir Barat 1000

Sebagai perkongsian pengalaman sepanjang berkhidmat sebagai Pentadbir Budaya, kejayaan cemerlang adalah di dalam penganjuran program Simfoni Dikir Barat 1000 yang dijayakan sehingga mendapat pengiktirafan *The Malaysian Book of Records*. Program ini telah dirasmikan oleh KDYMM Al Sultan Kelantan pada 24 Jun 2000 bertempat di Stadium Sultan Muhammad ke IV, Kota Bahru, Kelantan. Ianya merupakan satu kebangkitan pengupayaan seni budaya rakyat berskala besar di Malaysia. Kejayaan ini disusuli dengan program Simfoni Gendang 1000 pada tahun 2001 yang telah dilaksanakan di lokasi yang sama dan turut disempurnakan oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan. Secara umumnya, kedua-dua program ini merupakan satu kejayaan besar kepada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Penulis yang juga merupakan Pengarah JKKN Kelantan pada waktu itu merasakan ini adalah penghargaan yang sangat tinggi apabila VCD kedua-dua program telah terpilih dan telah menjadi bahan tayangan serta cenderamata semasa lawatan ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Rentetan peristiwa ini telah menjadi rekod penting kepada Negeri Kelantan dan dokumen penting dalam bidang seni dan budaya untuk simpanan di Arkib Negara Malaysia. Rakaman yang disimpan ini adalah bukti pengupayaan seni budaya oleh rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Rakaman kejayaan demi kejayaan dicipta oleh JKKN Kelantan bersama Ibu Pejabat JKKN apabila turut berjaya mengadakan program berskala besar sekali lagi di Stadium Sultan Muhammad IV, iaitu Gendang Malaysia (30 Mei 2005) dan Himpunan Pergendangan & Dikir Barat (6 Mei 2006) juga dirasmikan oleh KDYMM Al Sultan Kelantan.

Rekod yang sama dicapai menerusi program Nasi 100, turut mencatat sejarah di dalam *The Malaysian Book of Records* bersama Persatuan Pelancongan Negeri Kelantan. Kejayaan ini adalah hasil daripada penglibatan semua pihak, NGO Budaya dan paling utama penglibatan secara langsung oleh kepimpinan tertinggi JKKN iaitu Ketua Pengarah JKKN dan juga Menteri Kebudayaan dan Kesenian pada ketika itu. Penulis memaparkan sejarah penting ini sebagai rujukan atau sumber inspirasi kepada pelapis Pentadbir Budaya dalam menggalas tanggungjawab memajukan seni budaya bangsa.


Untuk menonton Pergendangan 1000 atau Dikir Sensasi Simfonia dengan melayari youtube pautan ini https://www.youtube.com/watch?v=O702mVI2Mec

Simbol untuk Seni dan Budaya

Kepelbagaian seni budaya amat luas dan diketahui ramai, namun untuk lebih khusus dikenali ramai, penulis mencadangkan diwujudkan simbol-simbol seni budaya untuk diperkenalkan kepada masyarakat di dalam dan luar negara. Bunyinya sukar untuk dilaksana atau diperkenalkan, namun optimis ianya boleh dilaksanakan melalui sedikit kajian atau penyelidikan oleh jawatankuasa bagi mengelak bantahan atau adanya sentimen perkauman. Paparan simbol boleh digunakan bagi penamaan sesuatu zon wilayah budaya atau kampung budaya, kampung tradisional, seni rakyat dan sebagainya. Sebagai contoh, simbol orang sedang bersilat melambangkan ikon berkenaan manakala simbol sirih junjung melambangkan adat dan sebagainya.

Usaha mewujudkan simbol-simbol seni budaya ini boleh diadakan secara usaha sama di antara JKKN dan syarikat-syarikat korporat seperti syarikat telekomunikasi dan seumpamanya. Sesuatu simbol ini tidak perlu terlalu banyak dan boleh ditambah mengikut keperluan semasa. Perkara ini menjadi sangat penting dalam usaha menyokong sektor pelancongan negara. Menerusi sudut motivasi jasmani, ianya diperlukan untuk menyegarkan tubuh, fikiran, kesihatan, membeli belah, berhibur sambil mendengar muzik dan sebagainya. Manakala motivasi budaya dalam pengenalan lambang ini juga amat perlu, kerana pelancong mempunyai keinginan untuk mengetahui berkaitan sesuatu negeri, budaya, bangsa, minat terhadap seni dan sebagainya. Tambahan lagi, simbol seni budaya juga turut memberi motivasi peribadi apabila pelancong memilih untuk melepaskan diri daripada kesibukan, mencari pengalaman baharu dan sebagainya. Motivasi status dan prestasi juga seperti penglibatan perniagaan, persidangan dan sebagainya akan lebih cepat membentuk mereka mengenali seni budaya khususnya di Malaysia.

Kesimpulannya, setiap orang mempunyai pengupayaan seni yang berbeza-beza. Namun selaku Pentadbir Budaya, kita perlu menjadi pemula dalam setiap tindakan khususnya seni budaya kerana ia merupakan penanda aras pemikiran ke arah kemajuan tamadun Malaysia.



Imej Sumber: Laman Sesawang VMO Rocks

Citra Budaya 90



Hazeme bin Said, anak kelahiran Bumi Kenyalang, Sarawak merupakan Pegawai Kebudayaan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Beliau dilahirkan tanggal 28 September 1978. Hazeme amat terkenal dengan sikap ramah dan mudah disapa dan sering menggamatkan suasana sama ada bersama rakan pejabat atau ketika pelaksanaan aktiviti.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda, Seni Gunaan (Major Drama) daripada Universiti Malaysia Sabah. Selepas menamatkan pengajian, beliau telah bekerja dengan beberapa syarikat swasta sebelum diterima masuk dalam sektor awam sebagai Pegawai Kebudayaan gred B29 pada 18 April 2008. Penempatan pertama beliau adalah di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor (JKKN Johor). Selain JKKN Johor, beliau juga pernah bertugas di JKKN Kelantan (1 November 2009 – 1 September 2015). Terakhir Allahyarham bertugas di JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKKN WPKL) bermula pada 1 September 2015 dan pada Jun 2021 merupakan bulan terakhir menyumbang bakti kepada JKKN sebelum disahkan positif COVID-19.

Menyingkap kerjaya terakhirnya, beliau merupakan pegawai yang memainkan peranan penting di JKKN WPKL sebagai pegawai penyelaras program di bawah Unit Bimbingan Seni Budaya dan juga Unit Pengukuhan Seni dan Budaya. Beliau juga turut memegang portfolio promosi dan publisiti. Hazeme merupakan seorang yang komited dalam melaksanakan amanah dan tugas yang diberikan dan mampu menyelesaikan setiap tugasan dengan tuntas dan jayanya. Selain tugasan melibatkan aktiviti di bawah unitnya, beliau juga merupakan pentadbir media sosial JKKN

WPKL. Setiap hebahan yang perlu dilakukan oleh jabatan, beliau akan menyediakan poster digital dan sebagainya untuk hebahan di media sosial. Sebagai seorang Pegawai Kebudayaan, beliau juga mempunyai bakat besar dalam bidang pengacaraan dan suara latar. Bagi program-program peringkat JKKN WPKL, beliau sering diberi peranan sebagai Pengacara Majlis dan turut menyumbangkan suara untuk suara latar dalam program-program digital jabatan. Beliau juga merupakan seorang yang berterus terang dan sering menyuarakan pandangan membina dalam mesyuarat-mesyuarat peringkat jabatan dan tidak pernah lokek ilmu dalam berkongsi pengalaman bersama rakan setugas. Sepanjang kerjayanya di JKKN, beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2013 atas prestasi baik dan pada 18 April 2021 beliau telah diberikan kenaikan pangkat secara *time based* B32 TBK 1.



Pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak Mac 2020 banyak memberikan kesan kepada negara dan dunia amnya. Banyak sektor ekonomi, sosial dan budaya telah tersekat. Pandemik ini juga telah meragut jutaan nyawa manusia di seluruh dunia. Hazeme merupakan salah seorang mangsa korban pandemik ini apabila beliau mula disahkan positif COVID-19 pada 19 Jun 2021. Pada 20 Jun 2021 beliau telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin MAEPS, Serdang, Selangor. Akibat daripada keadaan oksigen dalam badannya tidak stabil, beliau telah dipindahkan ke Hospital Sungai Buloh bagi tujuan rawatan lanjut. 24 Jun 2021, Encik Hazeme telah ditidurkan bagi memberikan bantuan oksigen yang lebih lancar ke paru-parunya. Keadaan kesihatannya turun naik sewaktu berada di Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Sungai Buloh, Selangor. Sepanjang beliau dirawat di ICU, JKKN WPKL saban malam menganjurkan majlis bacaan Surah Yaasin bersama keluarga besar Ibu Pejabat JKKN, keluarga dan juga rakan-rakannya bagi mendoakan kesembuhan beliau. Namun ketentuan Allah SWT melebihi segala-galanya, khabar duka diterima pada 14 Julai 2021 tepat pukul 1.23 petang, Hazeme bin Said telah menghembuskan nafas terakhir setelah bertarung nyawa lebih kurang 20 hari. Kematian beliau disebabkan oleh kegagalan organ.



Pengurusan jenazah Allahyarham telah dipermudahkan oleh Allah SWT kerana beliau telah bebas daripada Covid 19 dan boleh diuruskan seperti biasa. Beberapa orang Pegawai JKKN WPKL bersama Puan Nurwati binti Abdul Wahab, Pengarah, JKKN WPKL hadir ke Hospital Sungai Buloh, Selangor untuk tujuan pengurusan jenazah. Setelah selesai pengurusan di Hospital Sungai Buloh, jenazah telah diterbangkan ke Kuching, Sarawak pada 15 Julai 2021 dan dikebumikan di Tanah Perkuburan di Kuching, Sarawak.

Pesanan terakhir Allahyarham melalui *Whatsapp* rasmi JKKN WPKL semasa beliau disahkan positif COVID-19 adalah "*Covid is real*" dan "jaga kesihatan semua".

Kini tiada lagi tawa dan lawak jenakanya. Tiada lagi hingar bingar suaranya memeriahkan ruang pejabat. Allahyarham telah selamat bersemadi dan kita yang masih bernafas ini hanya mampu mengirimkan doa semoga roh Allahyarham Hazeme bin Said ditempatkan dalam kalangan orang beriman dan beramal soleh dan segala amal baik semasa hayatnya diterima Yang Maha Kuasa. Memetik kata Pramoedya Ananta Toer seorang Sasterawan Indonesia dalam novel Pasar Malam, katanya "Hidup ini ibarat pasar malam, berduyun duyun orang pergi dan berduyun duyun orang kembali."

Salam takziah buat seluruh keluarga Allahyarham Hazeme bin Said, JKKN WPKL merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih di atas khidmat bakti Allahyarham semasa hayatnya. Semoga keluarga Allahyarham tabah menghadapi dugaan ini.



Allahummagfirlahu warhamhu wa'afihi wa'fu Anhu. Ya Allah Ya Tuhanku, ampunilah dia, rahmatilah dia, maafkanlah dia, muliakanlah kematiannya, lapangkanlah kuburnya, jadikanlah syurga sebagai ganti tempat tinggalnya dan berilah kesabaran kepada ahli keluarganya.

Ikhlas daripada kami seluruh warga Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Al-Fatihah.

Hafsah Jusoh

Penyanyi Lagu Asli & Rakyat Tersohor Terengganu

Ditulis oleh:
Azaha Haji Othman
JKKN Terengganu

Seni suara dipercayai berkembang pesat di Terengganu sejak zaman Tok Ku Paloh lagi, menerusi bacaan kitab pelbagai jenis termasuklah seperti berzanji dan marhaban. Ianya turut disahkan dengan pengajaran agama pelbagai peringkat dan pembangunan sastera lisan oleh penarik gembang yang berkembang di zaman anakanda beliau iaitu Tok Ku Syed Saggaf yang digelar Engku Klana Raja oleh Sultan Terengganu. Di antara mereka yang tersohor namanya ketika itu termasuklah Pak Man Janggut.

Tradisi mengajar ilmu agama yang disemarakkan oleh Pak Man Janggut di Hulu Terengganu tersebut turut diwariskan kepada anaknya, Khatib Jusoh yang turut terkenal dengan ilmu agama di Hulu Terengganu. Seni suara tersebut kini diwarisi pula oleh anaknya, Puan Hafsah Jusoh yang mula mengangkat nama Negeri Terengganu dalam pelbagai pertandingan seni suara terutama menerusi lagu asli di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan.

Pernah Menjadi Bintang Tersohor

Puan Hafsah Jusoh mulai menyanyi sejak tahun 1957 dan pernah memenangi pelbagai pertandingan nyanyian di antaranya:-

- ***Johan Pertandingan Lagu Asli RTM (1970)***
- ***Johan Pertandingan Dendang Rakyat (1980)***
- ***Johan Pertandingan NYanyian Lagu P. Ramlee Peringkat Negeri Terengganu (1993)***
- ***Naib Johan Nyanyian Lagu Asli & Langgam MAKSAK Malaysia (1999)***
- ***Johan Lagu-lagu Asli Kawasan Timur (1999l***
- ***Johan Pertandingan Lagu P. Ramlee RTM Kawasan Timur (2000)***
- ***Johan Nyanyian Lagu Asli MAKSAK Malaysia (2001)***



Lagu nyanyian beliau yang amat popular dan telah diadaptasikan ke drama TV ialah Selasihku Sayang. Beliau juga pernah merakamkan lagu dalam album Senandung Terengganu terbitan kerajaan Negeri Terengganu. Di antara lagu lainnya yang terkenal termasuklah berjudul Bukit Puteri dan Kain Songket.

Album CD Dendang Rakyat Terengganu nyanyiannya yang diterbitkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) turut memuatkan Lagu-lagu rakyat Terengganu antaranya Ulik Mayang, Anak Udang, Anak Burung Baniong, Itik Gembo-gembo dan Ayun Buai Kokek.

Hafsah Jusoh juga sering kali menerima undangan menyanyi di dalam pelbagai majlis penting seperti Malam Menjunjung Kasih Bersama DYMM Permaisuri Terengganu (2001) dan festival seperti Festival Tari (2002, 2003).

Di antara anak didik beliau yang telah berjaya termasuklah dua (2) adik-beradik iaitu Mohd Edy Nazren Hamzah dan Mohd Najib Hamzah yang turut pernah memenangi Bintang Asli Remaja Kebangsaan di samping anaknya sendiri Kuna yang pernah merangkul Johan Pertandingan Primula Idol.

Citra Budaya 94

Hafsah Jusoh seorang artis veteran tersohor, sukar dicari ganti dan tidak pernah lokek ilmunya, merupakan seorang finalis Anugerah Seni Terengganu 2005 anjuran Kerajaan Negeri Terengganu dalam kategori Karyawan Seni (Muzik) yang diadakan pada 24 Februari 2006 bertempat di Dewan Besar, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.

Beliau yang memasuki usia 73 tahun pada 29 Jun lalu sering dijemput memeriahkan pelbagai program anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (JKKN) menerusi program Lanai Seni, Laman Seni, Pusat Seni Setempat (PSS), Program Merakyatkan Seni Budaya (PMS), Pesta Pantai Terengganu dan dipilih sebagai salah seorang panel Program Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 Peringkat Negeri Terengganu.

Beliau juga adalah penerima Anugerah Penggiat Seni Muzik Terengganu 2010 dari anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Terengganu sempena pelaksanaan Program Merakyatkan Seni Budaya (PMS): Kawasan Luar Bandar Bil. 2/2010 Negeri Terengganu bertempat di Dataran Bestari, Kg. Padang Polis, Batu Rakit, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman pada 16 April 2010.

Selain itu, beliau juga pernah menerima Anugerah Pendukung Seni Negeri Terengganu 2015 daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Terengganu yang telah diadakan pada 17 November 2015 bertempat di Batu Burok Beach Resort, Kuala Terengganu.

Segala sumbangan jasa dan bakti yang telah dicurahkan dalam memperjuangkan lagu asli dan rakyat Negeri Terengganu telah melayakkan beliau menerima kurniaan pelbagai darjah kebesaran termasuklah PJK, AMT dan SMT daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Terengganu.





Keadaan beliau kini yang agak uzur tidak mengizinkan untuk bergerak aktif dan menyanyi seperti dahulu setelah diserang angin ahmar (strok)







Foto Zaman Kegemilangan Primadona Hafsah Jusoh

BUDAYA

Penggiat seni suara Mama Habsah tetap tersenyum dan bahagia

Oleh: Ruslan Abdul Rahman

SUARANYA merdu dan gemersik. Ramai peminat yang merindu untuk mendengar nyanyian 'Mama Habsah'. Di mana mama Habsah kini...

Ya, di mana Habsah Jusoh, penyanyi yang berusia 63 tahun itu menghilang?

"Katakan kepada para peminat saya uzur sekarang. Beritahulah saya diserang angin ahmar dan saya tidak berdaya seperti dulu lagi.." demikian pilunya penulis mendengar pernyataan dari Puan Habsah ketika ditemui di rumahnya di tingkat 3, Flat Seri Kolam, Kuala Terengganu yang tidak jauh letaknya dari Wisma Darul Iman. Pusat pentadbiran negeri.

Telah lebih setahun beliau terpaksa berkurung di rumahnya, meski penuh dengan kesepian dan kesayuan, terutama mengenang nasib diri dan masa depan. Demikian seorang anak seni yang banyak berjasa.

Menteri Besar, Dato' Seri Haji Ahmad Said pada tahun lepas telah melawat dan menghulur bantuan pada tahun lepas.

Mama Habsah tetap tersenyum dan bahagia, biarpun sedang diuji dengan penyakit yang membuatkan dia tidak dapat aktif seperti dulu lagi.



Tidak ramai yang tahu, di sebalik senyuman manis Habsah Jusoh, tersirat kesepian kerana lebih setahun terpaksa berkurung di dalam rumah akibat diserang angin ahmar.



Sekali-sekala Habsah Jusoh tenang dan gembira apabila ada juga rakan taulan yang tahu mengenai beritanya sempat melawat beliau di rumahnya di Flat Seri Kolam, Kuala Terengganu.

Bersama penyanyi Terengganu juga, M.Ibrahim di era tahun 1978 mereka berduet mendendangkan lagu Selasihku Sayang yang menjadi tema kepada drama TV waktu itu.

Menurut beliau, asalnya cerita cinta itu ialah Lubuk Mati Bertiga, karya Alias Ali kemudian ditukar menjadi Selasihku Sayang.

Lagu itu kemudiannya digubah oleh Taib Othman dan diberi nyanyikan oleh Ahmad Jais dan Allahyarham Datin Rafeah Buang.

Dalam sejarah penglibatannya beliau pada zaman remajanya pernah memenangi Juara Bintang Asli (tahun 1970), Dendang Rakyat (1980) dan seterusnya lagi menjuarai Bintang Asli Peringkat Negeri tiga tahun berturut-turut (1990,1991 dan 1992).

Namanya cukup tersohor kerana kemerduan dendangannya, terutama lagu-lagu asli, lagu-lagu daerah, lagu ulek mayang dan juga lagu-lagu bagi muzik gamelan.

Ketika ditemui, beliu amat gembira mencentakan nostalgia lama, terutama sewaktu menganggotai Kumpulan SUKTRA di bawah Kerajaan Negeri Terengganu sehingga membuat persembahan di luar negara.


"Jangan buang budaya kita, jangan buang budaya kita, warisilah perjuangan kami yang sudah tidak berdaya lagi," rayu Mama Habsah yang cukup bimbang pemujaan ke atas budaya barat yang keterlaluan pada masa kini oleh sesetengah pihak.

Penyanyi yang berasal dari Kuala Berang itu telah dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, S.M.T, A.M.T dan P.J.K. sebagai menghargai jasa dan penglibatan beliau kepada negeri.

Di kala ini biarpun terlantar sepi di rumahnya, Puan Habsah seorang ibu tunggal ditemani anak bongsunya tetap masih mengingati bait-bait lagu yang pernah dipopularkannya.

Sesiapa yang ingin melawat atau membantu veteran seni suara ini bolehlah berkunjung ke rumahnya di flat berkenaan (flat lama).

Keratan akhbar berkaitan aktiviti seni primadona Hafsah Jusoh



LAGU PILIHAN UFF

HAFSAH ZAKARIA

SELASIHKU SAYANG

Kusiram selasih
Kusiramkan di hujung halaman
Mengenang kekasih
Aduh sayang yang engkau tinggalkan

Kutinggal kekasih
Kutinggalkan di kampung halaman
Kutanam selasih
Wahai teras lambang percintaan

Hai muda bistari
Kasih yang dirindu
Kubelai selalu sayang
Moga takkan layu
Cinta yang sejati kekal dan abadi

Hai kencana dewi
Kau tetapku kenang
Janganlah kau bimbang intan
Kutetapkan pulang
Di sisimu sayang membawa harapan

(ulang rangkap 3 & 4 sekali lagi)

Nyanyian: HAFSAH ZAKARIAH & M. IBRAHIM
Ciptaan: TAIB OSMAN.

3

PERKONGSIAN ILMU:

Berfikir dan bertindak cara editor dalam penulisan

Ditulis oleh:
Wan Azlina Zakaria
Bahagian Dasar & Penyelidikan (Penyelidikan)

Penulisan ini adalah ceraian topik kuliah Sekolah Penulisan Ramadan 2021 yang berlangsung pada 18 April hingga 04 Mei 2021 oleh Persatuan Gerakan Penulis Malaysia (MyMove). Sekolah Penulisan Ramadan 2021 dikendalikan oleh 13 orang panel yang berwibawa, berpengalaman dan ahli dalam industri perbukuan negara yang merangkumi penulis, editor, penerbit dan pengkritik buku. Siri kuliah sekolah penulisan pada tahun ini memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu penulisan, penerbitan dan pemasaran buku di alaf baharu. Pandangan, idea dan tip yang diberikan berdasarkan pengalaman dan pembabitan peribadi oleh pengamal industri tersebut. Inti pati penulisan mengambil mesej daripada beberapa siri kuliah yang dijalankan, selain membuat dapatan maklumat dan rujukan fakta melalui carian internet.

Penulisan yang baik sama ada ditulis secara ilmiah ataupun fiksyen, tidak sekadar dinilai melalui hebatnya topik perbincangan, jangkauan popularity mahupun kepengarangan itu sendiri. Malah, ia turut didokong bersama aspek suntingan naskhah yang kemas dan tersusun. Seorang penulis berfungsi mengeluarkan buah fikiran, pandangan, pengalaman dan idea sesebuah cerita mengikut kaedah penulisan yang diminati. Manakala editor berperanan luas dalam memastikan penulisan tersebut boleh diterima pakai dan relevan dengan masyarakat. *Menurut Steve Martin "The conscious mind is the editor and the unconscious mind is the writer".* Ini bermakna seorang penulis akan menggunakan minda bawah sedar mereka untuk menulis dan editor akan menggunakan minda sedar semasa bekerja.

Editor dalam kata lain disebut sebagai penyunting, mempunyai peranan besar dalam sesebuah penulisan. Menurut Kamus Dewan Perdana, editor ditakrifkan sebagai orang yang memperbaiki (memperkemas) dan menyediakan karangan. Peranan memperbaiki,



Imej Sumber: Unsplash Images

memperkemas dan menyediakan karangan adalah satu tugas yang rumit kerana ia bukan hanya melihat kesalahan tatabahasa, tanda baca dan ejaan semata-mata. Sebaliknya tanggungjawabnya lebih meluas dalam pelbagai aspek termasuklah mengkaji, membaiki, memperkemas dan menyusun semula binaan ayat, kerangka penulisan, keselarasan bahasa & cerita, kelancaran penulisan (kesinambungan antara ayat dan perenggan), menyemak kesahihan fakta, nilai tambah dan memastikan kesesuaian penulisan dengan minat semasa pembaca serta memperaku manuskrip tersebut. Kerja-kerja penyuntingan yang merangkumi kerja mengenal pasti kesalahan ejaan, tatabahasa dan tanda baca hanya meliputi 10 hingga 20 peratus daripada keseluruhan kerja sebenar editor.

Peranan Editor

Secara praktisnya, sesebuah rumah penerbitan mempunyai beberapa editor yang berperanan secara kolektif. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menerangkan peranan seorang editor dalam sesebuah penerbitan seperti yang berikut;

KATEGORI	PERANAN
Editor Pengurusan	Merancang gerak kerja pasukan editorial, pereka, promosi dan pencetakan, membuat perancangan penerbitan dan belanjawan tahunan secara keseluruhan.
Editor Perolehan	Merancang penulisan judul baharu, mengenal pasti penulis, menguruskan dokumen perjanjian bersama penulis, menilai mutu manuskrip, mencadangkan cetak semula judul sedia ada, meramal jualan, membuat anggaran kos perbelanjaan,laporan projek, menganggarkan jumlah cetakan dan harga jualan.
Editor Substantif	Bertanggungjawab terhadap isi kandungan dan keseluruhan bentuk, susunan dan konsep buku. Tumpuan kepada perincian kandungan dan gaya persembahan.
Editor Bahasa	Melihat dan membaiki aspek kesalahan tanda baca, ejaan dan tatabahasa.
Editor kopi/ naskhah	Menyunting manuskrip bagi setiap baris ayat, memeriksa kesahihan fakta dengan pakar bidang, meneliti keselarasan dan gaya persembahan dan membuat penandaan manuskrip untuk diatur huruf.
Editor Pengeluaran	Memastikan kerja atur huruf, semakan pruf Naskhah Sedia Kamera (NSK) dan penetapan harga sebelum judul dicetak.

Namun bukan semua rumah penerbitan akan menggunakan khidmat editor dalaman (*in-house*) sepenuhnya. Kebanyakannya hanya menggunakan dua atau tiga orang editor sahaja. Jika perlu, mereka akan mendapatkan editor-editor bebas yang bersesuaian bagi membantu proses editorial manuskrip tersebut. Ini bertujuan mengelakkan kos operasi bulanan yang tinggi ditanggung oleh pihak rumah penerbitan.

Secara mudah, editor boleh dianggap sebagai pengurus buku yang mempunyai empat tugas utama iaitu perancangan, perundingan, pengurusan dan penyuntingan.

A. Perancangan

Perancangan merupakan tugas editor yang paling penting. Jika editor salah membuat perancangan, berkemungkinan buku yang diterbitkan menjadi kurang berkualiti, salah masa (*wrong timing*) penerbitan dan kesilapan konsep yang kurang sesuai dengan keadaan semasa. Keadaan ini boleh menyebabkan penjualan buku sama ada merosot, sukar dijual ataupun tidak sesuai untuk dijual. Terdapat tujuh perkara utama dalam proses perancangan iaitu:

PERKARA	HURAIAN
Apa Yang Akan Diterbitkan	● Editor perlu bekerja ke depan dengan membuat perancangan buku yang akan diterbitkan dalam tempoh setahun. Beliau akan mengkaji trend semasa pembaca buku. ● Perancangan penerbitan boleh merangkumi penerbitan daripada bank manuskrip yang telah dinilai sebelum ini atau menerbitkan buku baharu sepenuhnya. ● Editor akan membuat kajian pasaran dengan pergi ke kedai buku, berjumpa dengan ejen jualan atau membuat soal selidik tentang genre yang diminati oleh pembaca. ● Editor akan membuat kajian pasaran dengan pergi ke kedai buku, berjumpa dengan ejen jualan atau membuat soal selidik tentang genre yang diminati oleh pembaca. ● Sebagaimana editor, penulis juga perlu mengkaji kesesuaian pasaran semasa dan akan datang supaya penulisannya boleh dijual. Ini berbeza dengan penulis yang menulis untuk kepuasan diri. Genre buku mereka lebih bebas dan tidak terikat dengan kehendak pasaran semasa.
Menentukan Bila Akan Diterbit	● Penerbitan buku bergantung kepada musim seperti musim cuti sekolah, musim orang berkahwin, musim haji, pesta buku dan sebagainya. Editor harus sentiasa mengambil tahu perubahan situasi semasa. Ini disebabkan sesetengah buku lebih laris dijual semasa musimnya.
Menyediakan Jadual Penerbitan	● Editor perlu menyediakan dan menyusun jadual penerbitan buku-buku. ● Editor perlu menjangka (*predict*) kehendak pasaran akan datang dan menyusun jadual sebaiknya.
Menyediakan Jadual Penerbitan	● Memilih penulis dan genre ● Editor perlu menyediakan pelan sokongan jika penulis yang telah dilantik tetapi kemudian menarik diri. Penulis baharu perlu dilantik. ● Penulis pula seharusnnya jelas dengan tugas mereka dan perlu memberikan komitmen sepenuhnya kepada editor bagi menjamin kelancaran penerbitan buku.

Menyediakan Strategi Pelaksanaan	• Editor perlu merancang pelan strategi bagi memastikan penerbitan buku mengikut jadual. • Susunan gerak kerja yang sesuai perlu disediakan. • Editor akan memastikan jangka masa yang diperlukan bagi setiap operasi penerbitan yang melibatkan penulisan, suntingan, semakan pruf, reka bentuk, cetakan dan sebagainya. • Editor juga terlibat dalam membantu perancangan pemasaran buku dengan menyediakan input-input promosi, rekaan awal dan lain-lain. • Penulis pula harus sedar bahawa editor tidak dapat menumpukan perhatian kepadanya sahaja kerana editor mempunyai banyak kerja lain yang perlu disiapkan.
Konsep Buku	• Editor perlu bekerjasama rapat dengan pereka grafik untuk mencapai kata sepakat dalam penyediaan konsep buku. • Ada rumah penerbitan yang menyediakan beberapa rekaan konsep buku dan memuat naik dalam media sosial. Ini menjadi strategi psikologi pembacaan kerana secara tidak langsung, pembaca akan mengetahui buku baharu akan diterbitkan. • Selain itu, ia menunjukkan pilihan (*preference*) pembaca melalui analisis kajian pembaca.
Bajet	• Editor akan menyediakan kertas cadangan perbelanjaan penerbitan yang diperlukan. Kos-kos bayaran penulis, reka bentuk, ilustrasi, pencetakan, harga jualan dan sebagainya perlu disusun dengan baik. • Kesilapan pengiraan akan menyebabkan editor mempunyai masalah kewangan dalam penerbitan buku.

B. Perundingan

Proses perundingan melibatkan siri perbincangan di antara editor dengan beberapa pihak berkaitan seperti penulis, pereka, pengurusan hak cipta dan royalti, syarikat percetakan dan bahagian promosi dan pemasaran. Proses perundingan amat penting supaya editor dan pihak-pihak berkaitan dapat mencapai kata sepakat untuk menghasilkan sebuah buku yang dapat dijual kepada masyarakat. Kegagalan proses perundingan boleh memberikan impak besar sama ada buku tidak dapat diterbitkan mengikut jadual, buku tidak menarik atau tidak terjual mengikut perancangan dan pastinya ini akan merugikan rumah penerbitan tersebut.

C. Pengurusan

Proses ini juga melibatkan proses penilaian manuskrip yang dilakukan oleh editor pengurusan. Selepas menilai manuskrip, editor akan menyediakan kertas cadangan kepada pihak pengurusan untuk menilai kesesuaian penerbitan manuskrip tersebut. Proses penilaian melibatkan pelbagai pihak dalam rumah penerbitan iaitu pihak pengurusan, unit jualan, pemasaran, reka bentuk dan sebagainya. Editor perlu menetapkan tempoh atau jangka masa yang diperlukan dalam menyiapkan sesebuah buku. Pengurusan masa ini termasuklah tempoh suntingan, pruf, jadual gerak kerja, susun letak, promosi hingga buku dihantar untuk pencetakan. Editor perlu memastikan pengurusan setiap aspek penerbitan menepati jadual yang telah ditetapkan.

D. Penyuntingan

Proses penyuntingan ini dikendalikan oleh editor perolehan yang mempunyai beberapa editor yang berkaitan di bawahnya. Terdapat tiga (3) proses penyuntingan yang utama iaitu:

i) Suntingan isi, fakta dan struktur manuskrip. Editor akan meneliti susunan pengisian buku sama ada kemas atau berterabur. Sebelum menghantar manuskrip, penulis digalakkan untuk meneliti semula susunan kandungan buku. Penulis perlu memastikan fakta rujukan adalah benar dan bukan bersandarkan pandangan peribadi semata-mata. Elakkan ayat seperti "Pada pemerhatian saya, mengikut perkiraan saya, pada pandangan saya" dan sebagainya yang merujuk kepada pembuktian fakta yang tidak jelas. Perbanyakkan logik waktu berbanding logik akal. Editor boleh mengembalikan manuskrip kepada penulis supaya dibuat penambahbaikan.

ii) Suntingan bahasa dilakukan bagi mengenal pasti kesalahan ejaan, tatabahasa dan tanda baca. Proses ini diselia oleh editor bahasa dan dibantu oleh penyemak pruf (*proofread*). Kesalahan bahasa adalah sesuatu yang biasa berlaku namun paling penting adalah memastikan supaya kesalahan atau kesilapan remeh/biasa tidak berulang. Editor bahasa sentiasa merujuk kepada kamus bahasa dan tatabahasa untuk memastikan penggunaan tatabahasa dan ejaan yang betul. Adakala penggunaan bahasa yang menjadi kelaziman selama ini adalah tidak tepat atau salah. Oleh itu, menjadi tugas editor untuk membiasakan yang betul supaya ia menjadi amalan dalam penulisan dan pembaca dapat melihat penggunaan bahasa yang sebenarnya.

iii) Suntingan mengikut *in-house style* atau gaya penulisan rumah penerbitan. Setiap rumah penerbitan mempunyai satu gaya penyuntingan yang menjadi identiti masing-masing. Penulis dan pembaca dapat mengenali gaya penyuntingan yang tersendiri dan berbeza di antara satu rumah penerbitan dengan rumah penerbitan yang lain. Ia boleh dilihat melalui peletakan bahasa, teknik penulisan, imej gambar, format dan sebagainya.

Berfikir dan Bertindak Cara Editor

> ***"Orang boleh pandai setinggi langit tapi selama ia tidak menulis, ia akan hilang di dalam masyarakat dan dari sejarah. Menulis adalah bekerja untuk keabadian."***
>
> *Pramoedya Ananta Toer, Sasterawan Besar Indonesia*

Sebagaimana editor, penulis juga melalui fasa-fasa penulisan tersebut. Bezanya di sini, penulis menggarap idea berdasarkan pandangan, pengalaman dan pegangan ideologi peribadi, yang diterjemah melalui genre penulisan seperti biografi, memoir, travelog, novel dan sebagainya. Penulis mempunyai kebebasan untuk meletakkan cerita pada alur yang difikirkan sesuai. Manakala tugas editor lebih tertumpu kepada mengindahkan penulisan dalam ruang lingkup sedia ada. Bagi menghasilkan sebuah karya yang baik apatah lagi hebat, gabungan kreativiti dan formaliti akan saling berkait. Kedua-dua pihak harus saling berkomunikasi dan memahami falsafah di sebalik penghasilan buku tersebut. Tanpa menidakkan sumbangan editor, penulis sewajarnya berfikir dan bertindak menggunakan kaedah yang sama semasa melakukan penulisan.

Perlunya satu perancangan gerak kerja yang sistematik dalam menyusun tugas dengan lebih teratur dan menepati jadual masa yang telah ditetapkan. Penetapan garis masa penulisan, reka letak, susun atur, pencetakan dan promosi yang jelas menjadi panduan kepada semua pihak berkaitan supaya kekal fokus bagi memudahkan proses pengurusan penerbitan buku. Masa itu wang. Kerja-kerja yang tidak diselia dengan baik akan menyebabkan kerugian kepada rumah penerbitan. Penulis perlu memberikan komitmen sepenuhnya dengan menghasilkan manuskrip yang bermutu.

Penulis perlu menyediakan perancangan sebelum membuat keputusan untuk memulakan penulisan manuskrip. Perkara ini sangat penting kerana tanpa perancangan yang jelas boleh mencacatkan kualiti buku. Malah lebih buruk, ia boleh menggagalkan usaha menghasilkan sebuah karya. Kajian pasaran dilaksanakan dengan melihat situasi sosiopolitik semasa. Kajian ini memberikan gambaran tentang kecenderungan pembacaan, genre, topik, isu dan identiti khalayak pembaca itu sendiri. Penulis haruslah jelas dengan perubahan-perubahan semasa yang menjadi pembolehubah kepada minat pembaca. Sebelum tahun 20-an, pembacaan buku adalah secara konvensional yang diterbitkan secara fizikal. Namun menjelang tahun 20-an, fasa digital menerusi revolusi industri (IR 4.0) yang menganjak pendigitalan teknologi dalam banyak aspek kehidupan, telah menyebabkan

pembacaan secara maya lebih popular dicapai dalam pelbagai medium. Peluasan aplikasi internet membuka ruang yang lebih luas kepada kebolehjangkauan maklumat dengan lebih cepat dan mudah daripada pelbagai sumber. Cabaran teknologi di hujung jari ini menjadi persaingan kepada penghasilan buku secara fizikal. Penulis perlu peka dan segera mengadaptasi kepada perubahan-perubahan yang berlaku. Kegagalan penulis untuk menyedari perubahan semasa akan mempengaruhi potensi pasaran sesebuah buku tersebut. Lonjakan teknologi seharusnya menjadi 'rakan' yang membantu merancakkan industri perbukuan.


Laporan Limelight Network Inc. pada tahun 2018 mendedahkan 69 peratus rakyat Malaysia tidak boleh hidup tanpa telefon pintar dan seramai 74.7 peratus responden suka membaca buku digital. Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia pada 2014 pula menunjukkan 46 peratus responden turut menganggap media baharu seperti *Facebook, Blog, Twitter* sebagai bahan bacaan mereka. Kesannya dapat dilihat melalui kajian oleh Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) menunjukkan pengeluaran buku pada 2017 hanyalah sekitar RM800 juta sahaja dan angka ini dilihat semakin menurun. Perangkaan yang tidak seimbang ini memerlukan pemahaman penulis untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran baharu budaya membaca di Malaysia. Perkara ini juga sering diperdebatkan oleh rumah penerbitan dalam usaha memudahcara capaian pembaca buku. Ia hendaklah ditangani segera supaya industri perbukuan tidak terus terkebelakang.

Menurut Mazniza Mohd Noor, editor pengurusan di MustRead Sdn. Bhd, menetapkan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian semasa memulakan penulisan. Antaranya ialah pemilihan tema. Penulis perlu mengetahui tema yang ingin ditulis sama ada kisah hidup, kisah seram, fantasi, novel cinta, anekdot motivasi atau novel kanak-kanak. Selain itu, penulis harus jelas dengan isu yang ingin disampaikan. Setiap penulis mempunyai pilihan sama ada untuk mengekalkan isu-isu kemasyarakatan, kritikan sosial, budaya dan agama yang ditunjangi dengan persoalan yang mencabar. Pastinya mempunyai rangkaian peminat yang lebih selektif. Berbeza dengan pemaparan isu-isu yang lebih kontemporari dan mendekati jiwa pembaca muda khususnya mempunyai lingkungan pembacanya lebih meluas.

"Menulis itu satu perkara yang derita". Demikian pandangan Prof. Martin Van Bruinessen, penulis Buku Kuning, menggambarkan betapa sulitnya menjadi seorang penulis. Sebuah karya yang baik menuntut banyak usaha dan pengorbanan. Penulis akan menghadapi pelbagai cabaran dalam mempertahankan pemikiran, ideologi dan perjuangan dengan kepentingan peribadi. Tidak mudah menyampaikan mesej kepada masyarakat. Tuan S.M. Zakir, penerima anugerah S.E.A Write Award 2011 dan seorang editor bebas, berpandangan sebuah penulisan yang baik harus memasukkan unsur-unsur visual dalam penceritaan. Seorang penulis perlu melakarkan suasana dan persekitaran dalam konteks yang sangat asli (*real*) melalui medium latar itu yang akan menghidupkan segala struktur dalam cerita. Watak, cerita, naratif, tema dan sebagainya akan muncul dalam latar tersebut. Melalui perincian latar, pembaca seolah-olah dapat merasai bukan sahaja latar persekitaran malah budaya dan pemikiran masyarakat setempat turut diangkat supaya pembaca dapat menyelami falsafah di sebalik penulisan tersebut. Penulis yang mapan akan menggunakan kaedah latar lima dimensi dengan menggabungkan lima latar pancaindera dalam cerita iaitu visual (rasa), pandangan (penglihatan), bunyi (pendengaran), bau (hidu) dan sentuhan. Perkara ini turut disokong oleh Sasterawan Negara, Dr. Siti Zainon Ismail yang menegaskan sesebuah penulisan haruslah senang dibaca supaya pembaca dapat mempelajari sesuatu daripada karya tersebut. Penulis perlu mengenal pasti sejarah budaya yang ada di persekitaran mereka, sebelum menulis tentang budaya orang lain. Ini akan mengukuhkan jati diri penulis yang melihat budaya itu secara realiti dan dapat divisualkan melalui imaginasi. "Berfikirlah seperti orang bijak tetapi berbicaralah seperti orang kebanyakan" (www.miorazli.com, May 2020) adalah perumpamaan yang jelas meletakkan falsafah pemikiran dalam penulisan. Lihat sahaja naskhah-naskhah besar seperti Salina (SN A. Samad Said), Hari-hari Terakhir Seorang Seniman (SN Shahnon Ahmad), Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (SN Keris Masa), Warisan (Abd. Talib Hassan), Sakura Mengorak Kelopak (SN Arena Wati), Interlok (SN Abdullah Hussain), Lepaskan Kembali Aku ke Laut (Shaari Isa), Juara (SN S. Othman Kelantan), Putera Gunung Tahan (Pak Sako) dan Tulang-tulang Berselerakan (SN Usman Awang) yang mengutarakan tema persoalan yang malar segar, mengangkat budaya dan pemikiran masyarakat setempat dan peletakan bahasa dan visual pada tempatnya. Naskhah ini menjadi karya agung (masterpiece) yang dirujuk sepanjang zaman kerana penulisnya memahami pentingnya menanam emosi, menumbuhkan empati dan mengikat diri pembaca dengan mesej yang ingin disampaikan. Bahasa yang mudah disaratkan dengan mesej yang tersirat!

Perkara yang tidak kurang penting adalah mengenali khalayak pembaca itu sendiri. Setiap pembaca mempunyai kecenderungan pembacaan yang berbeza. Pembaca kanak-kanak lebih berminat membaca buku-buku berunsur grafik dan penulisan yang ringkas. Pembaca remaja pula cenderung kepada isu-isu remaja dan budaya popular semasa seperti K-pop, Hip Hop, percintaan dan lain-lain. Manakala golongan profesional akan fokus kepada buku-buku berkaitan bidang kepakaran masing-masing. Kajian Picodi 2020

menunjukkan trend semasa rakyat Malaysia pada 2019 lebih memilih genre fiksyen sastera (76 peratus), fiksyen bukan sastera (53 peratus) dan bukan fiksyen berteraskan sastera (36 peratus). Secara spesifiknya genre popular ialah cerita seram, cinta, fiksyen jenayah dan pengembaraan. Penulis yang mengenali sasaran pembacanya akan dapat menentukan gaya penulisan sesebuah buku.



Kajian Picodi menemukan 76 peratus (18 juta) rakyat Malaysia membeli sebuah buku setahun.
(sumber: Astroawani.com, 19 Jun 2020)

Membaca itu mempunyai tujuan berbeza bagi setiap individu. Ada yang membaca untuk menambah pengetahuan atau semata-mata untuk lulus peperiksaan dan ada juga sekadar hobi untuk bersantai sahaja. Statistik yang didedahkan oleh Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014 menunjukkan 80 peratus responden membaca untuk menambah pengetahuan manakala 64 peratus responden menganggap membaca aktiviti sekadar hobi mengisi masa lapang. Apabila penulis telah mengenal pasti sasaran pembaca maka penulisan akan menjadi lebih terarah. Penulisan haruslah jelas, mudah dan menarik bersesuaian dengan tahap pembaca tanpa permainan bahasa yang kompleks. Secara tidak langsung, penulis turut berperanan sebagai pemikir dan pendakwah melalui penulisan yang mempengaruhi minda pemikiran masyarakat. Menulis mempunyai kelebihan dalam mendidik, memprotes dan menegur tanpa membuatkan pembaca berasa bersalah tanpa dipersalahkan. Kreativiti penulis dalam mengatur ayat dan menyelami reaksi akan menentukan emosi pembaca.

Merujuk kepada laporan Perangkaan Demografi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan populasi rakyat Malaysia bagi suku tahun pertama 2021 dianggarkan seramai 32.75 juta orang. Statistik perangkaan ini merangkumi 7.56 juta (23.08 peratus) penduduk bawah 14 tahun, 22.83 juta (69.70 peratus) penduduk berumur di antara 15 hingga 64 tahun dan baki seramai 2.37 juta (7.23 peratus) bagi penduduk berusia 65 tahun ke atas. Perangkaan tersebut memberikan gambaran jelas terdapat sekurang-kurangnya 25.2 juta adalah potensi pembaca buku yang berdaya beli dan angka ini menguasai kira-kira 77 peratus pasaran buku negara. Perangkaan yang sedikit meningkat berbanding 76 peratus pada tahun 2018. Kajian Interim Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mendapati budaya membaca rakyat Malaysia pada tahun 2014 adalah sebanyak 15 buah buku setahun berbanding hanya dua hingga lapan buah buku pada tahun 2010 dan angka ini semakin meningkat saban tahun. Penganjuran Pesta Buku Antarabangsa 2013 hingga 2019 turut merekodkan jumlah pengunjung tidak kurang daripada 1 juta orang dengan nilai belian buku mencecah jutaan ringgit. Statistik ini membuktikan pasaran industri perbukuan negara sememangnya mempunyai potensi besar untuk dikembangkan. Satu perkara yang penting, sama ada buku diterbitkan secara bercetak mahupun digital, kedua-duanya tidak boleh wujud tanpa penulis. Walaupun wujud pandangan mengatakan dunia digital telah mengambil alih pasaran buku konvensional namun ia disangkal.

Berdasarkan kajian PEW Research Centre pada 2019 menunjukkan ramai orang lebih gemar menggunakan buku fizikal dan menjadikannya sebagai bahan bacaan mereka. Seramai 72 peratus golongan dewasa Amerika membaca buku dalam pelbagai format dan 65 peratus responden membaca buku bercetak. PEW Research Centre ialah sebuah pertubuhan bebas berpangkalan di Washington D.C, Amerika Syarikat yang mengkaji isu-isu semasa, pendapat awam dan demografi melalui kaji selidik pendapat dan penyelidikan demografi di Amerika dan seluruh dunia. Data ini disokong oleh kajian Pasukan Analisis Picodi.com yang dikemukakan pada 30 April 2020 merumuskan majoriti pembaca di Malaysia masih kekal dengan pembacaan buku fizikal.


Picodi.com merupakan sebuah agensi kepenggunaan yang menjalankan kajian tentang minat membaca dan membeli buku dalam kalangan rakyat Malaysia. Kajian dijalankan terhadap budaya membaca pada tahun 2018 di 41 buah negara melibatkan 7,800 responden, mendapati Malaysia berada dalam ranking keenam paling aktif berbelanja membeli buku secara transaksi dalam talian mengatasi negara serantau Singapura, Indonesia, Filipina dan Vietnam.

Trend Pembelian Buku dalam Talian 2019



Kajian Picodi 2019 menunjukkan tabiat daya beli menunjukkan Malaysia berada dalam ranking keenam teratas antara 41 buah negara bagi pembelian buku dalam talian.
(sumber: Astroawani.com, 19 Jun 2020)

Trend Pembelian Buku di Malaysia pada Tahun 2019



(sumber: Astroawani.com, 19 Jun 2020)

Setelah mengkaji pasaran dan trend semasa pembaca, penulis seperti editor akan membuat semakan fakta dengan pakar bidang dan lain-lain sumber maklumat yang sahih. Isu plagiarisme, maklumat tidak benar, kesilapan istilah, nama, pangkat dan sumber merupakan satu isu yang sangat sensitif. Satu perkara yang perlu difahami adalah pengesahan fakta merupakan tugas penulis dan editor hanya bertindak sebagai double checker kesahihan fakta tersebut. Penulis hendaklah merujuk kepada sumber yang boleh dipercayai dan sahih sebelum memasukkan fakta atau maklumat tersebut dalam penulisan. Kecanggihan teknologi hari ini mempunyai rangkaian laman sesawang, *blog, YouTube, Instagram* dan media sosial yang menjadi sumber rujukan utama ramai orang. Masalahnya bukan semua maklumat tersebut adalah benar. Sering kali maklumat tersebut telah dimanipulasi hingga sukar disahkan kesahihannya. Bukan mudah untuk mendapatkan fakta yang betul. Di Malaysia terdapat empat agensi utama yang melakukan semakan fakta atau fact check iaitu *Mycheck Malaysia* (www.mycheck.my), Sebenarnya.my, AFP dan Fab Check Lab. Manakala semakan kesahihan sumber dalam talian seperti video, media sosial, gambar, berita dan sebagainya boleh dicapai di *Osint Essential, FirstDraft* dan *Bellingcat*. Agensi-agensi ini berfungsi sebagai pusat semakan fakta dan melaporkan maklumat sebenar kepada masyarakat.

Dalam dunia internet, semua maklumat yang telah dimuat naik akan kekal walaupun telah dipadam. Ia dipanggil jejak digital (*digital footprint*) yang merekodkan semua maklumat dan capaian dalam talian yang lengkap dengan tarikh, sumber asal, maklumat berkaitan dan sebagainya. Oleh itu, maklumat asal boleh dicapai semula dengan lebih mudah. *The truth is not sexy* kerana maklumat yang benar selalunya tidak menarik minat pembaca. Ramai penyemak fakta dari dalam dan luar negara bersependapat bahawa daripada 100 orang yang telah membaca maklumat salah/tidak benar, hanya maksimum 10 peratus akan menerima maklumat betul yang telah disebar semula. Ini bermakna 90 peratus lagi pembaca tidak mengulang semak sama ada maklumat yang dibaca adalah betul atau salah. Selain itu, semakan ejaan nama dan pangkat seseorang juga perlu dititikberatkan terutamanya apabila melibatkan orang kenamaan, hubungan diplomatik dan perkauman. Isu plagiat pula dikelaskan sebagai pencerobohan intelektual tanpa mendapat keizinan pemiliknya. Isu-isu ini perlu ditangani dengan baik bagi mengelakkan kerosakan moral, kesilapan identiti dan penerimaan maklumat salah dalam masyarakat. Ini merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang dan etika penulisan.

Penulis yang culas akan hilang kredibiliti mereka. Apabila telah berlaku kesilapan fakta, penulis perlu bertanggungjawab dengan memberikan pemakluman semula kepada masyarakat umum. Jika melibatkan karya bercetak, penulis boleh menampal pelekat pada fakta yang silap selain membuat pemakluman dalam medium sosial. Tugas semakan fakta bukan suatu tugas yang mudah. Ia memerlukan masa untuk membuat rujukan silang (*cross reference*) daripada pelbagai sumber. Maklumat yang benar dan mencukupi akan menjadikan masyarakat lebih baik. Lambakan maklumat yang tidak pasti kebenarannya, akan memberi kesan yang tidak baik kepada masyarakat. Justeru itu penulis perlu menjaga integriti dalam penulisan.

Pada peringkat akhir penulisan manuskrip, penulis hendaklah melakukan proses penyuntingan awal penulisan sebelum manuskrip tersebut dihantar kepada rumah penerbitan. Proses suntingan ini dapat menjaga kualiti penulisan tersebut dan bukanlah sekadar cacamarba atau syok sendiri. Aspek penyuntingan wajar ditekankan memandangkan kerja-kerja penyuntingan memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Beberapa aspek yang sering dipertimbangkan semasa membuat penyuntingan ialah tahap kesukaran tugas, jumlah halaman manuskrip, penyemakan fakta oleh pakar bidang dan tempoh masa yang diperlukan. Berdasarkan semakan di beberapa buah institusi pengajian tinggi, agensi perbukuan, rumah penerbitan dan editor bebas pada bulan Mac 2021, mendapati kadar bayaran penyuntingan dan semakan pruf secara puratanya menelan belanja sekitar RM2,500.00 bagi sebuah manuskrip. Kadar bayaran ini adalah tidak tetap dan bertakluk kepada tahap profesionalisme seorang editor. Kebiasaannya kadar ini melibatkan 2 hingga 3 fasa kerja penyuntingan sahaja. Jika memerlukan suntingan tambahan, kadar bayaran lain akan dikenakan bergantung kepada persetujuan di antara penulis dan editor terbabit.

Editor	Skop Tugas	Kadar *100 halaman *30,000 perkataan	Jumlah
Dewan Bahasa & Pustaka (DBP)	1. Suntingan 2. Semakan Pruf	RM0.05/perkataan RM0.01/perkataan	RM1,800.00
Universiti Putra Malaysia (UPM)	1. Suntingan 2. Semakan Pruf	RM40.00/200 perkataan RM10.00/50 perkataan seterusnya	RM6,000.00
Universiti Malaysia Sabah (UMP)	1. Suntingan 2. Semakan Pruf	RM0.10/perkataan RM3.00/1000 perkataan	RM3,090.00
Universiti Malaysia Terengganu (UMT) * bayaran kepada editor luar. Tidak menawarkan khidmat suntingan.	1. Suntingan 2. Semakan Pruf	RM10.00/halaman RM5.00/halaman seterusnya RM3000 - maksima Tiada maklumat	RM1,000.00
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	1. Suntingan 2. Semakan Pruf	RM12.00 - RM36.00/halaman	RM3,600.00/ RM1,800.00
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	1. Suntingan 2. Semakan Pruf	RM0.05/perkataan RM5.00/1000 perkataan	RM1,650.00

Nusa Centre	1. Suntingan 2. Semakan Pruf	RM9.00/halaman RM3.00/halaman	RM1,200.00
MustRead Sdn. Bhd	1. Suntingan 2. Semakan Pruf	RM9.00/halaman RM3.00/halaman	RM1,200.00
Uthaya Sankar **kadar baharu mulai 1 Julai 2021*	1. Suntingan 2. Semakan Pruf	RM0.10/perkataan Tidak dinyatakan	RM3,000.00

Nota: Kadar Berdasarkan Semakan di Laman Sesawang Universiti-universiti, Agensi Perbukuan, Rumah Penerbitan dan Editor Bebas Pada Mac 2021.

Di awal penulisan, penulis harus memfokuskan diri semasa menulis dengan meluahkan semua idea dalam manuskrip tanpa perlu terlalu memikirkan aspek bahasa dan format. Setelah manuskrip disiapkan, penulis perlu "memeram" manuskrip tersebut selama beberapa hari. Proses ini amat penting supaya penulis dapat melihat manuskrip dengan minda dan perspektif yang lebih baik. Setelah itu penulis membaca semula dan berfikir membuat suntingan seperti editor. Penulis harus membuat penilaian semula kesesuaian dari segi konsep, dan nilai manuskrip untuk penerbitan. Penyuntingan asas biasanya melibatkan suntingan bahasa dalam aspek tatabahasa, ejaan dan tanda baca serta keselarasan bahasa. Keselarasan bahasa dirujuk kepada struktur ayat, binaan ayat dan kesinambungan dalam penulisan. Ayat yang tidak sesuai, bertindah dan berulang boleh dikeluarkan atau dipadatkan pengisiannya. Proses ini memastikan kelancaran pembacaan. Menurut Mark Twain *"writing is easy. All you have to do is cross out the wrong words"*. Namun, implikasi sebenar adalah lebih besar. Ia bukan sekadar "membuang" atau memotong ayat atau perkataan dalam penulisan. Kesilapan memilih perkataan, susunan ayat yang tidak betul dan peletakan tanda baca yang salah, selalunya memberikan interpretasi yang berbeza-beza kepada masyarakat umum.

Nilai penulisan juga bergantung kepada nilai estetika bahasa yang digunakan. Penggunaan dan pemilihan perkataan membawa kepada penafsiran ambiguiti juga dikaitkan dengan kebudayaan sesuatu masyarakat. Bukan sahaja penulis perlu memahami makna kata berdasarkan konteks asal penggunaan perkataan, malah penulis juga hendaklah mendalami makna kata tersebut. Sebagai contoh:

i) Tapak kasut sudah haus.

haus bermakna kekurangan tebal kerana selalu digunakan.

ii) Saya berasa haus kerana cuaca panas.

haus bermaksud dahaga.

iii) Kanak-kanak itu haus akan kasih sayang ibunya

haus bermaksud sangat ingin kepadanya

Kajian semantik iaitu satu bidang kajian yang menganalisis makna kata dalam ayat mendapati perbendaharaan kata adalah penting untuk menjalin komunikasi yang sempurna. Semakin banyak kosa kata yang dikuasai oleh seseorang, semakin banyak idea atau gagasan yang mampu diungkapkannya. Editor akan menggunakan kemahiran semantik dalam memberikan maksud sesebuah penulisan supaya pembaca dapat memahami mesej yang hendak disampaikan dan penulis pula dapat mencapai matlamat mereka. Penulis perlu peka terhadap perubahan makna sesuatu perkataan mengikut perubahan masa, teknologi dan hubungan sosial dalam masyarakat. Proses ini boleh dicapai melalui usaha penulis melakukan penyelidikan bahasa dan memperbanyakkan pembacaan.

Kajian semantik tersebut memfokuskan kepada seputar dua aspek utama dalam makna kata iaitu denotasi dan konotasi. Denotasi secara mudahnya diertikan sebagai makna kata yang tersurat dan memberikan maksud yang digunakan secara umum. Kadang kala ia disebut sebagai makna kamus dan makna rujukan. Manakala konotasi merujuk kepada makna tambahan atau makna kata tersirat yang mempunyai makna kias atau berlapis dan bukan kata sebenarnya. Ia juga disebut sebagai makna emosi atau makna evalutif. Makna kiasan pada keseluruhannya terbentuk daripada analogi iaitu perbandingan antara satu perkara dengan perkara yang lain. Makna konotasi juga dipengaruhi oleh peluasan makna kata itu sendiri. Beberapa contoh denotasi dan konotasi kata yang mempunyai atau mengalami perubahan atau peluasan makna seiringi evolusi minda dan demografi politik semasa, iaitu:

1 Kaki ayam

a) Denotasi: kaki pada ayam.

b) Konotasi: kaki yang tidak berkasut.

2 Khalwat

a) Denotasi: menyendiri dalam masjid/tempat suci untuk beribadat kepada Allah SWT.

b) Konotasi: berdua-duan di antara lelaki dan perempuan bukan muhrim di tempat yang sunyi untuk tujuan maksiat.

3 Dedak

a) Denotasi: kulit padi yang ditumbuk dan dijadikan makanan binatang.

b) Konotasi: wang suapan atau duit untuk meraih sokongan.

4 Koyak

a) Denotasi: carik, rabak dan sobek.

b) Konotasi: sentap, binasa dan perilaku tidak waras.

5 Payung

a) Denotasi: alat bertangkai yang digunakan untuk mengelakkan diri daripada hujan atau sinar matahari.

b) Konotasi: belanja, tunjuk, konsep pemasaran bersepadu.

6 Gila

a) Denotasi: tidak waras, kurang siuman.

b) Konotasi: sangat, terlalu.

Penulis harus bijak menggunakan kedua-dua kaedah makna kata dalam pernyataan mesej mereka mengikut konteks yang betul. Makna denotasi digunakan secara meluas bagi pembacaan ilmiah kerana pembaca tidak mempunyai ruang untuk berimaginasi dalam mendapatkan maklumat. Maklumat dan fakta disampaikan secara langsung. Namun karya-karya sastera lebih mengaplikasikan konsep konotasi dalam penulisan bagi merangsang kognitif pemikiran minda bawah sedar pembaca. Menurut Tuan Asri Husin dalam Sinar Harian (27 Jun 2021) menjelaskan ayat-ayat sebegini akan mempengaruhi pemikiran, menajamkan persepsi, menghidupkan imaginasi dan daya intelek pembaca. Ia tidak memerlukan kosa kata yang baharu. Cukup sekadar kosa kata sedia ada tetapi memberikan makna. Satu perkara yang jelas dalam karya sastera, penghayatan makna konotasi bukan semata-mata merujuk kepada kosa kata tersebut sahaja. Pengertiannya lebih meluas dan menyeluruh merangkumi makna sebenar ayat dan karya itu sendiri. Karya sastera terutama puisi tradisional seperti pantun, syair, seloka dan gurindam serta puisi moden iaitu sajak, banyak menekankan aspek konotasi dalam penulisan. Penulis lebih cenderung menggunakan kata, ungkapan dan struktur ayat yang bersifat konotasi bagi menyampaikan mesej dan pemikiran secara subteks atau tersirat. Bahasa berkias dan berlapis juga banyak ditemui dalam pepatah petitih, bidalan, perumpaman, peribahasa dan ungkapan yang diperturunkan sejak generasi terdahulu. Tuan Asri Husin, Setiausaha Agung Kehormat Persatuan Penyair Malaysia (Penyair), memberikan contoh estetika konotasi melalui dua rangkap terakhir dalam puisi Punggung Tanganku Payung seperti yang berikut:

"Apa khabar hujan di pipimu;
Punggung tanganku payung agar pipimu tidak basah lagi."

Rangkap puisi tersebut memberikan pemahaman makna yang berbeza kepada pembaca yang membuatkan mereka berfikir dan mencari makna sebenar di sebalik pemikiran penulis. Ia ada hubung kait dengan tiga tahap komunikatif dalam puisi menurut pandangan Profesor Datuk Rahman Shaari, pemenang S.E.A Write Award 2007. Tahap pertama, baca dan terus faham. Tahap kedua, baca dan kurang faham, dibaca lagi dan akhirnya difahami. Tahap ketiga pula, dibaca dan dibaca berulang kali tetapi langsung tidak difahami. Puisi yang baik sewajarnya berada pada tahap komunikatif kedua. Perkara yang sama diterapkan dalam penulisan genre sastera secara keseluruhannya terutama karya-karya agung Sasterawan Negara.

Secara dasarnya, gaya bahasa dalam sesuatu pengkaryaan dihubungkaitkan dengan kemahiran bahasa dan ketinggian mutu bahasa seorang penulis. Ketinggian mutu bahasa merujuk kepada pemakaian gaya kiasan dan gaya retorik. Menurut Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010), retorik didefinisikan sebagai teknik pemakaian bahasa secara berkesan dalam penulisan atau pertuturan yang bertujuan mempengaruhi pembaca. Gaya retorik dalam masyarakat Melayu khususnya digunakan sebagai elemen penarik berbanding maksud yang hendak disampaikan dengan mengutamakan kepada susunan idea dan penggunaan bahasa yang baik. Penggunaan gaya kiasan dan retorik menjadikan penulisan tidak bersifat jumud dan klise. Kedua-dua gaya ini memberikan pengaruh yang besar terhadap keindahan dan unsur estetika dalam karya sastera. Kedua-duanya saling bersandar untuk menghasilkan kehalusan makna dan menjadikan pemakaian bahasa itu lebih menarik dan berkesan. Walaupun kedua-dua gaya ini sering kali dianggap sama namun jika dihalusi secara rinci kedua-duanya masih memiliki ciri-ciri perbezaan tersendiri.

Nilai estetika juga boleh dilihat dalam bentuk-bentuk makna kata tersebut. Berdasarkan blog Cikgu Noor turut menerangkan terdapat enam bentuk makna iaitu:

Bentuk Makna	Keterangan
Sinonim	Kata yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama. ● Cantik= indah ● Hangat= panas
Antonim	Perkataan-perkataan yang mempunyai makna yang berlawanan. ● Panas=sejuk ● Kuat=lemah
Hiponim	Kata yang mempunyai lingkungan dalam struktur makna. ● Perabot: makna umum ● Kerusi, meja, almari, katil, sofa: makna khusus Perabot adalah kata hiponim yang melingkungi benda-benda seperti kerusi, meja, almari, katil dan sofa.
Meronim	Perkataan-perkataan yang menunjukkan hubungan sebahagian daripada. ● Atap, dinding, lantai, tingkap dan dapur ialah sebahagian daripada sebuah rumah. Oleh itu, perkataan tersebut menjadi meronim kepada rumah.
Polisim	Satu perkataan yang mempunyai makna yang banyak atau satu set makna. ● Mentah i) masih muda (buah-buahan) ii) tidak masak (masakan) iii) belum masak (makanan) iv) belum diproses (bahan galian dan sebagainya) v) Belum sempurna akal atau belum matang pemikiran (manusia) vi) Belum sempurna atau tidak kukuh/lengkap (hujah, penulisan)
Homonim terbahagi kepada dua: Homofon	Kata-kata yang sama sebutan tetapi berbeza dari segi ejaan dan makna atau satu set makna. ● Masa (waktu) ● Massa (media)
Homograf	Kata-kata yang sama ejaannya dan mempunyai sebutan berbeza. ● Perang (war) dan perang (warna) ● Rendang (masakan) dan rendang (tumbuhan) ● Reda (rela, ikhlas) dan reda (teduh, pulih)

Selain nilai estetika bahasa, penulis sewajarnya memberikan perhatian yang mendalam terhadap proses suntingan bahasa yang merangkumi kesalahan tatabahasa seperti ejaan, imbuhan, kata hubung, kata jamak, penggunaan kosa kata yang betul dan sebagainya. Antaranya ialah:

1. Penggunaan kata

A. Kata Sendi

Kategori Kata	Penggunaan	Contoh
Di- Pada-	Kata arah menunjukkan tempat. Menunjukkan masa/tempat/ tahap (fasa/peringkat) Apabila benda tersebut melekat pada sesuatu tempat.	....jumpa awak di rumah. ....pada tahun 70-an. Pada peringkat kedua saringan.... Cat pada dinding.
Dalam Di dalam	Sendi nama abstrak iaitu sesuatu yang tidak nampak secara fizikal, tiada ruang dan tidak nyata. Sendi nama konkrit iaitu mempunyai bentuk fizikal yang nyata.	Dalam masyarakat. Di dalam bakul.
Kepada Pada	Kata sendi arah. Kata sendi tempat. Gantikan 'pada' dengan 'kepada' apabila berlaku perubahan dari satu tempat ke tempat lain.	Anugerah itu diberikan kepada Encik Kassim. Lukisan pada dinding gua. Tumpukan perhatian kepada kakitangan masing-masing.
Dari Daripada	Arah, tempat dan masa (ATM). Asal-usul, perbandingan & sumber.	dari luar negara. ...dari tingkat bawah. ...dari hujung rambut sampai hujung kaki. ...daripada Tuhan. ...diperbuat ddaripada tepung. ...lebih sedap daripadakuih koci.
Untuk Bagi Demi	i. Menunjukkan kegunaan sesuatu/manfaat. ii. Menunjukkan tujuan. iii. Menyatakan bahagian yang ditentukan atau diperuntukkan. Digunakan di depan kata kerja. Menunjukkan sebab sesuatu perbuatan dilakukan oleh kata nama dalam ayat tersebut. Boleh digantikan dengan kata 'untuk' dalam keadaaan tertentu. i. Membawa makna tujuan. ii. Sebagai penegas.	Rumah untuk anak-anak yatim Sri Petaling sedang dibina. Bukan mudah untuk menjadi pelajar terbaik dengan hanya membaca buku. Ahmad membeli bunga untuk Julia. Pasukan hoki itu berlatih dan bekerja keras bagi (untuk) mendapat kejayaan. Rakyat Malaysia mesti bekerja keras demi kemajuan negara. Demi Tuhan, aku bersumpah tidak akan melakukan pekerjaan itu lagi.

B. Kata Hubung

Kategori Kata	Penggunaan	Contoh
Atau Ataupun	Sama makna/lain makna. Digunakan apabila menggunakan perkataan "sama ada".	Wanita atau lelaki. Dia pergi juga tanpa mengira sama ada permohonannya ditolak ataupun diterima.

C. Kata Jamak

Kategori Kata	Penggunaan	Contoh
Kata bilangan tentu	Menunjukkan jumlah yang banyak melalui penomboran.	Sepuluh buah cawangan.
Kata bilangan himpunan	Merujuk kepada ibu dan bapa secara bersama. Membawa pengertian jamak.	Kedua-dua ibu bapa. Berikut adalah senarai persatuan.

D. Kata Penegas

Kategori Kata	Penggunaan	Contoh
Pun	Membawa maksud 'juga' perlu dieja terpisah daripada perkataan sebelumnya. Hanya 13 ejaan dieja rapat atau bercampur dengan perkataan sebelumnya.	Dia pun (juga) ikut sama. adapun/andaipun/meskipun/biarpun/walaupun/ataupun/bagaimanapun/kendatipun/lagipun/mahupun/sekalipun/sungguhpun/kalaupun

2. Penggunaan imbuhan

A. Pengabaian penggunaan imbuhan

Kategori Kata	Contoh
A. Pengabaian penggunaan imbuhan	
Imbuhan awalan 'me-'	Pihak kerajaan ambil tindakan tegas. ● Pihak kerajaan mengambil tindakan tegas.
Imbuhan akhiran '-kan'	Setiap staf wajib memberi sumbangan solidariti. ● Setiap staf wajib memberikan sumbangan solidariti.

B. Penggunaan Imbuhan Awalan

Apabila bentuk awalan 'meng' dan bentuk apitan 'meng...kan' dengan kata dasar K, P, S, T maka kata awalannya digugurkan.

- Mengkurung = mengurung/mengurungkan
- Mempastikan = memasti/memastikan
- Mensahkan = mengesah/mengesahkan
- Mentunjuk = menunjuk/menunjukkan

Imbuhan awalan 'meng-' dan diikuti dengan perkataan yang bermula dengan huruf 'g' perlu dieja dengan'gg'

- Ganti = mengganti
- Gulai = menggulai
- Gunung = menggunung

mbuhan awalan 'memper-' dan 'diper-' diikuti frasa adjektif (kata sifat) tidak boleh diberi akhiran '-kan.'

✓ Lebar = diperlebar
✗ = diperlebarkan

✓ Cantik = mempercantik
✗ = mempercantikkan

Imbuhan awalan 'di-' dirapatkan apabila perkataan selepasnya adalah kata kerja atau menerima apitan akhiran 'nya' atau 'kan' di belakangnya.

- Makan = dimakan
- Nilai = dinilaikan

C. Penggunaan Imbuhan Akhiran

Akhiran '-an' menghasilkan kata nama (noun).
Akhiran '-kan' menghasilkan kata kerja (verb).

- Masak
- Masakan
- Masakkan
- Memasakkan
- Dimasakkan

Menggunakan akhiran '-kan' dan '-i' bagi membentuk kata kerja yang berbeza fungsi.

- Pihak pengurusan menghadiahi saya sebulan bonus
- Pihak pengurusan menghadiahkan sebulan bonus kepada saya.

Kategori Kata	Contoh
Kata Soal 'di mana' dan 'yang mana'	Digunakan bagi menyoal, dan dalam keadaan tidak pasti Di mana awak tinggal? (menyoal) Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. (tidak pasti) Tidak boleh digunakan dalam ayat penyata. ● ...adalah penghasilan kimpalan titik di mana daya dikenakan secara manual. ● ...adalah proses yang mana pelakuran dihasilkan secara pemanasan. Perlu menyusun atau membina semula ayat yang lebih bersesuaian. ● ...adalah penghasilan kimpalan titik, iaitu daya dikenakan secara manual pada elektrod dan benda kerja. ● ...adalah proses penghasilan pelakuran secara pemanasan.
Mencolok mata Menjolok mata	Tidak boleh digunakan dalam ayat penyata. ● Kakitangan syarikat khususnya wanita dilarang memakai pakaian yang mencolok mata. Menusuk atau merodok mata dengan sesuatu. ● Dia menjolok mata lembu itu bagi mengeluarkan isinya yang enak.
Berbahaya Marabahaya Merbahaya	Boleh mendatangkan bahaya, mengancam kesihatan ataupun keselamatan. ● Kawasan lombong itu adalah kawasan yang berbahaya. Bermacam-macam bencana atau bahaya ● Farah sanggup menempuh segala marabahaya asalkan hasrat ibunya tercapai. Tidak wujud dalam perbendahaan kata.
Oleh sebab dan oleh kerana	Frasa oleh ialah kata sendi nama, kerana ialah kata hubung dan sebab ialah kata nama. Dalam BM, frasa sendi nama harus diikuti oleh kata nama. ● Oleh kerana angin terlalu kencang semasa hujan.
Di kalangan dan dalam kalangan	Kata sendi 'di' merujuk kepada tempat. Kata kalangan bermaksud lingkungan atau golongan. Penggunaan 'dalam kalangan' betul kerana menunjukkan termasuk, bersama-sama atau terlibat sama. ● Pihak sekolah tidak membenarkan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar.
Ia atau ianya	'Ia' adalah kata ganti diri ketiga. 'nya' tergolong dalam kata ganti diri ketiga. Kedua-dua ini tidak boleh digabungkan. ● Ianya tidak mudah dilentur. ● Ia tidak mudah dilentur.

Boleh	Digunakan bagi merujuk keizinan. ● Hanya pegawai tertentu yang boleh masuk ke dalam bilik kawalan.
Dapat	Menunjukkan 'dapat dilakukan'. ● Semua pegawai dapat menganalisis keputusan tersebut.
Mampu	Merujuk kepada keupayaan. ● Dia mampu menulis artikel dengan baik selepas menghadiri kursus.
Agar dan Supaya	Tukar 'agar' kepada 'supaya' kerana perkataan 'agar' tidak menerangkan logik. Sesuai untuk karya fiksyen. ● Proses itu perlu dilakukan supaya keputusan yang diperoleh lebih tepat.
Kerana	Merujuk kepada alasan dan rasional. Ia melibatkan akal manusia. ● Beliau berpisah kerana pada pendapatnya itu lebih baik.
Sebab	Merujuk kepada faktor penyebab, punca dan ada logik saintifik. ● Harga makanan naik sebab harga minyak naik.
Atas	Merujuk kepada subjek, sebab, ataupun alasan. ● Saya ingin mengucapkan terima kasih atas kehadiran tuan dan puan.
Di atas	Merujuk kepada kedudukan. ● Letakkan cawan itu di atas meja.
Ke atas	Merujuk kepada maksud menimpa. ● Serangan ke atas Iraq itu mengakibatkan kemusnahan yang teruk.
Bakal	Merujuk kepada status dan diikuti dengan kata nama. ● Dia itu bakal suami saya. ● Rahman bakal dinaikkan pangkat sebagai pengurus.
Akan	Merujuk kepada masa. ● ... akan dilahirkan. ● ... akan dianugerahkan

Bakal	Merujuk kepada status dan diikuti dengan kata nama. ● Dia itu bakal suami saya. ● Rahman bakal dinaikkan pangkat sebagai pengurus.
Akan	Merujuk kepada masa. ● ... akan dilahirkan. ● ... akan dianugerahkan

Tentang	Rujukan sesuatu yang tidak tentu atau umum. ● Mereka berbincang tentang masalah negara.
Mengenai	Merujuk kepada kata kerja yang membawa maksud kena pada. ● Bola yang ditendangnya mengenai palang gol.
Banyak	Merujuk kepada jumlah atau bilangan yang melebihi satu atau seseorang, sama ada manusia, binatang atau benda. Jumlahnya dapat diketahui atau dikira. ● Banyak murid yang ponteng sekolah pada hari ini.
Ramai	Merujuk kepada jumlah yang melebihi seorang berdasarkan suasana. Ia berkaitan suasana riuh-rendah, meriah, sibuk, banyak penghuninya, suara majoriti, umum. ● Ramai penonton yang memenuhi stadium ketika Selangor menentang pasukan Kelantan pada malam tadi.
Orang ramai	Merujuk kepada masyarakat atau orang awam. ● Perdana Menteri mempersilakan orang ramai untuk menghadiri majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Kuala Lumpur.
Ramai orang	Menunjukkan suasana iaitu orang yang berada di sesuatu tempat sebab menghadiri aktiviti, program atau kejadian. ● Masih ramai orang yang tidak mengetahui lokasi Pusat Pemberian Vaksin di sekitar Melaka.
Mapan (*established*)	Tidak berubah-ubah. Sudah diterima umum. Mantap. Stabil. Teguh. ● A.Samad Said sudah dikenali sebagai seorang penulis yang mapan.
Mampan (*sustainable*)	Mampu terus berkembang dan mengekalkan prestasi yang baik. ● Pembangunan luar bandar haruslah disertakan dengan rancangan ekonomi yang mampan.
Mempan (*vulnerable*)	Daya tahan yang lemah. Dapat dilukai oleh senjata. Dapat terbakar oleh api. Mujarab. ● Jaket kalis peluru sudah berkali-kali ditembak, namun tidak juga mempan.
Pelaksanaan	Proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas dan sebagainya). ● Pelaksanaan BDR sedang dilaksanakan di seluruh negara bagi mengekang penularan pandemik COVID-19.
Perlaksanaan	Hasil daripada melaksanakan (mengerjakan, menyelesaikan) sesuatu rancangan (tugas dan sebagainya). ● Perdana Menteri mengkaji perlaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan.
Karenah	Alamat, bukti, tanda. ● Kejadian-kejadian ganjil yang sering terjadi kini menunjukkan karenah akhir zaman.
Kerenah	Ragam, tingkah laku, kemahuan. ● Kelambatan pemprosesan permohonan itu disebabkan oleh kerenah birokrasi.

3. Pembinaan ayat

Penulis dan editor akan melihat struktur pembinaan ayat berdasarkan beberapa kriteria berikut:

- Menggunakan lebih banyak kata kerja berimbuhan ber-, me- ataupun di- dan mengurangkan kata terbitan seperti pe-an dan ke-an.
- Menggunakan struktur ayat aktif bagi memudahkan pembaca memvisualkan idea penulis.
- Mengurangkan kosa kata baharu yang tidak difahami oleh pembaca baharu.
- Menggunakan gaya bahasa objektif, logikal dan rasional. Mengelakkan penggunaan perkataan-perkataan subjektif dan beremosi.
- Mengelakkan penggunaan kata penegas. Menggunakan pembandingan bagi menggambarkan sesuatu objek itu dengan lebih jelas dan konkrit.
- Menerangkan maklumat baharu dalam penulisan dengan lebih jelas dan lengkap supaya pembaca dapat memahami apa yang ingin disampaikan.
- Menggunakan logik waktu apabila menulis berbanding logik akal.
- Mengehadkan hanya 12 hingga 16 patah perkataan dalam satu baris ayat. Ayat yang terlalu panjang akan mengelirukan pemahaman pembaca.

4. Ejaan

i) **Memastikan ejaan yang digunakan mengikut ejaan semasa.**

Salah	Betul
Mertua	Mentua
Hajjah	Hajah
Atlit	Atlet
Efisyen	Efisien
Faksimili	Faksimile
insyaAllah	Insya-Allah
Korum	Kourum
Kontigen	Kontijen
Lagenda	Legenda
Mee	Mi
Temu janji	Janji temu
Menghadkan	Mengehadkan
Mengwar-warkan	Menguar-uarkan

ii) **Memastikan keselarasan perkataan yang dieja rapat.**

Ejaan
Kadangkala
Kerjasama
Pesuruhjaya
Padahal
Barangkali
Warganegara
Waswas
Pascanilai
Manakala
Olahraga
Suruhanjaya
Walhal
Antarabangsa
Setiausaha
Sosioekonomi
Prokerajaan

iii) **Memastikan keselarasan perkataan yang dieja terpisah.**

Ejaan
Temu bual
Ibu bapa
Tambah baik
Kemas kini
Ubah suai
Tengah hari
se-Malaysia
Kuat kuasa
Hak milik
Urus setia
Maklum balas
Hubung kait
Sekali gus
Kekuasaan-Nya (Allah SWT)

iv) **Memastikan daftar istilah adaptasi bahasa asing.**

Salah	Betul
Dummy	Dami
Spagheti	Spageti
Validity	Kesahan
Reliability	Kebolehpercayaan
Podcast	Audio Siar
Email	E-mel
Platform	Pelantar
Review	Resensi/Ulasan
Concealer	Sahap Noda
Setting	Tetapan
Booth	Reruai
Kiosk	Kios
Viral	Tular
Crawler	Rerayap
Virtual	Maya

Walaupun tugas editor adalah membuat penyuntingan, namun proses semakan tatabahasa ini turut menjadi tanggungjawab penulis untuk memastikan manuskrip yang dihasilkan kemas dan dibina dengan struktur ayat yang betul. Penulis perlu melihat ruang lingkup peranan mereka dengan lebih objektif. Menulis dengan hanya sekadar menulis tanpa menjaga keindahan bahasa dalam penulisan, ibarat cerita tanpa hala. Pembacaan menjadi kurang menarik dengan struktur dan binaan ayat yang tidak selaras, bahasa yang tidak seragam dan tahap penulisan tidak mendepani zaman semasa. Mungkin kerja-kerja penyuntingan asas oleh penulis tidak mencapai tahap profesionalisme editor namun sekurang-kurangnya penulis mempunyai inisiatif memastikan kualiti penulisan yang terbaik.

Rumusan

Berdasarkan rekod DBP, sehingga Julai 2021 terdapat sekurang-kurang 12,500 orang penulis bukan fiksyen yang aktif. Angka ini tidak termasuk penulis buku-buku fiksyen dan bukan fiksyen yang menerbitkan karya masing-masing di rumah penerbitan komersial atau secara swaterbit. Namun, perangkaan bagi editor agak kurang jelas disebabkan ketiadaan sumber rujukan yang sahih. Permasalahan utama adalah tiada badan khusus yang merekodkan data penglibatan sebenar penulis dan editor di Malaysia. Pada dasarnya, editor dan penulis mempunyai peranan yang berbeza. Namun, perkaitan dan keterikatan tugas yang saling berkait telah mewujudkan satu jalinan kerjasama yang akrab antara keduanya. Seorang penulis memerlukan mata dan pandangan kedua untuk melihat manuskrip yang dihasilkan.

Editor pula harus berlaku jujur apabila memberi pendapat mereka. Penulis yang mengaplikasikan teknik-teknik editorial dalam penulisan mereka, pasti akan menemukan satu formula yang berkesan untuk menghasilkan karya-karya yang lebih baik di masa hadapan. Malah penulis dapat menulis sesuatu yang memberikan makna kepada masyarakat dan pemikiran secara editor memperjelas perspektif pemikiran. Penulis harus bersedia mengadaptasi perubahan yang berlaku. Citarasa manusia sering berubah mengikut pembangunan evolusi semasa namun ia seharusnya memupuk kewarasan pemikiran manusia.

"Jika ingin menjadi seorang penulis pertama sekali kena membaca, kedua kena membaca, ketiga, membaca, keempat membaca dan kelima baru menulis".

Datuk A. Samad Said, Sasterawan Negara


Hang Tuah
Catatan Vijayanagara

Ulasan oleh:
Suraya Omar
Caw. Dokumentasi dan Penerbitan

Buku 'Hang Tuah Catatan Vijayanagara', dikarang oleh pengarang yang turut menulis berkaitan buku Hang Tuah Catatan Okinawa, iaitu Profesor Emeritus Hashim Musa dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Rohaizah Kamaruddin, Pensyarah Kanan di UPM serta Shamshull Kamar Ahmad. Buku setebal 173 halaman yang diterbitkan oleh Penerbit UPM ini merupakan kesinambungan buku Hang Tuah: Catatan Okinawa bagi membuktikan kewujudan watak Hang Tuah dalam sejarah Melayu Nusantara.

Bagi mengukuhkan lagi kewujudan watak Laksamana Melaka ini, penulis telah ke Vijayanagara, India seperti yang tercatat dalam buku Hikayat Hang Tuah (HHT). Kawasan yang dikaji adalah Hampi, iaitu runtuhan jajahan Vijayanagara, yang terletak kira-kira 320km dari bandar Goa, India. Terdapat satu bangunan di Hampi yang terukir gambar lelaki berdastar yang menaiki kuda. Hikayat Hang Tuah telah menceritakan bagaimana Laksamana Hang Tuah ke Vijayanagara dan di antara tugasan yang diberi oleh Maharaja Vijayanagara adalah perlu menjinakkan kuda tezi milik baginda.

Perjalanan Hang Tuah ke Vijayanagara (dalam Hikayat Hang Tuah disebut Bijaya Negaram) dan peristiwa yang berlaku di sana merupakan episod yang diceritakan dengan panjang lebar dalam Hikayat Hang Tuah, iaitu menjangkau 21 halaman dalam versi transliterasi Kassim Ahmad (1966) pada halaman 342-363. Peristiwa ini berkemungkinan besar ada asas sejarahnya.



Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan beberapa fakta antaranya ialah peristiwa Hang Tuah disebut dalam episod ke-28 siri penggambaran sejarah India, Bharat Ek Khoj berasaskan buku Jawaharlal Nehru (Presiden India yang pertama), *The Discovery of India*.

Keduanya, ukiran pada dinding batu di runtuhan Empayar di Hampi menunjukkan seorang lelaki yang berdastar Melayu sedang menunggang kuda, kemungkinan besar melambangkan peristiwa Hang Tuah menjinakkan dan menunggang kuda tezi milik raja.

Ketiga, nama kerajaan, Raja Krishna Deva Raya dengan pelabuhan Nagapattinam ada tercatat dalam Hikayat Hang Tuah dengan sedikit perubahan, iaitu; Vijayanagara= Bijaya Negaram, Krishna Deva Raya= Kisna Rayan, dan Nagapattinam= Nagapatnam.

Catatan nama yang sama ini dapat membuktikan bahawa kemungkinan besar terjalinnya hubungan antara kerajaan Melaka dengan Empayar dan kelihatan rombongan dari Melaka yang dihantar oleh Sultan Melaka demi menjalinkan hubungan diplomatik dan juga hubungan perdagangan; rombongan demikian diketuai oleh Laksamana Hang Tuah.

Semoga dengan penulisan ini mengukuhkan bukti dan adiwira yang diberi nama Hang Tuah ini benar-benar wujud dalam sejarah kegemilangan Empayar Melaka.

PENERBITAN BAHARU



SENARAI BUKU

BIL	TAJUK	HARGA (RM)
1.	*1000 Pantun Dondang Sayang*	*20.00*
2.	*Alam Terbentang Menjadi Guru*	*20.00*
3.	*Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan*	*8.50*
4.	*Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah*	*8.50*
5.	*Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia*	*23.00*
6.	*Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung*	*15.00*
7.	*Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Tebal)*	*43.00*
8.	*Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Nipis)*	*35.00*
9.	*Acting Aspect in Bangsawan Theatre*	*35.00*
10.	*Bahasa Dijajaran Masa : Isu & Tanggapan*	*15.00*
11.	*Bahasa Melayu Titian Ilmu (Jilid 2)*	*20.00*
12.	*Betulkan Yang Biasa*	*23.00*
13.	*Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis*	*25.00*
14.	*Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani*	*12.00*
15.	*Bobolian : Seni Teater Etnik Dusun*	*34.00*
16.	*Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Jilid 1)*	*20.00*
17.	*Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Mandarin)*	*20.00*
18.	*Cerita Lisan Jakun : Dari Lembangan Endau – Rompin*	*13.00*
19.	*Dondang Sayang Seni Tradisi Negeri Melaka*	*10.00*
20.	*Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni dan Budaya*	*25.00*
21.	*Gambus : Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan Di Johor*	*25.00*
22.	Globalisasi & Cabaran Budaya Di Malaysia	20.00
23.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia	18.00
24.	Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Mandarin)	35.00
25.	Istiadat Naik Buai	8.50
26.	Joget Gamelan Terengganu & Pahang	78.00
27.	Joget Lambak	10.00
28.	Kanjet	25.00
29.	Kebudayaan Malaysia : Satu Pengenalan (Kulit Tebal)	20.00
30.	Kebudayaan Malaysia : Satu Pengenalan (Kulit Nipis)	17.00
31.	Kesenian & Kebudayaan Dalam Penyuburan Integrasi Nasional Di Malaysia	11.00
32.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara	23.00
33.	Koleksi Lagu-lagu Koir Kebangsaan (Bersama CD)	33.00
34.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang	10.00
35.	Koleksi Puisi Tradisional Berbalas Pantun Merakam Zaman	35.00
36.	Koleksi Pantun Majlis Rasmi	10.00
37.	Koleksi Skrip Siri Semarak Bangsawan	20.00
38.	Lirikan Lirik	30.00
39.	Lundayeh Dictionary	45.00
40.	Malaysian Customs & Traditions	28.00
41.	Malaysian Culture : An Introduction (Kulit Tebal)	20.00
42.	Malaysian Culture : An Introduction (Kulit Nipis)	17.00
43.	Malaysian Festivals	25.00
44.	Malaysian Weddings	28.00
45.	Manuskrip Syarahan Perdana Budaya 2011- 2016	25.00
46.	Modul Inspitari Siri 1 : Pilihan Tarian-Tarian Inspitari 2013 (Bersama DVD)	45.00
47.	Modul Pengajaran & Pembelajaran Mak Yung	23.00
48.	Monograf Seni Budaya Bil. 1	30.00
49.	Monograf Seni Budaya Bil. 2	24.00
50.	Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita	15.00
51.	Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang	12.00
52.	Pemikiran Kesusasteraan : Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan	16.50
53.	Penyair Laut J. M. Aziz	30.00
54.	Perkahwinan Masyarakat Di Malaysia	30.00
55.	Perubahan Sosio Budaya Dalam Masyarakat	33.00
56.	Plural Culture & Society In Malaysia	20.00
57.	Rampaian Seni Terengganu	15.00
58.	Resepi Nasi 100	30.00
59.	Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara (Jilid 3)	20.00
60.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis	8.50
61.	Seni Berbari	34.00
62.	Seni Persembahan Tradisional Malaysia	21.00
63.	Seri Terengganu	25.00
64.	Set Koleksi Siri Mengenal Budaya 1/2003 (Dabus, Hamdolok,Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	48.00
65.	A Collection Of Cultural Appreaciation Series 1/2003 (Dabus, Hamdolok,Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	48.00
66.	Silat – Warisan Bangsa Malaysia	25.00
67.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Dabus	10.00
68.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Kompang Jawa	15.00
69.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara (Haji Abdul Rahman Abu Bakar, Datuk Dr. Ahmad Nawab bin Nawab Khan dan YB. Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin)	42.00
70.	Syair Asyiqin	12.00
71.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Tebal)	52.00
72.	Syed Alwi Seniman Negara Kulit Nipis)	30.00
73.	Syed Alwi Artiste Extraordinaire	30.00
74.	Tamadun Rumpun Budaya Melayu	20.00
75.	The Malays Language : Bridge To Knowledge	20.00
76	The Traditional Musical Instruments Of The Malays In Malaysia	27.00
77.	Tradisi Lisan Bercorak Cerita	30.00
78.	Warisan Budaya Identiti Malaysia : Gendang Pahang	21.00
79.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu	15.00



SENARAI CD/VCD/DVD

BIL	TAJUK		HARGA (RM)
1.	Bangsawan 5 Bersaudara	DVD	20.00
2.	Bangsawan Chelorong Cheloreng	DVD	10.00
3.	Festival Tari Malaysia 2009	DVD	20.00
4.	Gerak 2011	DVD	10.00
5.	Inspitari 2010	DVD	20.00
6.	Inspitari 2011 : Inspirasi Tari Malaysia (Bersama Buku)	DVD	30.00
7.	Inspitari 2012	DVD	20.00
8.	Inspitari 2013	DVD & CD	26.00
9.	Inspitari 2014	DVD	20.00
10.	Koleksi Tarian Negeri-Negeri Di Malaysia	DVD	20.00
11.	Karaoke Lagu Rakyat Malaysia	DVD & CD	20.00
12.	Konsert Koir Kebangsaan – Kembara Muzikal Teater & Filem	DVD	20.00
13.	Koir Kebangsaan Malaysia : *No Wrong Notes*	DVD	10.00
14.	Pembelajaran Tarian-Tarian Malaysia	DVD	15.00
15.	Senam 1 Malaysia	DVD	10.00
16.	Senam Seni Malaysia	DVD	10.00
17.	Dodoi Si Manja	VCD	10.00
18.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2004	VCD	10.00
19.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	VCD	10.00
20.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	VCD	10.00
21.	Perkahwinan Adat Rembau	VCD	10.00
22.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	VCD	10.00
23.	Selampit Raja Besar Ho Gading	VCD	10.00
24.	Semangat Merdeka	VCD	10.00
25.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	VCD	10.00
26.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolok	VCD	10.00
27.	Tarian Tradisional Terengganu	VCD	10.00
28.	Tunas Budaya	VCD	10.00
29.	Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	VCD	10.00
30.	A Malaysian Journey : Dennis Lau	CD	20.00
31.	Bintang Asli Remaja 2006	CD	15.00
32.	Dendangan Indera Kayangan	CD	10.00
33.	Dendang Rakyat Terengganu	CD	10.00
34.	Folk Tunes of Malaysia	CD	10.00
35.	Gema Warisan – Gamelan Melayu	CD	15.00
36.	Irama Asli (Minus One)	CD	20.00
37.	Irama Malaysia (Minus One)	CD	20.00
38.	Instrumental Keroncong	CD	10.00
39.	Koir Kebangsaan – 'Voices Of Harmony'	CD	20.00
40.	Lagu-Lagu Inspitari 2013	CD	15.00
41.	Lagu-Lagu Inspitari 2014	CD	15.00
42.	Lagu-Lagu Inspitari 2015	CD	15.00
43.	Lagu-Lagu Melayu Sarawak : Tergeleng-geleng	CD	10.00
44.	Lagu-Lagu Rakyat Negeri Pahang : Roslan Madun	CD	10.00
45.	Lagu-Lagu Rakyat Malaysia : Zainal Abidin	CD	10.00
46.	Muzik & Lagu Tradisional Perak	CD	10.00
47.	Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007	CD	10.00
48.	Puisi Tradisional	CD	13.00
49.	Tingkah! – Muzik Paluan & Pergendangan	CD	15.00



POTONGAN SEHINGGA **70%**

* Bagi bahan-bahan terpilih dan tertakluk kepada terma dan syarat-syarat JKKN.

Penerbitan Seni Budaya JKKN merupakan platform untuk menyemarak dan menyampaikan maklumat seni budaya kepada masyarakat. Bahan penerbitan JKKN boleh dicapai menerusi laman sesawang JKKN di www.jkkn.gov.my atau https://issuu.com/jkkngov/docs



PUSAT SUMBER SENI BUDAYA (PSSB) MERUPAKAN PERPUSTAKAAN KHUSUS BAGI BAHAN RUJUKAN SENI BUDAYA. KHALAYAK BOLEH MENGAKSES PENCARIAN BAHAN DI PSSB MENERUSI SISTEM PENGKATALOGAN ATAS TALIAN (KOHA) di www.jkkn.koha.my

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Cawangan Dokumentasi & Penerbitan,

Zubariah Abdullah	: 03-2614 8234
Zuriah Mohamad	: 03-2614 8235
Nor Faiza Arshad	: 03-2614 8326
Mohd Safran Nawi	: 03-2614 8239
Bafti Hera Abu Bakar	: 03-2614 8210
Suraya Bt. Omar (PSSB)	: 03-2614 2069

Direktori JKKN Negeri

Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara
جباتن كبودايأن دان كسنيان نكارا

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
TKT 16, 18, 19, 26, 27, 30 & 34
MENARA TH PERDANA
LOT 1001 JALAN SULTAN ISMAIL
50250 KUALA LUMPUR
TEL:03 – 2614 8200
FAKS:03 – 2697 0884

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, PERLIS
KOMPLEKS JKKN PERLIS
PERSIARAN WAWASAN KANGAR
01000 KANGAR PERLIS
INDERA KAYANGAN
TEL:04 – 979 3604(*204)
FAKS:04 – 977 0117

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, KEDAH
KOMPLEKS JKKN KEDAH
LOT PTD 400
05250 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN
TEL:04 – 731 5930(*205)
FAKS:04 – 733 8128

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, PULAU PINANG
KOMPLEKS PUSTAKA WARISAN SENI
LOT NO. 2180 LINTANG P.RAMLEE
OFF JALAN P. RAMLEE
10460 PULAU PINANG
TEL:04 – 281 7791/ 7792(*206)
FAKS:04 – 281 7781

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, PERAK
KOMPLEKS JKKN PERAK
LOT 20561@20565
JALAN CALDWELL,
OFF JALAN RAJA DI HILIR
30350 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN
TEL:05 – 253 7001(*207)
FAKS:05 – 241 7017

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, SELANGOR
LOT 22.2 TINGKAT 22,
WISMA MBSA
PERSIARAN PERBANDARAN
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL:03 – 5510 2664/2791(*208)
FAKS:03 – 5510 2839

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, WILAYAH PERSEKUTUAN
KOMPLEKS JKKN WPKL
JALAN TUN H.S LEE
50000 KUALA LUMPUR
TEL:03 – 2072 6431(*218)
FAKS:03 – 2070 4064

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, NEGERI SEMBILAN
KOMPLEKS JKKN NEGERI SEMBILAN
JALAN SUNGAI UJONG
70200 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TEL:06 – 763 6308(*209)
FAKS:06 – 763 4417

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, MELAKA
KOMPLEKS JKKN MELAKA
LEBUH AYER KEROH 75450 MELAKA
TEL:06 – 233 1790(*211)
FAKS:06 – 233 1784

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, JOHOR
ARAS 6 KIRI, WISMA PERKESO
NO 26, JLN SUSUR 5
OFF JALAN TUN ABDUL RAZAK
LARKIN, 80200 JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TAKZIM
TEL:07 – 224 8270(*212)
FAKS:07 – 223 9413

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, PAHANG
KOMPLEKS JKKN PAHANG
LOT 57100, JALAN TELUK SISEK
25000 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR
TEL:09 – 517 8466(*210)
FAKS:09 – 517 9466

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, TERENGGANU
KOMPLEKS JKKN TERENGGANU
KUALA IBAI
20400 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN
TEL:09 – 617 8831(*214)
FAKS:09 – 617 8832

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, KELANTAN
KOMPLEKS JKKN KELANTAN
LOT 1993, SEKSYEN 49
TANJONG CHAT
15200 KOTA BHARU
KELANTAN DARUL NAIM
TEL:09 – 741 7000(*215)
FAKS:09 – 741 7004

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, SARAWAK
TINGKAT 5 BANGUNAN
SULTAN ISKANDAR
JALAN SIMPANG TIGA
93000 KUCHING SARAWAK
TEL:082 – 422 006(*216)
FAKS :082 – 244 394

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, SABAH
KM 4 JALAN PENAMPANG
88200 KOTA KINABALU SABAH
TEL:088 – 237052/051(*217)
FAKS:088 – 242 052



Hak Cipta Terpelihara
Terbitan

CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
TINGKAT 16,18,19,26,27,30&34, MENARA TH PERDANA
JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR
TEL:03 2614 8200 FAX:03 2697 0884
www.jkkn.gov.my